

DEWAN UNDANGAN NEGERI TERENGGANU
MESYUARAT YANG KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS

PADA 23 DAN 24 OGOS, 2005

bersamaan

18 DAN 19 REJAB, 1426

Dikeluarkan oleh:

Pejabat Dewan Undangan Negeri
Terengganu

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

daripada:

**SETIAUSAHA
DEWAN UNDANGAN NEGERI
TERENGGANU**

PERSIDANGAN
PADA HARI SELASA, 23 OGOS, 2005

**Hari Selasa,
23 Ogos, 2005**

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 1]
2. Doa. [Muka 5]
3. Ucapan Yang Di Pertua. [Muka 5]
4. Kertas-Kertas Kerja Dan Laporan-Laporan. [Muka 6]
5. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
 - 5.1 *Soalan-soalan Bertulis* [Muka 7]
 - 5.2 *Soalan-soalan Lisan* [Muka 8]
6. Cadangan Di Bawah Fasal 30 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu [Muka 30]
(Cadangan Untuk Menangguhkan Persidangan Dewan Bagi Membincangkan Perkara-Perkara Yang Mustahak Bagi Orang Ramai)

[Bersambung]

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR:

YANG BERTHORMAT YANG DI PERTUA

Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DPMT.,DSAP.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERTHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.

WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Dr. Haji Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.

WAKIL BUKIT PAYONG

Y.B. Dato' Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.

WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Ahmad bin Said, DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Din bin Adam, PJK.

WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Wan Hisham bin Wan Salleh, SMT.,DJN.,PJK.

WAKIL LADANG

Y.B. Datuk Mohd Jidin bin Shafee, DMSM.,AMN.

WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.

WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Encik Toh Chin Yaw
WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Y.B. Encik Asha'ari bin Idris
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, AMT., PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawi bin Mohamad
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah
WAKIL SURABAYA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid, AMT.,PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Encik Khazan bin Che Mat
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Encik Mohd Zawawi bin Haji Ismail
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

TIDAK HADIR (Dengan Maaf):

Y.B. Dato' Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri, DPMT.,KMN.,PJK.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BLB.
YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI
Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI
Haji Azmi bin Moktar, SMZ.,AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

DOA

Dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

UCAPAN YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Marilah sama-sama kita memanjat kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan petunjuk, kekuatan dan limpah kurnia-Nya dapat sekali lagi kita bertemu di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri pada pagi ini.

Persidangan kali ini merupakan Mesyuarat Yang Kedua Bagi Penggal Persidangan Yang Kedua, Dewan Undangan Negeri Yang Kesebelas. Dewan akan bersidang selama dua hari iaitu pada 23 dan 24 haribulan Ogos 2005. Saya pohon kerjasama supaya semasa sesi soal jawab Soalan-soalan Lisan dan juga Perbahasan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian supaya Peraturan-peraturan Dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri bagi Negeri Terengganu Darul Iman tidak diabaikan. Maka adalah diharapkan semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam Persidangan Dewan kali ini dapat mencetuskan idea-idea yang bernas yang boleh membawa kepada kesejahteraan rakyat Negeri Terengganu. Semoga Persidangan kali ini akan berjalan dengan teratur, bertertib dan harmoni.

Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

KERTAS-KERTAS KERJA DAN LAPORAN-LAPORAN

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Kertas-kertas Kerja dan Laporan-laporan yang dibentangkan ialah:

1. Penyata Kewangan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu Tahun 2002.
(D.U.N. Bil.16/2005)
2. Penyata Kewangan Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu Tahun 2003.
(D.U.N. Bil.17/2005)
3. Penyata Kewangan Yayasan Islam Terengganu Tahun 2002.
(D.U.N. Bil.18/2005)
4. Penyata Kewangan Yayasan Islam Terengganu Tahun 2003.
(D.U.N. Bil.19/2005)
5. Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu Tahun 2003.
(D.U.N. Bil.20/2005)
6. Penyata Akaun Awam Negeri Terengganu Bagi Tahun 2004.
(D.U.N. Bil.21/2005)
7. Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Berkenaan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Kira-Kira Negeri Terengganu Bagi Tahun 2002.
(D.U.N. Bil.22/2005)

SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIBERI NOTIS

SOALAN-SOALAN BERTULIS

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Jawapan-jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis yang telah diberi notis dan dibentangkan di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soalan-soalan daripada:

1. Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali
(Wakil Kemasik)
2. Y.B. Dato' Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri
(Wakil Bukit Tunggai)
3. Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang
(Wakil Rhu Rendang)
4. Y.B. Encik Asha'ari bin Idris
(Wakil Langkap)
5. Y.B. Encik Nawi bin Mohamad
(Wakil Hulu Besut)
6. Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib
(Wakil Manir)
7. Y.B. Haji Ramlan bin Ali
(Wakil Jabi)
8. Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad
(Wakil Pengkalan Berangan)
9. Y.B. Dato' Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong
(Wakil Batu Burok)
10. Y.B. Encik Khazan bin Che Mat
(Wakil Batu Rakit)
11. Y.B. Encik Mohd Zawawi bin Ismail
(Wakil Kuala Berang)
12. Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut
(Wakil Wakaf Mempelam)

SOALAN-SOALAN LISAN

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sekarang kita masuk kepada Soalan-soalan Lisan. Sebelum saya menjemput Yang Berhormat yang berkenaan untuk mengemukakan soalan-soalannya, suka saya maklumkan di sini saya menerima surat meminta kebenaran tidak dapat hadir Persidangan Dewan kali ini oleh dua orang Yang Berhormat iaitu Wakil Bukit Tinggi dan juga Wakil Alor Limat.

Persidangan pada hari ini 23hb. Ogos 2005 dan esok 24hb. Ogos 2005, sesi Soalan-soalan Lisan akan diberikan masa selama 1 jam dan soalan-soalan tambahan mengikut Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri fasa 27(5). Soalan tambahan hanya dibenarkan tiga soalan bagi setiap soalan.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya maklumkan memandangkan tempoh sesi Soalan Lisan hanya dibenarkan satu jam sahaja. Didapati Yang Berhormat-Yang Berhormat yang mana senarai namanya terke bawah kebiasaannya tidak dapat mengemukakan soalan-soalannya sama ada hari pertama ataupun hari-hari berikutnya. Untuk memberi ruang yang sama, Soalan-soalan Lisan pada 24hb. Ogos 2005, saya akan memulakan dengan soalan-soalan oleh Yang Berhormat yang namanya selepas Yang Berhormat mengemukakan soalan terakhir pada hari ini dan seterusnya. Sehubungan dengan itu, saya meminta kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat berkenaan bersedia untuk mengemukakan soalan dan juga kepada pihak Kerajaan bersedia untuk memberi jawapan kepada soalan-soalan berkenaan.

Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Kemasik untuk mengemukakan soalan-soalannya.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama –

Sejak beberapa bulan lalu kecoh mengenai kononnya Kerajaan Negeri meroboh "Masjid" tetapi sebenarnya Markas Pas.

- (a) *Berapa buah masjidkah yang dibina di Parlimen Kemaman pada tahun 2000 hingga 2004?*
- (b) *Berapakah peruntukan yang disediakan Kerajaan Negeri kepada masjid-masjid di seluruh negeri tahun lalu dan tahun ini?*
- (c) *Berapa banyakkah Kerajaan Negeri membelanjakan untuk membayar elain kepada Imam dan Bilal pada tahun 2004 dan tahun 2005?*

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, tidak ada masjid yang dirobuhkan di Bujal sebagaimana didakwa dan Kerajaan Negeri tidak pernah menerima mana-mana permohonan oleh mana-mana pihak untuk membina masjid di kampung tersebut. Malahan masjid yang sedia ada adalah Masjid Kampung Payoh yang terletak kira-kira 1.5 kilometer daripada Kampung Bujal dan Kampung Bujal adalah merupakan kampung kecil yang berada di Kampung Payoh itu sendiri. Malahan Masjid Kampung Payoh digunakan oleh tiga kampung yang berdekatan Dato' Yang Di Pertua, iaitu penduduk Kampung Payoh, Bukit Teruna dan Batu 9. Masjid tersebut mampu menampung seramai 600 orang jemaah pada satu-satu masa.

Di samping itu, mengikut Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Terengganu 1420 Hijrah bersamaan 2001 Masihi yang diluluskan pada 2001 oleh Kerajaan Pas ketika itu menyatakan bahawa mana-mana orang yang melanggar peruntukan seksyen 1 adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-dua sekali dengan membina masjid tanpa kebenaran. Berasaskan enakmen yang ada, yang dirobuhkan itu bukanlah masjid tetapi adalah Markas Pas kerana tidak ada permohonan rasmi untuk membina masjid di kawasan berkenaan sebagaimana diperuntukkan oleh Enakmen yang diluluskan oleh Kerajaan Pas ketika itu. Yang kedua, tiada sebarang kelulusan atau kebenaran rasmi diberikan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri iaitu MAIDAM untuk pembinaan bangunan masjid seksyen 82(1) cerai (a) – 'Tiada sebarang kelulusan atau kebenaran rasmi diberikan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri iaitu MAIDAM untuk menggunakan mana-mana bangunan sebagai masjid seksyen 82(1) (b) – 'Tiada sebarang kelulusan atau kebenaran rasmi

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Tuan Yang Di Pertua, pohon laluan? Apa yang dijelaskan oleh Kerajaan sekejap tadi, pemimpin-pemimpin Pas telah datang ke kampung-kampung memberi ceramah, memberi tahu Kerajaan Barisan Nasional meroboh masjid selama ini, adakah yang diperkatakan oleh pemimpin-pemimpin Pas itu berbohong, Dato' Yang Di Pertua?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, Pas memanglah kerjanya berbohong. Saya ingin perjelaskan lebih lanjut Dato' Yang Di Pertua, tiada sebarang kelulusan atau kebenaran rasmi diberikan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri iaitu MAIDAM yang menetapkan mana-mana bangunan menjadi masjid seksyen 82(1) cerai (c) – 'MAIDAM tidak boleh memberi kebenaran mendirikan masjid di sini kerana tapak bangunan yang dirobuhkan itu bukan wakaf yang berkekalan bukan tanah wakaf mengikut seksyen 82(2) cerai (21) Dato' Yang Di Pertua. Maknanya, Pas sendiri melanggar Enakmen yang diluluskan olehnya ketika itu iaitu – 'Mana-mana bangunan tidak boleh dibuat masjid dan sebagainya tanpa kebenaran MAIDAM dan Pihak Berkuasa Negeri'. Apatah lagi kalau tanah persendirian ianya perlu diwakafkan sebagai wakaf berkekalan untuk dibina masjid dan kalau tanah kerajaan ianya perlu diwartakan mengikut Kanun Tanah Negara, Akta 62, Dato' Yang Di Pertua iaitu mewartakan tanah tersebut di bawah jagaan Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Negeri untuk dibina masjid. Ini jelas sekali Pas sendiri melanggar Enakmen yang diluluskannya sebab itu saya nyatakan dulu Dato' Yang Di Pertua, iaitu sikap Pas menahan bom di keliling rumah orang Umno ketika itu dengan

alasan supaya orang Umno kena tapi hari ini yang kena ialah orang Pas sendiri, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Di Pertua, mohon penjelasan – Sehingga setakat ini tapak yang dibina yang dikatakan masjid yang dibina ataupun yang dirobohkan itu telah diwakafkan ataupun tidak?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kalau diwakafkan tanah milik persendirian tetapi ianya tanah kerajaan. Maka soal wakaf tidak timbul sama sekali. Soal yang kedua, mesti diwartakan, digazetkan di bawah seksyen 62, Kanun Tanah Negara tetapi tidak digazetkan maka kedua-duanya tidak bertepatan dengan kehendak Enakmen dan juga apa jua Akta Tanah Negara, Dato' Yang Di Pertua. Saya memberi penjelasan lebih lanjut kerana Pas bukan sahaja suka berbohong tapi menabur fitnah ke kampung-kampung. Semenjak Pas memerintah Terengganu, tidak ada satu masjidpun yang terbina di Kemaman hanya tapak sahaja yang dibuat di Batu 2 ½ tapi tiba-tiba bila kalah diroboh dibuat masjid dengan alasan untuk berkempen dan untuk mengutip derma, Dato' Yang Di Pertua. Dan, saya ada bukti gambar-gambar yang jelas menunjukkan bangunan yang dirobohkan itu adalah Markas Pas kerana dipenuhi bendera-bendera Pas. BN memerintah Terengganu tidak ada satu lambang BN ditampal di mana-mana masjid, masjid bukan hak parti politik, masjid adalah hak kerajaan (tepukan sokongan) kalau kita gunakan parti politik sebagai membina masjid maka perpecahan, perbalahan akan terus berlaku. Inilah politik sempit Pas Dato' Yang Di Pertua yang seharusnya dihindari dan ini merupakan satu ajaran sesat yang dilakukan oleh Pas dengan menabur fitnah dengan berbagai-bagai, dengan poster-posternya 'Kerajaan Umno Terengganu, Idris Jusoh roboh Masjid Desa Makmur, Bujal, Kijal'. Siapa beri nama Masjid Makmur ni, hak tak makmur beri nama makmur, tanah haram. Yang kedua, 'Yahudi Nak Roboh Masjid Al-Aqsar, Umno Dah Roboh Masjid Bujal', jauh panggang dari api, Dato' Yang Di Pertua. Roboh masjid satu penghinaan terhadap umat Islam, siapa yang menghina umat Islam kecuali Pas yang menghina umat Islam, meletakkan di kakinya sendiri, Dato' Yang Di Pertua. Lebih hebat daripada itu, Dato' Yang Di Pertua, melalui Harakah, sikap Pas jangan lempar batu sembunyikan tangan. Saya pohon Yang Di Pertua Pas, Wakil Rhu Rendang berhati-hati dan gunakanlah Islam sebagai pegangan yang sebenarnya, jangan fitnah sesama umat Islam. Kita lihat Pas mengeluarkan tender terbuka, iklan ni, kartun dia buat Dato' Yang Di Pertua, dia nak main-main. Oleh Zunan, Tanah Airku –

"Tender Terbuka Islam Hadhari

Kontraktor-kontraktor bumiputera yang berkeelayakan adalah dipelawa untuk menjalankan kerja-kerja meroboh masjid di seluruh Terengganu.

Cepat tawaran sah selagi Kerajaan BN masih ada."

Gambar kartun, inilah rendahnya hati budi pemimpin Pas, pengikut Pas dan parti Pas itu sendiri (Tepukan Sokongan) Jadi yakinlah, berbagai tohmahan telah dilemparkan dan lakonan telah dibuat oleh orang Pas. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia, Dato' Yang Di Pertua, saya nak baca adakah layak sebuah kampung dibina dua masjid sedangkan penduduk Bujal cuma 28 orang, Dato' Yang Di Pertua. Kampung di dalam kampung, 28

orang sahaja nak buat masjid macam mana, nak sembahyang Jumaat 40 orang, apatah lagi nak buat masjid. Batu 9 lebih ramai tetapi tak ada masjid, Bukit Teruna lebih ramai tak ada masjid, gunakan Masjid Payoh tapi bercakap di mana-mana, ceramah di mana-mana, kaset dijual di mana-mana, pembohongan, penipuan pemimpin Pas Terengganu Dato' Yang Di Pertua. Saya nak baca sebagai bukti bahawa inilah pembohongan Pas nak bina masjid penduduk hanya 28 orang. Nama penduduknya dan nombor *i.c.*nya saya ada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Daripada 28 orang ini yang boleh menunaikan Sembahyang Jumaat yang muqalaf, yang pakai, yang boleh dikira, lepas jawi suci bersih Dato' Yang Di Pertua –

<u>Nama</u>		<u>No. K/P.</u>
Abdullah bin Zakaria	-	580825-03-5325 47 tahun
Ahmad Zaman Syarie bin Abdullah	-	830328-03-5550 23 tahun

Ini adalah di antara nama-nama Dato' Yang Di Pertua, dan daripada 28 orang ini saya beritahulah 19 orang penyokong kuat Umno, penyokong kuat Pas Cuma ada 9 orang. Kita kenal seorang-seorang, Dato' Yang Di Pertua. Jadi jangan bohonglah, buat masjid

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Di Pertua, saya mohon penjelasan – Wakil Kerajaan, bersetuju atau tidak dengan pandangan saya yang Pas duk katakan, duk sebarkan bahawa yang dirobuhkan itu adalah masjid, penggunaan perkataannya adalah masjid semata-mata untuk menarik perhatian semua rakyat bahawa kerajaan ini adalah bertindak melakukan kezaliman kepada rakyat. Bersetuju atau tidak bahawa apa yang dilakukan oleh Pas itu nak meminta supaya rakyat rasa kesian kepada mereka dan mengatakan bahawa Kerajaan Negeri ini adalah zalim, bersetuju atau tidak?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Setuju, dok setuju, kemudian Dato' Yang Di Pertua, nak khabor dulu. Sebenarnya Pas telah bangkrap, Dato' Yang Di Pertua, bangkrapsi telah kalah di Negeri Terengganu

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan – Daripada senarai yang dibaca tadi hanya sempat dua orang dibaca yang saya faham tadi hanya '-03-' *i.c.*, berapa orang agaknya hak nombor '-11-' di tengah? Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): '*i.c.*' nombor '-11-', 12 orang, hak di tengah '-11-', ramainya orang Kelantanlah, dia orang mendatang nak buat macam mana. Dia orang susah di Kelantan, mari ke Terengganu minta tolong sikit.

Dato' Yang Di Pertua, Pas telah kehabisan modal dan bangkrap idea bila kalah teruk dalam Pilihanraya yang lalu, dia nak berceramah tak boleh dah. Dulu ada pitih balak le-ni pitih takdok dah, jadi buat ceramah kalau ceramah bercakap kata roboh rumah haram biasanya

siapa yang nak pergi? Tapi bila rombak masjid ni cerita lainlah. Orang-orang Pas yang takdok semangat, timbul semangat balik, kutip derma pulak, mintak, tadah celeng pulak, itu yang dibuat tujuan dia untuk menarik simpati walaupun atas kesusahan orang lain, inilah sikap Pas. Dan, sebab itu saya nak tunjuk bukti bahawa Pas sanggup membuat apa sahaja untuk mengatakan ianya masjid dan sebagainya bukan sahaja dengan lambang bulannya yang berada dalam masjid yang berkenaan dan kita keluar notis dahulu baru ada tiang, baru buat tiang. Kita telah keluar notis tapi dia buat degil, buat semacam, kita kata jangan buat, jangan buat, dia buat. Buat perjumpaan dengan D.O. mengaku takkan buat dah tapi buat jugak, inilah yang dilakukan oleh Pas. Malahan masa operasi dilakukan Dato' Yang Di Pertua, ada seorang tua, saya nak beritahulah lepas ini kita terpaksa buat repot Polis, Imigresen pergi tangkap orang ni sebab ini pendatang haram, orang Thailand yang mengajar di situ, tidak ada *i.c.* tidak ada kebenaran. Bila pukul 9.30 pagi nak buat operasi dia pergi sembahyang, tak tahu sembahyang benda Dato' Yang Di Pertua, pukul 9.30 pagi, lepas itu Tuhan nak tunjuk Dato' Yang Di Pertua sembahyang tangan duduk macam bebiri nak berlaga, gambar kita ada belaka, ada orang sembahyang kepal tangan begini, bubuh dekat telinga. Ini lakonan tapi Tuhan tidak redha Dato' Yang Di Pertua, nak berlakon tapi dia lupa apa yang berlaku.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua -- Betul atau tidak kalau saya katakan bahawa sekarang ini orang-orang yang menyokong Pas adalah pendatang-pendatang tanpa izin sahaja, Dato' Yang Di Pertua?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dia ada belaka Dato' Yang Di Pertua, tanpa izinpun ada. Dia takdok had asal sokong dia boleh belaka.

Di samping itu Dato' Yang Di Pertua, bukan itu saja bila kata Pas ganas dia tak mengaku. Kita tengok dia boleh buat molotof koktel yang ditemui di kawasan penempatan tersebut, apakah tujuannya? Dan, operasi kali kedua, letak paku pulak, inilah yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin Pas. Bercakap nak Islam, demokrasi, lemah-lembut orang Islam, dia buat? Sebab itulah saya nak nyatakan bahawa Pas ini hanya pandai bercakap tapi tak pandai buat suatu perkara yang memalukan umat Islam dilakukan oleh pemimpin Pas, khabor nak menegakkan Islam tapi maki hamun orang, fitnah orang kalau saya baca dalam *sms* saya Dato' Yang Di Pertua, macam-macam maki, macam-macam fitnah hatta sekarang inipun kerana Pas saya nak mintak tolong sekali lagi, Wakil Rhu Rendang sebagai Yang Di Pertua Pas bor-lah weh, beritahu ke pengikut dia jangan buat Sembahyang Hajatlah kerana kes roboh Masjid Bujal, sejauh masjid itu sembahyang hajat sebut nama seorang-seorang, Dato' Seri Menteri Besar, Mat Said, D.O., OCPD, ramai lagi, 40 orang. 40 malam Sembahyang Hajat suruh timpa bala, lepas itu saya takdok seminggu pergi luar negara dengar cerita saya masuk Hospital Kubang Kerianlah, masuk Hospital Kuala Terengganulah, Kuantan kerana sakit kes dia Sembahyang Hajat. Kalau orang Pas Sembahyang Hajat ni, Tuhan terima, Doktor Mahathir mati lama dah, ratus ribu orang Pas Sembahyang Hajat, tidak ada dalam sunah Nabi tapi tak tahulah kalau Presiden Pas dia jumpa dalam hadis, dalam apa ke Nabi suruh doa ke orang ditimpa bala. Sebaik-baik doa paling mustajab dari Rasulullah. Orang kafir baling batu, baling najis ke Rasulullah tengah sembahyang dan kalau Rasulullah doa barangkali belok betis, paling belakang belok selalu. Tapi Rasulullah tak buat begitu, berdoa supaya dia bukakan pintu hati, lembutkan hati, supaya terima Islam, ini tak suruh ditimpa bala-lah, suruh reyoklah, suruh macam-macam,

tak boleh bercakap dah, ajaran sesat ni Dato' Yang Di Pertua, dia hak nun Kerajaan Langit, hak ni Kerajaan Bumi ni jadi sesat belaka. Perbetul molek anak buah ni. Lepas itu kita beritahu jumpa molotof koktel pemimpin Pas tak mengaku pulak, Polis, OCPD dah buat kenyataan macam-macam. Jadi inilah sikap Pas, ingatlah hari mati kita retek weh, nak mati belaka kita ni, kitapun umur 60 puluh lebih dah, jadi barangkali kalau adat katalah nyior kalau hak kering tandang awal tu luruh dulu, adat kata, bab tu bab lainlah kalau nak berlaku hak nyior putik luruh dulu tu. Jadi insafalah. Di samping itu, Dato' Yang Di Pertua, saya nak beritahu jugak iaitu sehingga 2002 hingga 2004 yang dibina hanya tapak Masjid Batu 2½ yang menelan belanja RM294,650.00, hasil derma, MAIDAM dan orang ramai. Manakala bagi tahun 2004 sejumlah RM4.3 juta telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Barisan Nasional setelah mengambil alih separuh jalan pemerintahan Negeri Terengganu tahun 2004. Manakala pada tahun 2005 tahun ini sebanyak RM30,100,000.00 telah disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membina masjid-masjid di seluruh Negeri Terengganu. Dengan ini jelaslah bahawa merobohkan masjid adalah satu fitnah yang dilemparkan oleh dan para pengikutnya dan dakwaan ini adalah tidak benar sama sekali. Oleh itu, benarlah sebagaimana dinyatakan oleh Wakil Tepoh tadi, inilah sikap Pas, inilah imej Pas, inilah pemimpin Pas bersongkok, berserban, berjubah tetapi sanggup menipu rakyat, membohongi rakyat dan memfitnah orang lain untuk kepentingan mereka yang hampir kelemasan. Pas tidak takut kepada Allah tapi mereka hanya takut parti mereka kalah. Pas diibaratkan hari ini orang yang lemas di lautan yang luas, batu dilemparpun nak bergantung juga. Jadi bagi saya biarlah Pas ini seperti Si Luncai dengan labu-labunya, biarkan, biarkan. Sekian, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan saya bahagian ketiga belum lagi dijawab?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, jumlah bayaran elaun kepada Imam dan Bilal bagi Negeri Terengganu untuk tahun 2004 sebanyak RM7,812,666.53 dan untuk tahun 2005 jumlah bayaran elaun kepada Imam dan Bilal ialah sebanyak RM1,372,922.70 iaitu sehingga bulan April tahun 2005. Daripada peruntukan keseluruhannya untuk 2004, peruntukan yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan untuk elaun Imam-Bilal sebanyak RM10.5 juta dan demikian jugak peruntukan untuk tahun 2005 untuk Imam-Bilal sebanyak RM10.5 juta. Dan, untuk makluman juga Dato' Yang Di Pertua bahawa geran yang telah diberikan oleh Kerajaan Pusat untuk membayar elaun Imam-Imam di masjid-masjid mukim di Negeri Terengganu sehingga kini sudah kita terima sebanyak RM4.4 juta. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan saya yang kedua.

Sila nyatakan nilai pelaburan yang dibawa ke Kawasan Perindustrian Kerteh sejak 2004 hingga kini dan peluang-peluang pekerjaan yang dapat dimanfaatkan oleh rakyat?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan Negeri telah dan sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk membawa pelaburan ke Kawasan Perindustrian Kerteh. Sejak tahun 2004 hingga kini masih belum terdapat sebarang pelaburan baru ke kawasan tersebut. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Sejauh manakah perkembangan atau kemajuan pembangunan di Lot Q iaitu kawasan baru yang dicadangkan bagi industri yang berasaskan gas dan petroleum?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kawasan Perindustrian Kerteh ini kalau kita lihat adalah kawasan yang hampir sepenuhnya dipenuhi oleh syarikat-syarikat Petronas ataupun syarikat-syarikat usahasama Petronas. Sehingga sekarang ini kita diberi maklum oleh Petronas syarikat-syarikat mega, syarikat-syarikat gergasi yang berasaskan petro-chemical sudah hampir ke tahap majoriti dan kemungkinan besar tidak ada lagi syarikat-syarikat yang besar akan datang ke Kerteh tersebut. Sungguhpun begitu pihak Petronas dan Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk menarik syarikat-syarikat kecil, syarikat-syarikat SMI yang berasaskan kepada *pet-chem* ini ke kawasan Kerteh ini di kawasan baru yang kita kenali sebagai Lot Q. Di Lot Q ini sekarang ini kita telah berjaya membawa satu syarikat baru, syarikat berasaskan MPVC, yang berasaskan PVC yang dipanggil MPVC (*Modified PVC*) dengan izin Dato' Yang Di Pertua. Dan, kita jangka syarikat ini akan dapat masuk kemungkinan pada akhir tahun ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan ketiga -

Berapa ramaiakah Pekerja Asing yang mendaftar untuk bekerja di negeri ini mengikut bidang atau sektor tertentu?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, sehingga kini seramai 2,639 orang pekerja asing telah berdaftar dan bekerja di Terengganu. Mengikut pecahannya seperti berikut:

<u>Bil.</u>	<u>Sektor</u>	<u>Jumlah (Orang)</u>
1.	Sektor Pertanian dan Ladang	2,248
2.	Sektor Perkilangan	210
3.	Sektor Pembinaan	142
4.	Sektor Perdagangan	39
	Jumlah	2,639

Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Soalan tambahan – Adakah pihak Kerajaan mempunyai rekod pekerja-pekerja asing yang tidak mempunyai permit?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Kita tak ada rekod kerana semua pekerja asing yang masuk ke Malaysia mereka mestilah mendaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja dalam masa 14 hari pekerja itu datang. Jadi yang itu kita tak ada rekod yang datang haram. Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Soalan seterusnya daripada Wakil Langkap. Dipersilakan Wakil Langkap.

YANG BERHORMAT ENCIK ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua soalan yang pertama -

*Semasa pemerintahan PAS, berapakah bilangan masjid yang dibina .
Adakah di antaranya yang terbengkalai dan di mana?*

a) Apakah faktor yang menyebabkan ianya terbengkalai?

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan sekalian. Berkenaan dengan soalan pertama sebenarnya apa yang dijawab oleh Wakil Kijal telah lebih komprehensif terutama isu berkenaan dengan masjid ataupun satu bangunan di Kampung Bujal. Semasa mereka, pihak Pas memberi ceramah di merata-rata kononnya mereka mahu mengikut sunnah apabila mereka membuat kampung di Kampung Bujal itu ikut sunnah membina masjid sebab itulah dia kononnya mengaku nak buat masjid di situ. Tetapi yang peliknya Dato' Yang Di Pertua, semasa dia ambil alih Kerajaan Negeri, dia tak ikut pun sunnah, dia tak buat pun masjid bahkan saya tak tahulah sunnah mana yang dia ikut yang fesyen rampas kereta, fesyen kunci pagar.

Walau bagaimanapun, Dato' Yang Di Pertua, semasa zaman Kerajaan Pas tidak ada satupun masjid yang dirancang dan disiapkan pada ketika lima tahun itu. Hanya yang siap ialah perancangan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional yang siap ketika pemerintahannya. Mereka telah membuat tujuh buah masjid, bukan mereka tetapi orang ramai telah membuat tujuh buah masjid daripada sumbangan orang ramai bukan daripada kerajaan sebanyak tujuh buah iaitu:-

- (1) Masjid Kampung Balik Bukit, Besut.
- (2) Masjid Kampung Penarik, Setiu.
- (3) Masjid Kampung Gemuroh, Tepoh.

- (4) Masjid Kampung Tebakang, Bukit Payong.
- (5) Masjid Bandar Marang
- (6) Masjid Kampung Buluh, Kuala Berang, dan
- (7) Masjid Kampung Batu 2 ½, Mak Chili, Kemaman.

Kesemua masjid ini masih terbengkalai kerana tidak ada sambutan ataupun sumbangan daripada orang ramai. Sekian, Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Hulu Besut mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan nombor satu -

Kerajaan Negeri telah melancar Kempen Kebersihan di seluruh negeri supaya Negeri Terengganu bersih dan rakyat memiliki budaya bersih menjadi amalan hidup.

- a) *Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan mengikut daerah?*
- b) *Apakah langkah langkah Kerajaan bagi memastikan rakyat sentiasa mengamalkan cara hidup yang bersih dan akhirnya menjadi budaya rakyat Negeri Terengganu.*

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk menjalankan kerja-kerja kebersihan di seluruh Negeri Terengganu sebanyak RM28,338,958.30 dan pecahan mengikut Majlis-Majlis Perbandaran Daerah adalah sebagaimana berikut:-

	<u>Pihak Berkuasa Tempatan</u>	<u>Jumlah Peruntukan (RM)</u>
1.	Majlis Perbandaran Kuala Terengganu	5,361,552.00
2.	Majlis Perbandaran Kemaman	10,203,578.00
3.	Majlis Daerah Dungun	3,676,582.00
4.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	2,845,384.00
5.	Majlis Daerah Besut	2,245,781.00
6.	Majlis Daerah Marang	2,189,185.00
7.	Majlis Daerah Setiu	1,816,906.30
	Jumlah :	28,338,968.30

bagi seluruh Negeri Terengganu dan ia meliputi bukan sahaja kerja-kerja kebersihan, ianya juga termasuk membeli lori sampah, tong sampah, segala peralatan dan juga kontrak-kontrak yang melibatkan kebersihan di seluruh Negeri Terengganu. Dan, bagi memastikan Negeri Terengganu terus bersih dan indah antara langkah yang diambil ialah:-

- (i) Melancarkan Kempen Kebersihan Peringkat Negeri pada 19 Februari 2005.
- (ii) Mengadakan kerja-kerja gotong-royong kebersihan peringkat negeri dan daerah setiap minggu di peringkat daerah.
- (iii) Meningkatkan penyelenggaraan kebersihan di tempat-tempat awam seperti masjid, pasar, taman-taman awam dan lain-lain tempat.
- (iv) Meningkatkan pengurusan tandas-tandas awam dan juga tandas di masjid-masjid, dan akhirnya
- (v) Mengadakan Kempen Penerangan Dan Ceramah-ceramah dari masa ke semasa tentang pentingnya menjaga kebersihan oleh penduduk-penduduk di dalam Pihak Berkuasa Tempatan.

Adalah menjadi harapan Kerajaan supaya rakyat terus memberi sumbangan dalam memastikan bandar kita terus bersih, indah dengan cara tidak membuang sampah di merata-rata tempat dan kempen ini akan diteruskan dari masa ke semasa.

Alhamdulillah, sehingga kini kebersihan di Negeri Terengganu telahpun meningkat tetapi bagi saya, bagi pihak Kerajaan masih banyak ruang yang perlu kita lakukan bagi memastikan rakyat kita terus berdisiplin dan mengamalkan bersih dan indah sebagai sebahagian daripada hidup kita sebagaimana dituntut oleh agama Islam, Dato' Yang Di Pertua. Sekian, terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Saya bagi pihak penduduk Hulu Besut ingin mengucapkan terima kasih di atas usaha Kerajaan Negeri yang menjayakan Kempen Kebersihan. Pada baru-baru ini kebetulan saya mengikuti sebuah kereta, pada saya adalah kereta kakitangan kerajaan peringkat tinggi jugaklah. Semasa saya mengikuti kereta didapati bila dia makan buah dibuang melalui tingkap kereta. Jadi pada saya ini memberi gambaran kepada kita bahawa semangat menjaga kebersihan negeri tidak dapat diselami oleh seluruh rakyat apalagi kakitangan terlibat itu adalah kakitangan kerajaan yang agak tinggi, saya catit nombor keretanya. Kalau Yang Di Pertua nak nombor kereta saya boleh bagi. Ini memberi gambaran kepada kita bahawa rakyat di negeri kita masih tidak cukup untuk menghayati kebersihan yang dikehendaki oleh Kerajaan Negeri. Jadi soalan tambahannya – Apakah Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menyediakan peruntukan kepada struktur masyarakat misalnya JKKK. Berapa banyak JKKK diperlu disediakan peruntukan? Berapa banyak NGO's diperlukan untuk membiayai bagi menjayakan dan seterusnya menjadikan rakyat Negeri Terengganu ini menghayati dan menjadi suatu budaya kebersihan kepada rakyat di negeri ini. Sekian.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan ada menyediakan peruntukan-peruntukan tertentu kepada JKKK untuk melaksanakan kempen-kempen kebersihan dan gotong-royong dari masa ke semasa. Tapi saya bersetuju dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Wakil Hulu Besut tadi inilah sikap penduduk, rakyat di negeri dan negara kita. Walaupun mereka mempunyai pendidikan tinggi, walaupun semua kalau ditanya berkehendakkan bersih dan indah. Tidak ada orang yang menyatakan dia tidak suka bersih dan tidak suka indah. Tetapi dari segi amalannya inilah yang menyakitkan kita sebenarnya. Malah saya sering menyatakan di mana-mana, saya berbangga melihat anak Terengganu berjaya. Pada waktu petang mereka bersiar menaiki Mercedes lampu bulat ataupun Mercedes tapak kasut dengan isteri yang cantik berambut merah, *spect* hitam di dahi dengan anak dua-tiga orang. Hebat anak Terengganu tetapi bila tiba musim buah-buahan sekarang ini musim rambut mereka beli rambut sekilo makan anak beranak dalam kereta, bagus. Tetapi yang sedihnya kulit rambut dikeluarkan di kiri-kanan skrin di sepanjang jalan. Dan, kita lihat sendiri bagaimana berlaku di *traffic light* kita di seluruh tempat puntung-puntung rokok dicampakkan sedangkan di dalam kereta ada tempat letak puntung rokok tapi dicampakkan di jalan raya. Inilah budaya yang perlu kita hindari, yang perlu kita jauhkan. Saya berseru kepada bukan sahaja rakyat, termasuk Ahli Dewan, termasuk pegawai-pegawai dalam Dewan yang mulia ini sama-samalah kita berdisiplin, sama-samalah kita jaga keindahan bandar kita, kampung halaman kita dan jangan sekali-kali mencampakkan apa saja barangan yang tidak diperlukan itu di tempat yang tidak sepatutnya. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sekarang saya mempersilakan wakil kepada Wakil Yang Berhormat Bukit Tunggul untuk mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mewakili Wakil Bukit Tunggul yang tidak dapat hadir ke Persidangan pada hari ini, soalan yang pertama -

Bagaimana dengan prospek dan hala tuju Bioteknologi Terengganu sebagai sebuah pusat kecemerlangan?

- a) *Bagaimana Database Tenaga Pakar-Saintis (Agroculture, Marine, Tradisional, Industri dan lain-lain).*
- b) *R & D - Facilities-Infra, Institutions dan lain-lain*
- c) *Pasaran dan jaringan.*
- d) *FDI (Pelaburan Asing dan Misi)*

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Terima kasih Dato' Yang Di Pertua. Soalan yang pertama bertanyakan tentang hala tuju Bioteknologi Terengganu. Menjawabnya suka saya memaklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri sedang merangka dasar dan hala tuju Bioteknologi Negeri dan insya-Allah dijangka boleh siap menjelang akhir tahun ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan bahagian (d) – Pelaburan asing dan misi?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Soalan (d) ini rujuk kepada Bioteknologi Terengganu, berapa banyak FDI yang masuk jadi ini belum lagilah terjadi kerana kita belum ada lagi Industri Bioteknologi di Terengganu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang kedua –

Terdapat pelajar Terengganu yang cemerlang dalam peperiksaan peringkat sekolah menengah tetapi gagal mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi dan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menanganinya?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Soalan yang kedua, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, bertanyakan tentang pelajar-pelajar cemerlang Terengganu dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi murid-murid yang tidak mendapat tempat di IPTA? Pelajar-pelajar Terengganu yang cemerlang di dalam Peperiksaan SPM tahun 2004 yang lalu telahpun berjaya masuk pertamanya ke Program Matrikulasi Kementerian Pelajaran, UIA dan Kelas-kelas Persediaan Universiti anjuran agensi-agensi Kerajaan Pusat. Yang kurang cemerlang sedikit telahpun berjaya masuk ke TATI, KUSZA, Kolej Yayasan Terengganu, Kolej-kolej Komuniti dan Politeknik. Yang kurang sedikit cemerlangnya/sederhana, telahpun berjaya masuk ke ILP, IKBN, ke pra-pra TATI, KUSZA dan yang agak amat sederhana yakni yang mendapat kredit kurang daripada tiga juga telahpun memasuki kursus-kursus kemahiran anjuran TESDEC dan juga anjuran Yayasan Terengganu. Dan, bilangan yang berjaya masuk ke Tingkatan 6 Rendah tahun ini alhamdulillah, tinggi sebanyak 4,595 orang. Dan, untuk makluman Dewan sekalian jumlah pelajar Terengganu yang memasuki SPM tahun lepas 2004 berjumlah 23,556 orang. Daripada jumlah itu yang berjaya memasuki IPT - IPTA, IPTS dan juga Kolej-kolej Matrikulasi, kursus-kursus kemahiran berjumlah hampir 16,000 orang bermakna Kerajaan Negeri Terengganu telah berjaya memberi peluang hampir 7 peratus daripada pelajar-pelajar memasuki SPM tahun lepas, alhamdulillah. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Jabi untuk mengemukakan soalan dan untuk makluman soalan pertama ditolak dan kemukakan soalan nombor dua. Sila Yang Berhormat.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua Dewan soalan nombor dua -

Negeri Terengganu juga tidak terlepas daripada masalah gejala sosial, khususnya Dadah dan HIV.

- a) Sila nyatakan jumlah penagih dadah dan pembawa HIV mengikut pecahan jantina setiap daerah?
- b) Apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mencegah dan membasmi gejala tersebut?
- c) Apakah langkah Kerajaan Negeri memberi perlindungan kepada ibu dan anak yang dijangkiti HIV?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, pelajar-pelajar, Pemerhati-pemerhati sekalian. Jawapan kepada soalan kedua iaitu jumlah penagih dadah dan pembawa HIV untuk Negeri Terengganu mengikut pecahan jantina setiap daerah sehingga Jun 2005 ialah sebagaimana berikut:-

Bil.	Daerah	Jumlah
1.	Kuala Terengganu	- 1,752 orang
2.	Kemaman	- 424 orang
3.	Dungun	- 734 orang
4.	Besut	- 1,654 orang
5.	Hulu Terengganu	- 213 orang
6.	Setiu	- 148 orang
7.	Marang	- 1,083 orang
Jumlah Keseluruhan Penagih Dadah dan Pembawa HIV :		- 6,008 orang

Dan, untuk makluman tambahan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jumlah yang agak ketara tingginya ialah di Daerah Besut dan jugak di Daerah Marang ini kerana ia mengambil kira penagih-penagih atau pembawa HIV yang tinggal di Pusat Serenti Besut dan jugak yang tinggal di Penjara Marang.

Untuk soalan (b) berkaitan dengan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Pusat untuk mencegah dan membasmi masalah yang agak serius ini yang sering dipaparkan di dalam akhbar dan sebagainya ialah dengan melaksanakan ujian saringan HIV tanpa nama iaitu mengambil ujian tanpa dimaklum penama yang membuat ujian tersebut secara percuma kepada kumpulan-kumpulan yang berisiko tinggi kepada orang awam di klinik dan juga di Hospital-hospital Kerajaan di seluruh negeri. Yang kedua, langkah kedua ialah dengan melaksanakan penjagaan kesihatan *primary* atau primer kepada pesakit HIV dengan memberi rawatan di Klinik-klinik Kerajaan secara berkala. Yang ketiga, langkah diambil jugak oleh pihak Kerajaan ialah dengan memberi khidmat

kaunseling kepada pesakit HIV dan juga kepada keluarga mereka yang terlibat agar mereka dapat menerima hakikat bahawa kaum keluarga mereka terlibat ataupun mempunyai penyakit ini dan mereka harus berjaga-jaga dan berhati-hati untuk berurusan dengan golongan ini. Dan, yang keempat akan memperkenalkan dan melaksanakan saringan HIV kepada bakal-bakal pengantin yang ingin berkahwin di Negeri Terengganu dalam sedikit masa lagi. Inilah menunjukkan keprihatinan pihak Kerajaan dalam usaha untuk nak mengurangkan risiko jangkitan HIV/Aids di kalangan rakyat di Negeri Terengganu khususnya dan di Malaysia umumnya.

Dan, dalam soalan yang ketiga

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan tambahan – Dato' Yang Di Pertua Dewan, adakah di kalangan pelajar-pelajar sekolah kita terlibat dengan gejala-gejala HIV ini?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, setakat maklumat yang ada pada saya kita mengambil pelajar-pelajar mereka yang berusia di bawah 19 tahun. Kita berandaian bahawa mereka yang di bawah 19 tahun ini pelajar. Ataupun saya baca dari segi kanak-kanak yang terlibat dengan HIV sehingga Jun 2005 iaitu HIV Positif 11 orang yang ada Aids ialah satu orang dan yang satu orang itu dah mati dah dan tidak ada lagi dah. Kemudian yang 11 orang tadi itu yang matinya seorang ertinya tinggal bakinya 10 orang lagi yang kanak-kanak berusia 2 tahun ke bawah. Manakala kanak-kanak berusia 12 tahun sehingga 2 tahun yang terlibat dengan HIV ini kanak-kanak sekolah ialah 36 orang, yang telah meninggal 2 orang manakala yang mengidap penyakit Aids seramai 6 orang dan tinggal seorang lagi baki telah mati 5 orang tinggal seorang lagi. Manakala yang berusia 13 tahun hingga 19 tahun ada 132 orang HIV dan yang mengidap penyakit Aids ada seorang. Jadi itu dari segi data yang berkaitan dan kita beranggapan bahawa mereka yang berusia 19 tahun dan ke bawah adalah kebanyakannya pelajar terutamanya mereka yang berusia 12 tahun sehingga 7 tahun.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan tambahan - Bolehkah kita katakan ada kes-kes yang melibatkan pelajar yang berlaku di Negeri Terengganu beberapa minggu dan bulan yang lepas yang membunuh diri dan sebagainya terlibat dengan gejala dadah ini?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Dato' Yang Di Pertua, maklumat yang kita terima daripada apa fenomena yang berlaku dengan bunuh diri ataupun gantung diri pelajar-pelajar yang berusia di bawah 15 tahun ini siasatan yang dimaklumkan kepada kita oleh pihak Jabatan Pelajaran Terengganu ianya tidak berkait dengan dadah. Malah satu kes itu dikatakan berkait dengan masalah cinta, Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Penjelasan – Terdapat tadi 11 orang kanak-kanak yang berusia 2 tahun ke bawah yang mengidap HIV dan juga 36 orang di antara 2 tahun sehingga 12 tahun. Apakah punca yang menyebabkan kanak-kanak tersebut yang menyebabkan mengidapnya HIV?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dinyatakan tadi 6,008 orang pembawa HIV ataupun penagih dadah mereka ini adalah semuanya lelaki tidak ada seorangpun perempuan dalam rekod Jabatan Kesihatan. Jadi golongan kanak-kanak yang dijangkiti penyakit ini adalah jangkitan daripada si ayah diturunkan kepada si ibu daripada si ibu tersebut terkena kepada anak yang biasanya terkena kepada anak ini berada di dalam kandungan. Jadi kesan daripada hal tersebut, kesan daripada jangkitan rasa tidak bertanggungjawab seorang ayah memindahkan penyakit tersebut kepada ibu dan kesan jangka panjangnya ialah kepada anak adalah suatu perkara yang amat menyedihkan kita. Jadi menjawab soalan ADUN Paka mengatakan bahawa jangkitan ini bukan berpunca daripada masalah budak itu sendiri tetapi masalah daripada emak ataupun daripada bapa kanak-kanak tersebut. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ARIFFIN BIN ABDULLAH (Wakil Paka): Dato' Yang Di Pertua, apakah sesuai dengan program Kerajaan Pusat untuk membekalkan kondom kepada pesakit-pesakit Aids ini bagi mengelakkan supaya jangkitan yang berlaku kepada kanak-kanak ini boleh dibasmikan?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berkaitan dengan pembahagian/pemberian kondom dan jarum percuma yang mendapat polimik, perbahasan, pro dan kontra daripada berbagai-bagai pihak maka pihak Kerajaan Pusat telah mengadakan satu muzakharah dengan memanggil, berjumpa Mufti-Mufti Jabatan Agama Negeri-Negeri, NGO's, Hakim-Hakim Mahkamah Syariah dan pihak-pihak yang terlibat dan usaha untuk menangani masalah HIV/Aids yang semakin hari semakin meningkat. Satu fenomena yang baru berlaku dalam masyarakat kita hari ini peningkatan yang mendadak yang mana ada satu kajian yang menunjukkan bahawa kesan daripada HIV/Aids ini akhirnya akan melupakan satu bangsa jika tidak dikawal. Maka atas kesedaran, rasa tanggungjawab dan keprihatinan serta kecaknaan pihak Kerajaan Umno dan Barisan Nasional maka satu tindakan yang wajar iaitu dengan memberi kondom dan jarum percuma. Tapi bila disebut kondom satu fobia kepada kita orang Islam seolah-olah mengatakan bahawa Kerajaan menggalakkan pezinaan tapi di sebalik itu mereka yang selalu memberi komen, mereka yang selalu membangkang hasrat dan cita-cita Kerajaan ini tidak pernah kemukakan satu cadanganpun untuk membasmi masalah ini dan masalah ini jika tidak dibasmi maka ia semakin sehari semakin merebak. Lantaran itu langkah yang dibuat ini sebenarnya adalah untuk nak membendung gejala ini daripada terus merebak dan juga untuk nak meringankan beban belanja Kerajaan yang mana kalau untuk nak merawat HIV/Aids ini memang tidak ada ubat tapi ada satu ubat baru yang dinamakan AZT 'Antiviral Zidovudine Therapy' bahasa benda apa wallahua'lamilah (Dewan Gelak) yang mengatakan bukan untuk nak menghapuskan virus ini tapi untuk nak mengurangkan keaktifan ertinya bila pesakit ataupun pengidap mengambil ubat ini diberikan oleh Doktor dengan harga yang mahal dan dikatakan belanjanya untuk nak melemahkan kuman ataupun virus ini memakan belanja sehingga RM3,000.00 satu orang. Jadi bayangkan kalau Negeri Terengganu ada 6,000 didarabkan RM3,000 itu untuk HIV tak termasuk lagi virus-virus lain yang mungkin memberi kesan kepada pesakit tersebut. Virus Pneumonia ataupun sakit neomonina atau macam-macam penyakit yang apabila daya tahan kita kurang menyebabkan mereka ini mudah diserang oleh penyakit-penyakit lain. Jadi atas alasan tersebut maka langkah bijak yang diambil oleh Kerajaan ialah dengan memperkenalkan

Program Pemberian Kondom dan Jarum Percuma tapi benda ini kalau dilihat secara negatif akan memberi kesan negatif tapi kalau dilihat secara untuk nak meringankan beban Kerajaan untuk nak menghalang atau membendung penyakit ini dari terus merebak kepada mereka yang tidak bersalah kepada isteri, kepada anak-anak maka ini satu langkah yang wajar yang patut disokong oleh semua pihak dan semua rakyat. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Di Pertua Dewan, pohon penjelasan – Kalau dilihat daripada angka kanak-kanak yang sudah dijangkiti melebihi 40 orang, apakah langkah yang perlu diambil oleh Kerajaan kerana kanak-kanak ini suatu hari nanti akan memasuki alam persekolahan. Kita bimbang kanak-kanak ini akan menjadi penyebab kepada kanak-kanak lain di alam persekolahan mereka. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, masalah ini pihak Kerajaan memikirkan cara untuk nak mengatasi ataupun nak *handle* pelajar-pelajar yang terlibat dengan HIV Positif ini. Antaranya kita merancang untuk nak meletakkan mereka ini di bawah satu bumbung dengan kawal seliaan yang rapi daripada pihak Kerajaan. Di samping itu, kita jugak menyeru mana-mana Badan NGO, Badan Kerajaan yang prihatin, yang budiman untuk membuka pusat-pusat sebegini sebagaimana yang terdapat di negeri-negeri lain yang memberi peluang dan kesempatan kepada anak-anak mangsa yang tidak berdosa ini untuk ditempatkan dan senang untuk diseliatkan. Di samping itu, kita jugak sedang merangka satu perancangan dan jugak berbincang dengan pihak sekolah untuk nak memaklumkan, kadang-kadang kita agak sukar untuk mengatasi masalah ini Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana masalah HIV ini kadang-kadang dia sulit tidak didedahkan kepada sesiapa kalau di sekolah mungkin Pengetua ataupun Guru Besar sahaja yang dimaklumkan. Jadi kalau dah dimaklum rakan-rakan tahu kadang-kadang mereka ini akan timbul satu perasaan *inferiority complex* dalam diri mereka. Jadi langkah dan tindakan yang wajar yang berhemah perlu untuk menangani dan untuk mengatasi masalah agar mereka ini tidak menjadi rakyat kelas kedua di negeri bertuah ini, mereka ini diberi peluang yang sama dengan orang-orang yang lain insya-Allah, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Wakil Manir mengemukakan soalnya.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan pertama -

Ariffin Mohamad (Ayah Pin) yang tinggal di dalam sebuah perkampungan di Batu 13, Jalan Hulu Besut diisytiharkan sebagai pengamal/penganut ajaran sesat. Apakah sebab-sebab yang ia diisytiharkan begitu? Dan sejak bilakah ia dikesani mengamalkan ajaran itu? Dan apakah tindakan yang pernah diambil keatasnya dan bila? Serta di bawah undang-undang manakah tindakan itu diambil?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan ini satu tapi borong. Sebab-sebab ajaran Ayah Pin ataupun Ariffin bin Mohamad diisytiharkan sesat dan menyeleweng ialah sebagaimana berikut:-

- (1) Tuhan adalah manusia.
- (2) Tidak perlu percaya kepada Rasulullah S.A.W. kerana Rasulullah adalah jugak manusia dan kita boleh mengatasinya dengan berzikir.
- (3) Berzikir lebih afdal dari sembahyang lima waktu dan jika seseorang itu telah ilham (zukh), kasyaf sembahyang lima waktu digugurkan.
- (4) Syurga adalah terhad kepada pengikutnya sahaja dan kunci Syurga hanya ada pada tangan beliau sahaja iaitu Ariffin bin Mohamad adapun orang lain adalah seperti babi belaka iaitu kotor.
- (5) Sembahyang lima waktu tidak wajib.
- (6) Guru ajaran ini berada di mana sahaja makhluk berada.
- (7) Pernah mendakwa dirinya Tuhan.
- (8) Cuma dirinya sahaja berkuasa melantik dari kalangan muridnya untuk menyandang gelaran Wali Allah serta menentukan darjahnya.
- (9) Pengikut dikehendaki sembahyang, berzikir mestilah terlebih dahulu ingat menggambarkan wajah guru sebelum mengingati Allah.
- (10) Mendakwa dirinya diresapi roh Nabi dan sampai waktunya nanti dia akan bertukar menjadi Imam Mahdi.
- (11) Pengikut mesti mengorbankan harta benda bila diperlukan oleh guru.
- (12) Mendakwa dirinya sudah Mikraj ke langit dan duduk di atas Arasy.
- (13) Mendakwa ada menerima satu senarai dari Tuhan nama-nama pengikutnya.
- (14) Tidak sah sembahyang beriman kerana orang lain kerana martabatnya lebih tinggi dari orang lain.
- (15) Mendakwa diri akan menjadi Perdana Menteri di akhirat nanti.
- (16) Rukun Islam dan Hukum-hukum Syara' seperti puasa, zakat dan lain-lain tidak kena mengena dengan Tuhan.

- (17) Pergi ke Mekah mengerjakan Haji adalah sia-sia sahaja.
- (18) Waktu Sembahyang Subuh berpanjangan hingga masuk Zohor.
- (19) Qiamat tidak akan berlaku kerana Allah tidak bodoh menjadikan alam kemudian memusnahkannya.
- (20) Seorang anak Adam adalah hampir hendak mati Allah datang bersalaman dengannya dan tidak payah lagi mengajarnya mengucap kepadanya.
- (21) Kalau seseorang itu hendak jadi Islam kenalah jadi kafir terlebih dahulu.
- (22) Al-Quran yang ada sekarang adalah tidak benar.
- (23) Semua alim Ulamak, Tok Guru sekarang penipu kerana menyembunyikan ilmu yang sebenar.
- (24) Sembahyang Jumaat tidak wajib.
- (25) Ayah Pin-lah satu-satunya orang yang boleh membawa Islam yang sebenar sebagaimana zaman Rasulullah S.A.W.

Itu adalah di antara isu-isu yang telahpun diambil dan telahpun dibahaskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu. Dan, adalah lagi beberapa perkara yang menjadi pegangan kepada golongan ini yang boleh disebabkan mereka ini sesat seperti Ariffin Mohamad boleh menyembuh segala penyakit dengan cara minum air tawar Ariffin Mohamad ataupun Telaga Zam-zam dia dan disebut namanya tujuh kali dan boleh jugak menakutkan binatang buas jugak dengan menyebut namanya tujuh kali. Seterusnya, Mekah, Kaabah dan Air Zam-zam adalah milik Ariffin Mohamad. Telaga Zam-zam yang digalinya di Batu 13 adalah setelah mendapat wahyu daripada langit. Seterusnya Ariffin Mohamad mempunyai keajaiban seperti boleh sumpah orang lain menjadi batu dan boleh nampak menembusi bukit-bukau. Tahu perkara orang lain tidak tahu dan orang tua boleh menjadi muda. Seterusnya, wang yang diberikan oleh Ariffin bin Mohamad tidak akan habis walaupun telah dibelanjakan. Ada nasyid-nasyid yang memuja Ariffin bin Mohamad ini. Ariffin Mohamad ataupun Ayah Pin ini boleh membawa pengikutnya yang rapat ke langit setahun sekali untuk bertemu roh nenek moyang mereka. Seterusnya penghuni markas adalah terdiri daripada wali dan orang-orang ghaib. Dan, seterusnya mendakwa kunci Syurga ada di tangannya dan beliau boleh menentukan Syurga dan Neraka kepada seseorang. Seterusnya roh orang mati yang jahat akan dikurung dalam kubah yang ada di markas Ariffin Mohamad manakala roh yang baik ada di sekitar markas itu. Seterusnya apabila anak Adam hampir mati Allah akan datang kepadanya maka tak perlu mengucap lagi. Ariffin Mohamad adalah satu-satunya orang yang boleh membawa Islam sebenar seperti zaman Rasulullah. Isteri-isteri Ariffin Mohamad bukan manusia biasa tetapi dia adalah Puteri Gunung Ledang, Puteri Sa'adun, Puteri Manu dan Puteri Matahari (Dewan Gelak) Seterusnya, adanya Upacara Pengampunan yakni Upacara Menerima Taubat

di dalam bilik yang tidak berbumbung supaya dimasuki cahaya bulan purnama iaitu masa yang sesuai untuk bertaubat. Bagi pengikut lelaki memadai berbai'ah dengan Tuhan yakni Ariffin Mohamad cara berjabat tangan sahaja. Manakala pengikut perempuan mesti menanggalkan pakaian tidak suci untuk lebih mendapat barakah perlu bersetubuh dengan Tuhan. Seterusnya, pengikut perempuan yang cantik akan diberitahu bahawa Tuhan mahu berjumpa seorang dengan seorang. Seterusnya pengikutnya yang rapat akan dihadiahkan dengan puteri. Seterusnya, menganggap ajaran Islam susah seperti kena puasa dan kena sembahyang sedangkan ajaran Ariffin bin Mohamad tidak perlu puasa dan tidak perlu sembahyang. Ariffin Mohamad mendakwa bahawa beliau adalah orang yang paling lama hidup di dunia ini dan beliau juga adalah bapa kepada semua manusia. Seterusnya, semua perkara boleh dimakan termasuk yang diharamkan oleh agama Islam. Dan seterusnya, ada proses nikah batin.

Tentang ajaran Ayah Pin ini telah dikesan sejak tahun 1975 lagi atau sebelum itu dan isu ajaran sesat atau penyelewengan akidah oleh kumpulan Ayah Pin telah ditangani oleh Pihak Berkuasa Negeri sejak ianya mula dibawa masuk ke Terengganu pada tahun 1975 oleh Guru asal ajaran ini iaitu Ayah Hassan ataupun Hassan Anak Harimau. Hassan Anak Harimau telah diambil tindakan oleh Kerajaan iaitu ditahan di bawah ISA dan kemudian dibuang daerah sehingga meninggal dunia di Kelang. Sejak Hassan Anak Harimau ditahan oleh ISA, kumpulan ini telah dipimpin oleh Ariffin bin Mohamad yakni Ayah Pin.

Kerajaan sentiasa memantau kumpulan ini dan memanggil pengikut-pengikut mereka untuk mendapatkan maklumat. Pada masa peralihan ketua kumpulan ini dan beberapa tahun berikutnya aktiviti ajaran ini tidak begitu aktif tetapi kemudiannya ianya mula berkembang ke negeri-negeri lain seperti Selangor, Pahang, Perak, Johor, di samping negeri asal iaitu Kelantan. Hasil dari pemantauan dan siasatan oleh Kerajaan, maka pada tahun 1997 satu fatwa telahpun dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu dalam mesyuarat pada 4 Disember 1997 fatwa tersebut telah diwartakan iaitu Warta Jilid 50 No. 25 yang menyatakan bahawa - Bahawasanya ajaran dan pegangan Ayah Pin adalah palsu, sesat, menyeleweng dan boleh membawa ancaman kepada ketenteraman awam, orang awam serta merosakkan akidah. Oleh yang demikian, orang ramai di negeri ini hendaklah menghindarkan diri daripada terlibat dengan pegangan dan ajaran Ayah Pin. Dan, setelah fatwa tersebut diwartakan maka beberapa tindakan susulan telah diambil oleh pihak Kerajaan sebagaimana berikut:-

- (i) Ariffin Mohamad telah ditangkap dan telah didakwa atas kesalahan menghina Agama Islam di bawah Seksyen 292 Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Bil.12/1986 Terengganu dan Ariffin Mohamad telah didakwa dan dijatuhkan hukuman sebanyak RM2,900.00 dan penjara selama 11 bulan pada tahun 2002.
- (ii) Mengadakan operasi-operasi pemeriksaan berwaran ke atas pengikut-pengikut Ariffin Mohamad dan hasilnya 69 orang telah ditangkap dalam operasi-operasi berkenaan dan seramai 44 orang sedang didakwa, tindakan ini telah diambil pada tahun 2002.

- (iii) Meroboh bangunan-bangunan yang menjadi simbol ajaran Ariffin Mohamad dan membersihkan saki-bakinya pada tahun 2005.
- (iv) Memastikan pengikut-pengikut Ariffin Mohamad yang tidak ada hubungan keluarga meninggalkan perkampungan berkenaan dengan memberi notis – tahun 2005.
- (v) Mengadakan Program Pemulihan Akidah secara sepadu kepada kumpulan ajaran ini yang melibatkan jabatan-jabatan seperti Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, JAKIM, Polis, Kebajikan Masyarakat, JKM dan lain-lain.
- (vi) Pada tahun 2002, 2001, 2004 dan 2005 diadakan Khutbah Jumaat Khas berkaitan ajaran sesat Ariffin Mohamad oleh JAKIM – tahun 2005.
- (vii) Penyebaran risalah dan phamplet berkaitan dengan kegiatan penyelewengan kumpulan Ariffin Mohamad ini – tahun 2005.
- (viii) Polis Di Raja Malaysia sentiasa membuat sekatan jalan raya ataupun harassment terutama pada penghujung minggu terutama di kawasan berdekatan Perkampungan Ariffin bin Mohamad dan pada masa yang sama bahagian Penguatkuasaan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu menyebarkan risalah-risalah yang berkaitan dengan ajaran Ariffin bin Mohamad ini kepada orang ramai di kawasan sekitar. Dan, undang-undang yang digunakan untuk mencegah ajaran Ariffin ini ialah:
 - Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam Bil.12/1955
 - Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Terengganu 1986, Terengganu
 - Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Terengganu 2001, dan
 - Kanun Tanah Negara di bawah Seksyen 129.

Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang):
Penjelasan Dato' Yang Di Pertua – Di dalam kawasan saya ada pengikut-pengikut fanatik Pas yang pergi ke Bujal dan bawa balik sisa bata Markas Pas yang dirobuhkan. Adakah pengikut-pengikut Ayah Pin juga pergi ke Batu 13 dan ambil sisa kendi ke dan lain-lain yang telah dirobuhkan?

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Setakat ini Dato' Yang Di Pertua, kita tak dapat maklumat yang mengatakan bahawa pengikut-pengikut Ariffin bin Mohamad ini pergi ke Batu 13 dan mengambil serpihan-serpihan yang

tertinggal setelah perobohan dilakukan. Tetapi untuk makluman bahawa semua saki baki ataupun semua serpihan ataupun semua buangan ataupun apa-apa sahaja setelah roboh bangunan-bangunan yang menjadi simbol ajaran ini, pihak Kerajaan telahpun mengumpul dan telahpun membuang jauh di sebuah lombong di Lata Tembakah. Jadi oleh kerana itu maklumat tersebut Kerajaan belum lagi terimalah dan kita anggap takdok kot.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ucap terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Pohon penjelasan Dato' Yang Di Pertua – Mengapakah pada zaman Pemerintahan Pas empat tahun lepas tidak ada tindakan terhadap Perkampungan Ayah Pin ini?

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Dato' Yang Di Pertua, semasa Pemerintahan Pas dahulu ada beberapa tindakan yang telah diambil kepada pengikut Ayah Pin terutama di bawah Seksyen yang saya sebut tadi 209 – Menghina Agama dan Ayah Pin telah dijatuhkan hukuman dan dipenjarakan di Pengkalan Chepa tetapi hasil daripada tindakan tersebut setelah Ariffin Mohamad keluar daripada penjara maka perkembangan ajaran ini telahpun berkembang begitu pesat sekali seolah-olah mereka mendapat suntikan baru dan pada masa itu pihak Kerajaan Pas tidak mengambil inisiatif yang sepatutnya untuk memastikan bahawa perkembangan yang mendadak itu dapat diatasi sehinggakan oleh dikatakan keseluruhan bangunan-bangunan utama yang menjadi simbol kepada ajaran Ayah Pin ini termasuk dengan cereknya, dengan Dewan Perhimpunannya dan sebagainya lagi adalah didirikan pada masa ini iaitu pada tahun 2002 dan 2003. Tetapi alhamdulillah, dengan komitmen bersungguh-sungguh oleh Kerajaan pada hari ini iaitu Kerajaan Barisan Nasional dan dengan komitmen Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri, maka kita dengan berani mengambil tindakan ke atas mereka ini dan semua bangunan itu kita telah robohkan dan alhamdulillah kita bersyukur kepada Allah S.W.T. saya rasakan bahawa banyak kesan-kesan positif daripada tindakan ini dan boleh dikatakan bahawa pengaruh kumpulan itu hari ini boleh dikatakan berada di dalam keadaan yang cukup daif. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Minta laluan dan pohon penjelasan Dato' Yang Di Pertua Dewan – Apakah tidak ada Enakmen Kerajaan Negeri yang boleh menjatuhkan hukuman Mati Mandatori kepada orang murtad seperti ini?

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Soalan berat sikit Dato' Yang Di Pertua. Dalam peruntukan Enakmen yang ada pada hari ini, kita tidak ada satu peruntukan mengenai kesalahan murtad, sebenarnya isu ini adalah merupakan satu isu yang telah dibahaskan sejak lama dulu lagi yang dibahaskan di peringkat Pusat dan juga pernah dibincangkan di peringkat Negeri dan juga dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Ulamak dan juga Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu. Setelah Kerajaan berbincang secara *detail* dan setelah kita kaji dari berbagai aspek undang-undang termasuk Undang-undang Pusat dan Undang-undang Negeri maka Kerajaan merasakan bahawa peruntukan khusus mengenai murtad ini tak dapat diperuntukkan di dalam Enakmen. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Dato' Yang Di Pertua saya cuma nak tanya saja tadi Dato' Yang Di Pertua kata sesi soal-jawab hanya satu jam melainkan jam saya salahlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Masa untuk sesi soal-jawab telahpun selesai cuma saya beri peluang tadi sebab Yang Berhormat daripada Kerajaan sedang menjawab untuk selesaikan soalan tambahan tadi. Jadi sesi soal-jawab telahpun selesai dan untuk makluman Yang Berhormat sekalian untuk 24hb, besok Soalan Lisan akan bermula dengan soalan daripada Yang Berhormat Wakil Telemong bagi soalan 24hb Ogos. Jadi tempoh Soalan Lisan telahpun selesai, saya

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya pohon izin untuk menangguhkan Dewan yang mulia ini di bawah perkara 30 Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi maksud merundingkan suatu perkara yang tertentu dan mustahak bagi orang ramai dan yang perlu disegerakan. Perkara yang ingin dibahas atau dirundingkan di bawah peraturan 30 ini ialah isu perobohan Markas Pas yang dikatakan Masjid Kampung Bujal, Kemaman yang menimbulkan kekeliruan orang ramai. Perbahasan ini penting untuk mencari kebenaran dari peristiwa perobohan itu yang didakwa oleh Pembangkang adalah sebuah masjid. Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Minta diserahkan cadangan itu. Okey, terima kasih. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya menerima Perkara Yang Mustahak Mengikut Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu dan saya memerlukan sedikit masa untuk meneliti cadangan ini sebelum dibuat keputusan dan sekarang saya tangguhkan persidangan ini sehingga jam 11.15 pagi.

DEWAN DITANGGUHKAN PUKUL 10.55 PAGI.

Pukul 11.15 Pagi

Cadangan Di Bawah Fasal 30
Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap
Dewan Undangan Negeri Terengganu

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Persidangan Dewan disambung semula.

Untuk makluman Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, saya ada menerima satu Cadangan Untuk Menangguhkan Dewan Bagi Membincangkan Perkara-perkara Yang Mustahak Bagi Orang Ramai berdasar Fasal 30, Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi Negeri Terengganu Darul Iman dari Yang Berhormat Wakil Kemasik. Berdasarkan Fasal 30 (2), saya suka menyatakan di sini perkara yang ingin dibahaskan ataupun dirundingkan di bawah perkara 30 atau Fasal 30 ialah Isu Perobohan Masjid Kampung Bujal, Kemaman dan setelah saya meneliti perkara ini berdasarkan Fasal 30 (2) saya menerima cadangan ini dan saya meminta Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menyokong supaya cadangan ini dibahaskan, sila berdiri di tempat masing-masing.

Cadangan dihidupkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan sebulat suara.

Terima kasih. Sekarang cadangan ini diterima dan saya buka untuk bahasan. Dipersilakan mana-mana Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian untuk Perbahasan cadangan yang telah dikemukakan mengikut Fasal 30(1) dan terima berdasar Fasal 30(2). Sila Yang Berhormat Wakil daripada Tepoh.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah wakafo wassolatuwassalamu-alarasulihilmusytaba waala-alihiwa-ashabihi wamanihtadabilhuda. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua-ketua Jabatan seterusnya para Pemerhati, tuan-tuan dan puan-puan warga Dewan yang saya hormati sekalian.

Pertama sekali saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua kerana memberikan laluan untuk saya berucap dan membahaskan usul yang telahpun dikemukakan oleh Wakil Kemasik menurut seksyen 30. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum dalam beberapa bulan kebelakangan ini apa yang dimaksudkan oleh setengah-setengah pihak khususnya Pembangkang di dalam negeri dan di dalam negara kita Malaysia yang tercinta ini yang menggembar-gemburkan tentang pihak Kerajaan Negeri Terengganu khususnya di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, Menteri Besar telah bertindak merobohkan masjid yang disebutkan oleh Pembangkang di Kampung Bujal, Kemaman Negeri Terengganu Darul Iman. Akibat daripada cetusan

serta apa yang disampaikan melalui ceramah-ceramah dan syarahan serta yang dikeluarkan oleh pihak-pihak tertentu melalui penulisan-penulisan akhirnya menimbulkan keluh-kesah kepada masyarakat dan kepada rakyat khususnya di dalam Negeri Terengganu ini. Ada di kalangan mereka, khususnya di kalangan rakyat tanpa usul periksa, tanpa mengetahui latar belakang kedudukan isu yang sebenarnya terus melemparkan tuduhan dan kata-kata yang menggambarkan semacam Kerajaan yang ada, Kerajaan Barisan Nasional yang memimpin Negeri Terengganu pada hari ini adalah Kerajaan yang zalim, Kerajaan yang melakukan penindasan dan kekerasan, Kerajaan yang tidak berperikemanusiaan bahkan Kerajaan yang lebih teruk daripada Yahudi itu sendiri. Inilah lemparan tuduhan-tuduhan yang tidak berasas, yang tidak mempunyai bukti-bukti yang jelas lebih bersifat kepada untuk menimbulkan ketegangan di dalam masyarakat, lebih untuk menimbulkan kesusahan dalam masyarakat dan selebihnya tidak kurang untuk mencari kepentingan politik murahan barisan Pembangkan itu sendiri. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam isu ini suka saya menjelaskan atau membahaskan berdasarkan beberapa aspek yang mungkin sebelum ini telahpun disentuh oleh Yang Berhormat Wakil Kerajaan khususnya Yang Berhormat Wakil Kijal dalam jawapan lisan sebentar tadi. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam kes yang berlaku di Kampung Bujal yang disebutkan oleh Pas bahawa yang dirobohkan itu adalah masjid, saya suka menarik perbincangan ini kepada Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Terengganu) 1422 Hijrah bersamaan tahun 2001 Masihi yakni Enakmen Bil.2/2001 yang mana Enakmen ini telahpun dibuat dan diluluskan pada masa Kerajaan Pas memerintah Negeri Terengganu 4 tahun yang lalu. Dan, mereka mengadakan peruntukan-peruntukan yang cukup jelas tentang syarat-syarat, peraturan-peraturan bagaimana sepatutnya sesebuah masjid itu didirikan di dalam Negeri Terengganu ini. Ini adalah undang-undang yang dibuat semasa pemerintahan Pas 4 tahun yang lalu tetapi demi untuk kepentingan politik Pas mereka sanggup untuk membelakangkan kefahaman rakyat dan sekaligus sanggup membelakangkan Enakmen yang merupakan undang-undang yang telah dibuat pada masa pemerintahan mereka sendiri demi untuk kepentingan politik murahan mereka sebenarnya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Takdok orang tepuk? (Dewan Gelak dan Tepuk) Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Enakmen tersebut saya suka merujuk seksyen 80 (1) dan juga (2) yang secara kesimpulannya dapat saya jelaskan bahawa yang berhak ke atas masjid yang menjadi pemegang amanah yang tunggal ke atas apa yang dikatakan masjid itu dan sekaligus yang berhak memegang amanah tunggal ke atas tanah yang berkaitan dengan setiap masjid adalah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu. Ertinya seluruh masjid dan tanah-tanah yang ada kaitan dengan soal masjid khususnya tanah-tanah yang dikatakan tanah wakaf itu hendaklah ditadbir urus dan dipegang amanah tunggal oleh pihak MAIDAM. Sementara seksyen 82(1) yang ada (a), (b), (c) dan (d) menyebutkan bahawa setiap sesuatu masjid yang nak ditubuhkan itu dalam erti kata Majlis boleh membenarkan sesuatu bangunan didirikan sebagai masjid. 82(1) (b) – Majlis boleh membenarkan mana-mana bangunan dijadikan sebagai masjid, (c) – Majlis boleh meletakkan mana-mana surau, madrasah sebagai masjid dan dalam keadaan ini (d) – Majlis boleh memberi kebenaran untuk menubuhkan masjid dan hendaklah mengawal ataupun menjadi tuannya yang kekal ke atas tanah yang dikatakan tanah wakaf yang dijadikan tanah untuk masjid. Jadi saya simpulkan di sini bahawa setiap masjid yang nak didirikan di dalam Negeri Terengganu mestilah terlebih dahulu dapat kebenaran daripada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu di mana sesuatu pihak yang hendak mendirikannya, pertamanya, mesti membuat permohonan rasmi dan

permohonan rasmi itu diajukan kebiasaannya kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dan dibawa kepada Mesyuarat Majlis dan yang lebih awal diputuskan dalam Jawatankuasa Fatwa Negeri sama ada boleh didirikan masjid ataupun tidak, boleh didirikan Jumaat ataupun tidak di satu-satu tempat itu. Jawatankuasa Fatwa akan bersidang, Majlis jugak akan buat keputusan berdasarkan permohonan yang diminta. Tetapi di dalam kes yang berlaku di Bujal, Kemaman tidak ada sebarang permohonan yang dibuat oleh mana-mana pihak(Tepukan Sokongan)..... sama ada yang buat permohonan itu adalah individu-individu tertentu mahupun parti yang sekarang ini berteriak di merata sini dan sana yang menyatakan Kerajaan merobohkan masjid, Kerajaan yang zalim. Parti tersebutpun tak pernah mohon untuk dirikan masjid. Ertinya, boleh kita buat kesimpulan bahawa apa yang didirikan itu bukan masjid itu setakat kerangka bangunan untuk tujuan politik. Yang Berhormat Wakil Kerajaan tadi, Yang Berhormat Kijal menyatakan bahawa itu adalah markas yang digunakan oleh pihak Pas untuk tujuan kepentingan politik mereka, untuk mengadakan program-program politik mereka tetapi apabila Kerajaan melakukan atau mengambil tindakan mereka terus warwarkan, mereka terus sebarkan bahawa Kerajaan robohkan masjid. Mana ada masjid di Kampung Bujal? Ini perlu kefahaman yang jelas kepada khususnya barisan Pembangkang dan jugak warga Dewan secara keseluruhannya.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, apabila mana-mana pihak tertentu mengambil tindakan mendirikan dengan secara mengikut kehendaknya ertinya mereka tidak mengikut peraturan yang ada. Sedangkan kita sedia maklum bahawa di dalam negeri kita peraturan adalah merupakan suatu perkara yang mengikat untuk kita bertindak dan kita sedia maklum pada masa 4 tahun yang lepas pun ketika Pas memerintah mereka juga sering menyebutkan bahawa kita jalankan tugas mengikut peraturan-peraturan yang ada tetapi apabila mereka kembali menjadi Pembangkang, mereka langgar balik peraturan yang mereka buat. Ini yang dikatakan oleh Allah S.W.T. (membaca Surah Ash Shaf ayat 2) yang bermaksud : "Wahai orang-orang yang beriman mengapa kamu berkata sesuatu yang kamu tidak lakukan". Ini merupakan satu tindakan yang cukup tidak bertanggungjawab oleh pimpinan-pimpinan dan keseluruhan warga Pas itu sendiri.(Tepukan Sokongan)

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, yang kedua, saya suka berhujah dalam usul bagi menyatakan rasa terpenggil serta bertanggungjawab terhadap usul yang dikemukakan oleh Wakil Kemasik itu tadi. Saya suka berhujah ataupun membawa perbahasan ini berdasarkan kepada satu firman Allah S.W.T. di dalam Suratul Taubah ayat 107 hinggalah 108 di mana Allah S.W.T. ada berfirman yang bermaksud "Dan ketahuilah bahawa ada di antara mereka itu orang-orang yang mendirikan masjid kerana hendak menimbulkan kemudharatan dan kerana kekafirannya dan begitu pula untuk memecahbelahkan antara orang-orang mukmin serta menunggu kedatangan orang-orang yang telah memerangi Allah dan RasulNya sejak dahulu. Mereka sesungguhnya bersumpah kami tidak menghendaki selain untuk melakukan kebaikan dan Allah menjadi saksi bahawa sesungguhnya mereka adalah pendusta di dalam sumpahan mereka dan janganlah kamu bersembahyang di dalam masjid itu selama-lamanya sesungguhnya masjid yang didirikan di atas dasar taqwa yakni Masjid Kuba' sejak hari pertama adalah lebih patut kamu bersembahyang di dalamnya ada orang-orang yang membersihkan diri dan Allah menyukai orang-orang yang bersih." Demikian maksudnya firman Allah dalam Suratul Taubah ayat

107 hingga 108. Apa yang penting dan perlu kita menghayati mengambil iktibar serta kefahaman yang sejitu-jitunya terhadap firman Allah S.W.T. ini yang menggambarkan kepada kita Allah menyebutkan dalam sejarah yang berlaku semenjak Islam itu dibawa oleh Rasulullah ada di kalangan puak-puak, ada di kalangan orang yang dengki yang tidak boleh menerima risalah yang dibawa oleh Rasulullah. Mereka cuba untuk memusnahkannya dan di antara bentuknya ialah dengan cara mendirikan bangunan yang dinamakan jugak masjid sebagaimana yang dibina oleh Rasulullah. Kita sedia maklum masjid yang pertama dibina dalam sejarah Islam oleh Rasulullah adalah Masjid Kuba' tetapi dalam sejarah awal Islam di Madinah apabila Rasulullah datang ke Madinah atau langkah yang awal Rasulullah membina Masjid Kuba', pembinaan Masjid Kuba' ini akhirnya menimbulkan sedikit rasa irihati kepada orang-orang tertentu khususnya orang munafik yang antaranya terdiri Abdullah bin Ubai dan yang dalam kes ini namanya ialah Abu Amir. Dalam ayat ini Allah S.W.T. menyebutkan kepada kita bahawa ada orang yang bina masjid dia bina atas tujuan apa? (membaca Surah At-Taubah ayat 107 bermaksud) "Ada di kalangan mereka membina dan menggunakan masjid untuk tujuan memudaratkan orang lain". 'dirara' – mudarat, yang kedua 'wakufra' – dia bina itu bukan Islam sangat tapi nak khabar dia itu macam Islam jugak tapi dia termasuk dalam golongan yang kufur. Yang ketiga, bina masjid untuk tujuan apa? 'Wafriqan bainal mu'minin' tujuannya adalah untuk memecah belahkan penyatuan, kesatuan di antara orang-orang mukmin. Dan, tujuannya yang keempat, 'wairsodalliman-haraballah-hawarasulahunqab' tujuan ialah dia berusaha untuk menarik orang-orang yang benci kepada Rasulullah iaitu orang-orang Mekah untuk datang turut memerangi Rasulullah S.A.W. Ertinya

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Maksud orang-orang itu siapa dia, hak nu masa di Mekah, masa ini, nampak kerek tengok tang ke nun?

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih Wakil Kijal. Soalan saya jawab belakang, hak inipun saya nak jawab belakang. Yang saya nak simpulkan balik Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, selain masjid selain dibinakan atas dasar taqwa dan memang asas pembinaan masjid itu adalah atas dasar taqwa 'amasjiddun usissa-alataqwa' – masjid itu dibina atas dasar taqwa tetapi kita perlu ingat Allah S.W.T. telah lebih awal lagi menjelaskan kepada kita bahawa tidak semua orang bina masjid atas dasar tawqa ada jugak puak-puak yang bina masjid untuk tujuan-tujuan lain. Apa dia tujuan? Dalam ayat ini ada empat tujuan jelas dikhabarkan pertamanya - nak menimbulkan mudarat saja, yang keduanya – nak memecahbelahkan sesama muslim/mukmin, kalau saya nak jawab selalupun hak ini yang dia bina ini bukan tujuan taqwa tujuannya nak memecahbelahkan masyarakat umat Islam itu sendiri (Tepukan Sokongan) bukan baru, semenjak dahulu lagi. Yang ketiganya - kufur dan yang keempatnya, dia nak ajak konon-kononnya masa itu kerana Rasulullah dah hebat, Islam dah hebat dia nak panggil pemuka-pemuka Mekah supaya datang serang Rasulullah maka dia tunjukkan bahawa caranya ialah dengan mendirikan benda yang sama. Abu Amir ini, Dato' Yang Di Pertua, Abu Amir ini seorang yang munafik dari Suku Khajraj, dia ini hebat sebenarnya hebat. Apa di antara ciri-ciri kehebatan Abu Amir? Abu Amir memang pakar dalam bab-bab tulisan-tulisan bahasa-bahasa lama maknanya kalau kita zaman le-ni gak hak jenis kitab-kitab lamalah maksudnya. Bila baca saja kitab lama gak kerlok orang lain, pakar tu. Dan, Abu Amir ini pula seorang yang antaranya dia ini seorang pendita dan dia

ini kalau dia berpakaian pakaian yang cukup menarik perhatian orang sering sangat dia berpakaian yang akhirnya orang tengok 'Hish! Hebat dia Abu Amir'. Kalau macam kita sekarang kita tengok orang pakai jubah warna begini, 'Hebat tu, Tok Guru tu', begitulah. Inilah di antaranya dan Abu Amir ini memang tugas dia, dia geram dan dia bendi, bila dia popular satu ketika itu kerana Rasulullah dah datang bina masjid, kepopularitiannya mula menurun dan pudar, dia sudah mula jadi tenggelam sedikit maka diapun berikhtiarlah nak hidupkan kembali kepopularitinya antaranya caranya ialah banyak benda dia buat, yang pertama bila lebih-lebih lagi berlaku Peperangan Badar itu berlaku umat Islam menang dia makin lagi rasa resah gelisah dan dia yang terlibat mengundang, mengajak pemuka-pemuka kafir Quraisy di Mekah datang ke Madinah serang sekali lagi umat Islam kalau kalah dalam Perang Badar kamu kena serang semula ini adalah gara-gara permintaan serta permainan yang dirancang oleh Abu Amir. Begitu jugak Abu Amir ini dia bawa Maharaja Rome supaya datang serang Madinah juga, serang Nabi. Dia juga dalam Peperangan Gunain satu peperangan yang berlaku dalam Peperangan Gunain dia pernah menggali lubang untuk tujuannya Rasulullah jatuh dan memang Rasulullah jatuh di dalam lubang itu tetapi alhamdulillah Allah selamatkan Rasulullah, ini adalah gara-gara Abu Amir. Jadi salah satu cara untuk nak memesonkan pemikiran umat/masyarakat pada ketika itu ialah

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Hak itu gara-gara Abu Amir, dah hak Bujal gara-gara siapa, serupalah?

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Abu bendapun tak tahu hak ini, Abu Pas. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jadi bila dia bina masjid tersebut dia ajak Rasulullah "Marilah kita sama-sama tolong bersih retek ni, masjid baru ini" dan ajak Rasulullah bersembahyang jugak lalu Allah menurunkan peringatan kepada Rasulullah jangan kamu pergi, Allah sebutkan '*Latakunfihi-abada'*, 'Jangan kamu berdiri dalamnya, jangan kamu sembahyang dalamnya sebab itu adalah masjid yang didirikan untuk memecah belahkan kamu bukan masjid taqwa kamu jangan sembahyang'. Bahkan Allah S.W.T. mengarahkan supaya masjid tersebut, bangunan tersebut dirobohkan. Inilah sejarah yang dikatakan Masjid Dirar, apa maksud Masjid Dirar? Masjid yang dibina untuk tujuan menimbulkan mudarat di dalam masyarakat. Kalau begitu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, berdasarkan firman Allah S.W.T. saya kira sebenarnya adalah tidak terlalu jauh bahkan cukup dekat, cukup tepat kita katakan yang dibina di Bujal itu kalau Paspun kata itu masjid itu adalah takrifannya adalah Masjid Dirar dalam konteks masyarakat hari ini(Tepukan Sokongan) Kalau masjid tetapi yang dibina itu tak masjid lagilah dok pakai do'oh lalu, geram sikit. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, begitu jugak sebenarnya kalau kita balik kepada tadi nak bina dalam masyarakat kita Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita ini adalah masyarakat yang cukup dah tersentuh hati, sensitiviti dah terlalu kuat

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Lualan Yang Di Pertua, panjang Wakil Tepoh berucap berkenaan dengan isu Bujal ini, persoalan saya ayat-ayat yang telah dibacakan oleh Wakil Tepoh tadi adakah tidak ditemui oleh Wakil-wakil Pembangkang berkenaan dengan Masjid Dirar sebagaimana yang disebutkan dan juga berkenaan dengan Abu Amir yang dikatakan itu atau *asbabunnuzul* itu. Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Inilah masalahnya dalam Pas ini dia di samping saikologi manusia ini hak kena ke sendiri dia tak berapa nampak, dia duk nampak salah orang kalau bab roboh itu tadi dia langsung tak cerita kepada masyarakat bahawa cerita-cerita Abu Amir ini, dia tak cerita tentang konsep Masjid Dirar ini, dia tak cerita sebab dia tahu benda itu kena atas kepala dia sendiri. Ini yang menjadi masalah bila atas kepala sendiri dia tak boleh susut tapi dia lebih melakukan perkara-perkara berceramah lebih untuk mengambil simpati orang ramai nak mengatakan bahawa orang yang buat, Kerajaan yang mengambil tindakan itu adalah Kerajaan yang tidak berperikemanusiaan dan Kerajaan yang melakukan kezaliman. Inilah tujuannya takdok lain untuk kepentingan politik kerana dah tak ada isu, akhirnya buat terbit isu kerangkapun kata masjid. Orang dengar, orang tengok internet apa semua 'Eh, eh! zalimnya Kerajaan Terengganu, Yahudipun tak bina masjid'. Kalau kita tak tahu ke halapun begitu juga kita kata sebab kita ni jenis suka dengar hak tak molek khususnya hak empat orang balik nunlah.

Dato' Yang Di Pertua, saya ingin menyambung sedikit lagi begitu juga dalam soal nak mendirikan masjid ini kita sedia maklum dalam kalau berkaitan dengan masjid dan juga untuk berjumaat bukan senang untuk kita berikan sebab kita kena ingat bahawa dalam urusan membina masjid dan urusan berjumaat adalah serupa juga sebagaimana urusan lain sebagai contohnya urusan zakat. Urusan untuk mendirikan masjid, berjumaat dan juga zakat atau perkara-perkara yang lain adalah menjadi urusan Kerajaan yang memerintah, hak pemimpin, hak Kerajaan yang memerintah ertinya tidak boleh mana-mana pihak, tidak boleh mana-mana individu buat pandai sendiri sebagai contohnya keluar zakat tidak boleh kita keluar zakat sembarangan nak keluar ikut-ser saja ke orang walaupun kita kata keluar zakat. Keluar zakat mesti kepada Amir yang bertauliah, yang memberikan tauliah itu ialah Kerajaan tujuannya ialah nak mengawal institusi zakat. Kalau pakat duk keluar ikut-ser akhirnya Kerajaan tidak dapat hasil zakat. Begitu juga dalam bab masjid, hak Kerajaan yang menentukan didirikan masjid, hak Kerajaan yang menentukan untuk berjumaat kalau ada individu tertentu yang ambil tindakan ataupun puak-puak tertentu yang ambil tindakan dia pakat buat bangunan lalu dia bersembahyang Jumaat apa yang berlaku hari ini itulah yang berlaku yang sampai ada sekampung jaraknya lebih kurang 100 meter – 200 meter masjid yang ada yang diluluskan oleh Kerajaan, yang diwartakan oleh Kerajaan dia buat lagi bangunan lain dia sembahyang jugak Jumaat sama-sama bang, sama-sama dengar akhirnya berlaku dua Jumaat dalam satu kampung, satu qariah sebab mereka ambil tindakan sendiri. Dalam hukum Fekah pula apa yang berlaku kalau dalam sekampung itu ada dua Jumaat paling mudahnya ialah yang angkat takbir hari Jumaat hak hari Jumaat dia angkat takbir dulu hak itu baru sah, hak yang tak lagi tak sah, hak ni yang banyak berlaku dalam masyarakat kita sebab mereka gunakan kepentingan sendiri ikut nafsu semata-mata kata jangan sembahyang di belakang Tok Imam itu, Tok Imam itu Tok Imam Umno, Tok Imam Kerajaan, sembahyang di belakang dia tak sah kena sembahyang dekat lain maka dia buat masjid lain, maka ini yang rosaknya yang pecah belahkan masyarakat. Kalau ini yang berlaku inilah kebenaran firman Allah S.W.T. dalam Suratul Taubah itu tadi 'Watafriqanbainalmu'minin', 'Mereka melakukan tindakan bina dan sembahyang itu tujuannya bukan nak cari taqwa di sisi Allah, bukan keikhlasan kerana Allah tapi kepentingan parti politik selebihnya mereka bertindak memecah belahkan umat, apa hukum orang memecahkan umat? (Tepukan Sokongan) Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, takdok selama ini kalau tadi, saya ingat tadi Yang Berhormat Kijal

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Lulusan sekali Dato' Yang Di Pertua – Masih ada lagikah fatwa ataupun ikutan pengikut-pengikut yang mengatakan sembahyang, sembelihan dan nikah dengan Imam Umno yang dilantik oleh Kerajaan tidak sah ataupun batal sehingga hari ini?

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya takmbah jawab hak itu Exco sayalah jawab kot, kena notislah tu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ingin menyambung sedikit lagi. Dalam sejarah ini juga di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama tak pernahpun, Pejabat Agama, Majlis Agama dan Fatwa lulus di Negeri Terengganu kita ini luluskan satu buah bangunan jadi masjid dan buat Jumaat kalau setakat ada orang di kampung itu 12 – 13 buah rumah, 13 orang ataupun 20 orang saja takdok kita lulus. Nak Sembahyang Jumaat 20 orang saja yang muqalaf, yang bermastautin takdok pernah kita luluskan ertinya kalau pihak tertentu mintakpun memang tidak dibenarkan sebab tak cukup syarat, awal-awal tak cukup syarat dan memang dia tahu bahawa kalau mohonpun tak lulus kerana tak cukup syarat, dia bina juga tujuannya saya kembalikan yang asal tujuannya semata-mata nak raihkan simpati untuk mencari modal murahan bagi maksud nak mintak rakyat benci kepada Kerajaan supaya rakyat kata Kerajaan ini Kerajaan zalim. Kalau ini yang dilakukan dengan jelas dilakukan memang kita di sini, saya sanggup menyatakan bahawa tindakan pemimpin-pemimpin Pas dalam ceramahnya adalah tindakan tidak bertanggungjawab, tindakan ini adalah tindakan berdosa di sisi Allah kerana berusaha menyebarkan berita-berita yang tidak benar, yang tidak menasabah akhirnya rakyat menjadi keluh-kesah, rakyat berlaga antara satu sama lain. Ini satu perbuatan yang langsung tidak boleh diterima oleh hukum akal dan hukum Fekah, hukum Islam itu sendiri.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, seterusnya saya juga suka menyatakan di sini bahawa dalam kaedah Usul Fiqhpun ada disebutkan satu kaedah yang lebih kurang ada beberapa dia punya sebutannya tapi antaranya disebutkan bahawa dengan izin Dato' Yang Di Pertua, '*Tasarafulimam alaroyatihimanutumbilmasalah*', 'Tindakan apa-apa saja yang diambil oleh pihak Imam yakni pemimpin Kerajaan, pemerintah ke atas rakyatnya dilakukan mengikut kepentingan dan masalah rakyat secara keseluruhannya'. Ertinya berdasarkan kaedah Usul Fiqh ini kita sedia mengatakan bahawa tindakan Kerajaan merobohkan bangunan yang ada di Kampung Bujal di Kemaman baru-baru ini bukan dilakukan di atas rasa dendam dan iri hati, bukan dilakukan di atas dasar untuk melakukan kezaliman tapi dilakukan lebih merujuk kepada melakukan tindakan untuk kepentingan rakyat secara keseluruhannya. (Tepukan Sokongan) Ini adalah hak Kerajaan boleh roboh dan yang sedang roboh itupun bukan masjid tetapi memang mereka bertindak bina itu kerana nak mencabar Kerajaan, mereka bila dah habis tempoh pun mereka bina jugak tujuan takdok lain mereka nak cabar Kerajaan supaya Kerajaan rombak, roboh lalu merekapun canang seluruh dunia, sebar di mana-mana mengatakan Kerajaan zalim sedangkan kita katakan bahawa berdasarkan kaedah tadi maka itu adalah hak Kerajaan dan Kerajaan bukan semata-mata nak roboh sangat tetapi roboh di atas dasar untuk nak mengelakkan kemudaratan berlaku kalau tak roboh silap-silap hari Masjid Payohpun Jumaat tak cukup dia pakai lari ke Bujal siapa nak bertanggungjawab sedangkan tempat itu hak

boleh berjumaat hanyalah Masjid Payoh. Jadi Kerajaan rombak itu tujuannya masalah takut orang terikut tak usah sembahyanglah masjid Kerajaan sembahyang dekat sini. Kemudian Kerajaan roboh itupun atas dasar masalah kerana tanah itupun bukannya tanah wakaf. Kita dah sebutpun dalam seksyen 80 (2), (1) pun kita sebut setiap bangunan yang nak didirikan masjid mesti tanah itu diwakafkan dahulu. Apa yang ada di Bujal itu bukan diwakafkan biasalah bila Kerajaan; ini di zaman Pas dululah ni, tanah hak molek-molek ada perancangan hak lain kita nak buat dia caing-caing, tak tahulah betul atau tidak Dato' Yang Di Pertua bahasa saya itu, buat lot-lot, dibahagi dan memang ada mungkin ditempatkan satu kawasan untuk bina surau atau masjid, itu biasa tetapi apakah telah diwakafkan, tanah yang dibina, bangunan itu apakah telah diwakafkan? Ini tanah wakaf kita bina masjid. Takdok wakafpun lagi. Sedangkan seksyen 80(2)(1) mengatakan tanah itu mesti diwakafkan kalau tidak diwakafkan lagi kita binapun tidak boleh dibina masjid dari segi peraturan. Mereka sedar peraturan ini tetapi mereka sengaja melanggarnya tidak ada tujuan yang lain melainkan untuk nak menimbulkan kekeruhan dalam pemikiran masyarakat dan selebihnya untuk nak menimbulkan rasa tidak puas hati dan rasa benci kepada Kerajaan. Orang yang menimbulkan perkara-perkara yang boleh merosakkan dalam masyarakat, orang yang tersebutlah sebenarnya melakukan kesalahan di dalam masyarakat bahkan dosa di sisi Allah S.W.T.

Dato' Yang Di Pertua, walau bagaimanapun, akhirnya pada hari ini sebenarnya dari sedikit demi sedikit masyarakat dan rakyat sedar dan tahu bahawa apa yang disebutkan oleh mereka itu lebih bersifat propaganda politik murahan semata-mata, mereka ingin menanggung di air keruh dan mereka umpama tidak ada kaedah lagi dah nak mendayung umpama orang yang sudahpun berada di perahu, pendayungpun sudah berada di tangan tetapi sayang seribu kali sayang pendayungnya patah perahunya bocor maka dia tak mampu untuk mendayung sampannya dia reka cerita-cerita yang lain kononnya dia ini lemas kerana orang buat ke dia sedangkan dia tak berhati-hati. Umpama orang yang memakai kain singkat (pakai kain pelikat kain singkat), angkat ke atas nampak lutut, turun ke bawah nampak pusat serba tak kena tapi duk menyalahkan ke orang itulah. Ini yang berlaku, walau bagaimanapun, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, akhir-akhir ini perkara itu sudahpun terdedah dan rakyat sudahpun mula faham bahawa itu merupakan rekaan-rekaan sahaja permohongan yang dibawa itu akhirnya memakan diri sendiri sebagaimana kita tak perlu takut dan kita ingat kepada firman Allah S.W.T. dalam Suratul Nur ayat 11 yang bermaksud: "Janganlah kamu takut ataupun kamu bimbang terhadap perkhawaran, pembohongan-pembohongan yang dibawa oleh mereka bahkan sebenarnya pembohongan itu akhirnya membawa kebaikan kepada kamu". Ini adalah ayat yang ada kaitan sedikit dengan kisah bagaimana Sadatinal Aisyah difitnah kononnya Sadatinal Aisyah itu melakukan perbuatan sumbang dalam perjalanan, dalam satu pemusafiran akhirnya fitnah tersebut terdedah bahawa apa yang berlaku itu lebih bersifat fitnah sahaja, pembohongan dan orang yang melakukan fitnah itu akhirnya berundur dalam keadaan tidak dapat meletakkan mukanya di mana. Inilah juga yang berlaku kepada Pas dan pimpinannya bahawa apa yang mereka canangkan itu lebih sebenarnya untuk nak membawa perkara-perkara yang tidak patut berlaku dalam masyarakat. Akhirnya rakyat sedar dan rakyat tahu bahawa yang disebut itu adalah pembohongan dan akhirnya saya juga nak sebutkan di sini dengan tegas saya nyatakan bahawa tidak wujud masjid di Kampung Bujal dan Kerajaan tidak zalim. Tidak semudah itu Kerajaan melakukan kezaliman merobohkannya, kitapun terasa hati nak merobohkan benda-benda begitu tetapi

kita yakin apa yang dilakukan itu lebih untuk menjaga kemaslahatan masyarakat keseluruhannya. Maka dengan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya kira dengan ulasan-ulasan yang saya berikan itu tadi insya-Allah lebih kepada membawa kefahaman kita bersama dan membongkar pembbohongan yang dilakukan oleh Pembangkang khususnya Pas dan dengan ini Usul yang dibawa oleh Wakil Kemasik saya mohon untuk menyokong dan sekaligus mengatakan bahawa Usul ini ialah cukup penting/mustahak bagi maksud untuk pengetahuan awam dan makluman orang ramai secara keseluruhannya. Sekian daripada saya Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, wassalamualaikum warahmatullah-hitaala wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Wakil daripada Manir.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Dewan, Pegawai-pegawai Kerajaan, para-para Pemerhati, tuan-tuan, puan-puan yang dihormati dan dikasihi sekalian. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Wakil Kemasik yang telah mengemukakan Usul ini dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua yang memberi izin kepada saya untuk bercakap sepatah-dua. Saya juga mengucapkan terima kasih di atas penjelasan dan penerangan yang diberi oleh Wakil Tepoh yang panjang lebar untuk menegakkan benang basah yang dilakukan oleh Kerajaan itu. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Usul ini ada sedikit keclaruan, pertama apa yang saya dengar dari Wakil Kemasik semasa membenteng tadi ialah isu perobohan terhadap Markas Pas Kampung Bujal. Celaru dengan apa yang dikemukakan oleh Wakil Kijal yang Bujal sebahagian daripadanya pada waktu pagi tadi semasa menjawab soalan daripada Wakil Kemasik yang mengatakan tidak ada masjid di situ yang dirobohkan itu ialah Markas Pas tetapi tiba-tiba mari perbincangan dia bertukar Markas Pas bincang pula pasal roboh masjid. Dan, diterang panjang lebar oleh Wakil Tepoh, Wakil Kijal kenapa bangunan itu tidak boleh dinamakan masjid bukan sahaja dalam Dewan ini tetapi di dalam ceramah-ceramahnya di perkampungan-perkampungan, tempat-tempat awam telah menyatakan bahawa bangunan itu tidak layak dipanggil masjid kerana dia dibina tidak mengikut peraturan, tidak mengikut syarat-syaratnya sebagaimana yang dipetik daripada Enakmen yang ada. Perbincangan sekarang ini harus kita fokuskan bangunan itu masjid atau tidak? Dan, kalau dia masjid sebagaimana perbincangan sekarang masjid itu dibina sebagaimana dibahas panjang lebar oleh Wakil Tepoh masjid itu dibina tidak mengikut peraturan. Satu masjid satu peraturan pembinaan, dua perkara yang berbeza. Jadi kalau itu masjid maka Kerajaan merobohnya kerana menuduh masjid itu Masjid Dirar, biar jelas. Kalau dia bukan masjid Kerajaan merobohnya kerana dia Markas Pas, biar jelas. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, gambar yang ada pada saya ini gambar hak masjid belum roboh. Saya panggil masjid dia ada Mehrobnya, Markas Pas takdok Mehrob. Barangkali Wakil Tepoh tak sempat pergi sebelum dirobohkan maka sebab itu dia tidak dapat gambaran yang jelas. Wakil Kijal

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, mohon laluan – Apa yang disebutkan dalam ceramah-

ceramah Pas dan yang disebarikan mengatakan bahawa itu adalah masjid. Inilah yang mengelirukan masyarakat ertinya orang Pas saja kata masjid. Duduk dulu!

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Awak tak ada hak.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Saya mohon sambung Dato' Yang Di Pertua?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Di Pertua, suruh saya duduk ataupun tidak?

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Kalau Yang Bert hormat dah duduk, beri laluan takkan nak bangun lagi.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sekarang Yang Bert hormat dah beri laluan kepada dia sebelum saya suruh, duduklah dulu.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Hah! Ikut peraturanlah tu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ini, Speaker ini keliru dalam bab ini.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bukan keliru, Yang Bert hormat tidak berapa jelas peraturan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Keliru macam mana nak faham?

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Wakil Manir, saya sebutkan dalam perbahasan saya mengatakan bahawa ini yang dicanangkan bahawa ini masjid hak Kerajaan roboh masjid. Jadi dalam penjelasan saya, saya katakan bahawa kaedah membina masjid kalau masjid pun mesti mengikut kaedahnya. Jadi apa yang sekarang ini yang diwarwarkan oleh Pas adalah masjid. Sekarang ini kita mintak pendirian pihak Pembangkang, apakah sebenarnya yang dibina tadi ialah masjid?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, saya menjelaskan bahawa mengikut penduduk kampung itu yang dibangun/dibina itu adalah masjid. Soal dia telah membuat permohonan atau belum membuat permohonan itu satu perkara yang kedua sebab banyak jugak bangunan-bangunan yang didirikan terdahulu sebelum daripada membuat permohonan dan dibuat permohonan kemudian dan boleh dipertimbangkan. Sebab itulah Yang Bert hormat Dato' Yang Di Pertua, dalam Enakmen itu menyatakan bukan yang baru dibina malahan mana-mana bangunan yang telah dibina. Jika dihasratkan untuk dibuat masjid dibulatkan kebenaran, itu Wakil Tepoh baca Enakmen tak boleh faham

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Siapa jugak penduduk hak nak buat masjid cuba khabar nama-nama dia kalau ada?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Orang khabar itulah, takkan saya nak *check* nama seorang-seorang. Itu kawasan Yang Berhormat Wakil Kijal, kalau dia ingat nama dia boleh beritahu saya. Tadi dia ingat, ada Umno, ada Pas. Orang Pas 9 orang sahaja, yang ada kata dia, Umno 20 lebih, takkanlah orang 9 orang ini boleh bina masjid mesti orang Umno jugak tumpang sama bina.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, sebab Pas dia bawa orang luar sembahyang di situ, masjid. Hak tu, pelawok sokmo.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Orang luar tu, dekat mana, hak daripada mana?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Taman Islam Kemaman.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Saya beri nama ni, seorang ke ramai nak?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nak seorang saja.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ramai Dato' Yang Di Pertua, bukan seorang saja, ramai. Tak apa, kita beri, dia nak. Kita jenis hak berahi sokmo beri ni. Dato' Yang Di Pertua, nama-nama yang dimaksudkan itu adalah seperti berikut; Anuar bin Mohamad, nombor kad pengenalan: 751116-11-5039, 15204 Pusat Pengajian Taman Islam, Kemaman, Aida bt. Mohamad

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Cukulah, saya nak se saja Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Nak baca lagi. Nak? Nak beri lagi. (Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ucap terima kasih kepada Wakil Kijal. Tidakkah Yang Berhormat Wakil Kijal, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, mengetahui dengan jelas bahawa sesungguhnya di kawasan itu sudah ada tanah berkelompok yang diagihkan kepada orang ramai termasuk penghuni-penghuni Taman Islam dan kebanyakan daripada rumah-rumah/bangunan yang diroboh itu ialah daripada orang-orang yang dapat, dikurniakan tanah di situ dan kemudian mereka mendirikan rumah tapi rumah itu dirobohkan. Apa salah Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua dia orang mari dia kira 83 lot yang telah

diagihkan itu akhirnya bila diduduki semua maka mereka akan dapat sembahyang berjumaah di situ maka lalu mereka mengambil tindakan awal untuk membina masjid itu sebagaimana Rasulullah datang ke Madinah sebagaimana diterang panjang lebar, bila sampai di Madinah dia bina dulu masjid di Kuba'. Di Kuba' masa itu tidak sampai lagi 30 orang, Rasulullah baru sampai tapi bila

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Guana, tak sabar dah?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Penjelasan, bukan tak sabar, nak perjas dulu.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalau sabar, biar dulu, kalau tak sabar loh-lah.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Rasulullah buat masjid tu, masjid takdok lagi. Hak ni masjid ada dah, Masjid Payoh. Jangan kelirukan rakyat, kelirukan orang ramai, kita orang alimkan, tahu agama (Tepukan Sokongan)..... Jadi Dato' Yang Di Pertua, tak apalah saya tidak mahu berhujah, saya akan jawab kemudian, tunggulah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, betullah masjid takdok lagi tapi Kampung Bujal itu masjidnya takdok lagi samalah dengan Rasulullah bukan bercakap soal Payoh bukan bercakap pasal di Kijal, memang bandar Kijal ada dah masjid tapi Kampung Bujal ini tak ada masjid lagi.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Lualan, Dato' Yang Di Pertua, tadi dalam ucapan yang dibuat oleh Wakil Manir ada mengatakan bahawa kalau ini Markas Pas bukan masjid maka tidak ada Mehrob betullah dok? Maksudnya Markas Pas tidak ada Mehrob sedangkan yang dirobohkan di Bujal ini ada Mehrob, betullah tu. Sedar atau tidak Wakil Manir bahawa ada beberapa Markas Pas yang ada Mehrob di Markas-markas Pas, sedar atau tidak maksudnya kalau bercakap ni pelawoklah cakap begitu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Wakil Ajil itu 'bengong'. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Wakil Manirpun pakai kopiah saja je serban saja merah macam balung ayam.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Serban molekpun

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Saya mintak Dato' Yang Di Pertua guna Peraturan Dewan, boleh pakai ke tidak bingung ni? Ada ke tak perkataan dalam Dewan boleh pakai 'bengong'? Kalau takdok, mintak tarik baliklah, begitu je.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Dato' Yang Di Pertua, waktu saya dulu dia kata macam-macam lebih daripada 'bengong' lagi. Dato' Yang Di Pertua, tak suruh tarikpun.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, dah tak mintak tarik balik, hak lepas tu lepaslah. Tak tarik balik, suruh tarik baliklah, haa ... padan salah dah tu, dok-dang fikir.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT (Wakil Wakaf Mempelam): Yang jadi cap ayam tu Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kena dah hak tu sebutir, cap molek ni.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat sekalian, saya minta perhatian Perkara 46 (13) (a)(b)(c)(d), saya minta Yang Berhormat Manir menarik balik perkataan yang terlibat itu.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, perkataan saya kata Wakil Ajil 'bengong' itu saya tarik balik.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua, jadi moleklah berserban, berjubah macam Nabilah, insyaAllah. Harap-harap begitulah

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): InsyaAllah.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jangan pakai saja macam Nabi, Ulama tapi perangai itu biar macam Nabi, insyaAllah.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, biar macam Nabi, hak tu takdok langsung

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya mintak Yang Berhormat teruskan ucapan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Saya pakaipur ada satu hak ikut Nabi tapi Ajil satupun takdok.

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Kalau pakai macam Nabi perangai macam hantu takdok makna Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dia kata ada Markas Pas ada Mehrob, di mana? Maknanya kalau ada Mehrob dia masjid ataupun dia surau. Dan, orang Pas tidak memisahkan agama dengan

politik, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Kadang-kadang dia buat surau, di situ dia buat Markas. Tidak macam Barisan Nasional/Umno merosakkan agama, lebih sesat daripada Ariffin Mohamad lagi Yang Berhormat Yang Di Pertua. Pisahkan agama dengan politik

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jangan marah. Saya tanya tadi ada Wakil Manir kata bila Markas Pas tiada Mehrob tapi apa hak saya bertemu dan berjumpa ada Markas-markas Pas yang ada Mehrob. Jadi hak mana se betul ni, hak Wakil Manir betul ke, hak saya jumpa itu betul? Itu persoalan saya hak mana satu betul?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Boleh jadi hak Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, hak dia jumpa itu bukan Markas Pas, surau Pas dia tersilap. Haa! Itu dia (Dewan Gelak)

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Pandai Wakil Manir cakap berbelit ni. Markas-markas yang saya sebut ni, Markas dan juga dijadikan tempat sembahyang walaupun masjid dekat dengan surau tersebut. Yang pertama di Tajin, yang kedua di Bukit Apit, yang ketiga di tepi Jalan Besar antara Kuala Terengganu ke Kuala Berang di Durian Guling. Adakah pihak pemimpin Pas tak sedar bahawa mereka menggunakan tempat sembahyang, masjid ataupun surau ini untuk kepentingan mereka? Letak pemimpin-pemimpin mereka, lambang bulan dan sebagainya. Jadi ini macam yang dikatakan oleh Wakil Kijal tadi masjid dan surau ini untuk semua orang bukan untuk orang Pas, bukan untuk orang Umno jadi bila diletak lambang tersebut maka seolah-olah untuk orang dia sahaja. Ini suatu benda yang tak betul dan inilah yang dikatakan oleh Wakil Tepoh tadi untuk memecah belahkan masyarakat, masjid dirar ataupun surau dirar. Dato' Yang Di Pertua, pohon penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau ikut begitu Umno teruk lagi. Bangunan-bangunan Kerajaan tu dia letak gambar pemimpin Umno tapi pemimpin Pas tak letak kalau ikut hak awak banyak salahnya.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dok-rok kali ni, cap ayam hari ini.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Cap ayam tak apa asal sedap makan (Dewan Gelak)

Cap kambingpun makan tak sedap macam Wakil Ajil itu tak jadi.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jangan marah. Jadi kalau nak banding kita bercakap pasal masjid, pasal surau dia *corner* pasal pejabat kerajaan pulak, ini lari sokmo ni sebab kena atas kepala tapi tak apalah Dato' Yang Di Pertua, kena atas kepala pakai serban tak sakit.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa kena atas kepala kita tak apa kita ada kopiah tebal ini tak sakit, takdok masalah Yang Berhormat Yang Di Pertua. Kalau kepala kita kena batu, sakit.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dia bercakap masjid ke surau, masjid ke surau? Kita kata masjid. Takdok jalan lain dah, katalah masjid itu takdok kebenaran, berilah amaran, beri panduan supaya penduduk-penduduk setempat itu memohon membuat permohonan daripada pihak Kerajaan supaya penduduk di situ boleh mendirikan masjid dengan tidak payah dibantu oleh Kerajaan dan dapat berbuat ibadat

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ada lagi?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ada. Wakil Manir mengatakan tidak ada amaran. Kita telah memberi cukup amaran, nasihat dan berunding semasa buat tiang lagi dah, jangan bina bangunan tersebut. Tapi sikap Pas degil po'oh nak buat guana. Tak usah kata pengikut dia, pemimpin dia begitulah. Inilah masalah keras keng, 'keng kerong'.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ini barangkali keng Wakil Kijal, hak di tempat lain tak kena roboh teruk sangat, guana? Sebab apa zaman kita jadi Kerajaan dulu kalau singkatpun, ada orang Umnopun perangai macam itu tapi kita tidak bertindak merobohkan bangunan sebagai contoh yang dekat, Gelong Gajah orang di tempat itu mengadakan Sembahyang Jumaat, Masjid Padang Kemunting dekat dengan rumah dia, di kampung dia itu

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Tidak ada bangunan dirobohkan di zaman Pas?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nanti saya cerita dulu. Jangan cepat sangat, dok-dang sabar sungguh, sabarlah sikit.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Ini sabarlah ni.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nanti cerita habis dulu. Rumah orang dia buat Sembahyang Jumaat, bila kita siasat 'Kenapa buat Sembahyang Jumaat di sini?' Macam-macam alasan dia beri, antara dia beri dia kata: 'Saya buat dulu niat nak buat masjid walaupun dalam bentuk rumah'. Kerajaan pada masa itu yang bertanggung jawab, yang bersimpati, yang memahami

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Di Pertua, mohon penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak sedar tadi, mintak dengan Yang Di Pertua dulu.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Di Pertua, mohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Okey.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Dato' Yang Di Pertua, sebenarnya Dato' Yang Di Pertua, di Kampung Bujal itu pada asalnya buat tiang sahaja tak beritahupun nak buat masjid, jadi seolah-olah Parti Pas nak main politik. Bila dia buat, bila amaran telah dikeluarkan diapun buat mesyuarat kononnya sebuah masjid, itu saja tujuan dia nak main politik saja. Dan, saya mintaklah kalau boleh perkara ini Pas jangan main politik sebab ini memecah belahkan masyarakat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Mana ada orang bina atap dulu buat masjid, orang buat tiang dulu. Jadi apa, Wakil daripada mana tak faham nak buat bangunan buat tiang dulu. Saya beratlah, buat bangunan bubuh atap dulu, payah kita nak tengok bangunan itu.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dia Sembahyang Jumaat di situ, kita tak buat apa-apa, kita siasat, kita panggil, kita tanya. Dia kata niat tuan rumah nak buat masjid. Saya sebagai pada masa itu yang bertanggungjawab dalam perkara ini. Saya pergi ziarah sendiri, melawat ukur daripada masjid hak ada tu, jauh mana. Kira-kira orang biasanya tak dengar, saya kata biar ke dialah nak sembahyang. Ini pegawai-pegawai saya pada masa tu Wakil Tepoh, Exco sekarang dan sebagainya. Macam mana kita buat, tidak ada salahnya kalau dia sembahyang di situpun tak pecah belahpun orang sembahyang sana cukup, di sini cukup. Saya ni pernah duduk di Mesir, Masjid Hussain, Masjid Azhar sebelah-sebelah jalan saja dia sembahyang. Sebab itu saya kata masalah itu cuma

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Isu ini lama dah kita berbalah dua hari itu, sembahyang sebelah-sebelah jalan tu. Di sana bukan kerana parti, masjid sana penuh dan sebagainya sama bukan sahaja di Mesir di India, di Pakistanpun banyak tapi kita ini atas nama parti perpecahan yang berlaku, hak ni bang, hak ni bang, hak ni pergi suku, pergi tang ke lain, ini masalah. Kita pernah berbincang dulu, ingat tak Yang Berhormat Manir? Tuhan Maha Mengetahui niat kita, hasrat kita janganlah kita mempermainkan benda ini demi kepentingan politik, menegakkan benang basah semata-mata, Yang Di Pertua, insafilah.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Wakil Kijal ini hebat pada hak di Besut itu, Ariffin Mohamad. Dia boleh tahu niat orang, saya tak boleh tahu niat orang, niatnya tuan dia dengan Allah Taala saja yang tahu saya tak tahu tapi dia boleh tahu niat. Ini hebat lagi, hebat daripada AP lagi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

Saya bercakap sebab dia kata saya buat bangunan ini niat nak buat masjid padahalnya kalau kira nak kata ada perpecahankah? Perpecahan itu boleh berlaku dengan apa cara sekalipun kalau kita tidak bijak menanganinya. Tapi oleh kebijaksanaan kita menanganinya, dan tidak boleh berubah bertentangan dengan Hukum Syarak kita boleh

pergi sembahyang tidak ada apa-apapun. Apa yang sibuk nak roboh sangat, takdok kerja lainkah? Bukan setakat masjid, rumah LMS dan tamat, benda itu boleh disambung. Kita, zaman kita memerintah dulu LMS diberi oleh Kerajaan terdahulu tidak ada kita batalkan, kita sambung tapi dendam kesumatnya Kerajaan Barisan Nasional atau Wakil Kijal sendiri itu saya tidak tahu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan – Ini adalah satu lagi pembobohan Wakil Manir. Gambar telah jelas terbukti bangunan tadika yang hampir 80% siap setelah anak-anak tadika di halau dari balai raya. Kemas dan JKKK buat bangunan untuk Tadika Kemas, tanah Kerajaan hanya 20 kaki selebihnya tanah milik orang dirobuhkan, ini gambar-gambarnya ada. Jangan berbohong, Dato' Yang Di Pertua, jangan menafikan sikap sebenar.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tempat Tadika Kemas, perpindahannya ada perundingan antara pihak Kerajaan Negeri dengan Pihak Yang Berkuasa Tadika Kemas. Bukan kita buat begitu sahaja, ada perundingan dan mereka bersetuju untuk berpindah

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Bohong! Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Nak cakap kata bohong, boleh. Sayapun boleh kata awak bohong.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Kerana kita ada bukti yang jelas Dato' Yang Di Pertua, termasuk surat-surat daripada Wakil Rakyat.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya pada masa itu sebahagian daripada tugas saya bahagian pendidikan. Ada perundingannya dengan pihak Kemas tapi saudara pada masa itu tidak tahu, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Dia memang tak tahu macam mana dia kata saya bohong sedangkan benda itu faqe'. Begitu juga Exco Hadhari tadi, Wakil daripada Kota Putera yang menyatakan tidak ada tindakan daripada pihak Kerajaan kecuali ambil tindakan tangkap dan penjara saja, tidak ada usaha-usaha sedangkan kita ada satu jawatankuasa khas yang pada masa itu dipengerusikan oleh pihak Yang Berhormat Dato' Setiausaha Kerajaan bagaimana tindakan-tindakan sepatutnya, bagaimana cadangan untuk mengambil balik tanah, ISA dan berbagai-bagai lagi tapi belum dapat dilaksanakan, ada proses undang-undang dan dilaksanakan oleh Kerajaan sekarang dan saya ucap terima kasih kepada Kerajaan yang mengambil tindakan itu. Tetapi tidak boleh menafikan kita mesyuarat, usaha kita, perbincangan kita dengan pihak Keselamatan untuk mengambil tindakan itu takkan perkara ini saya nak cerita Wakil Kijal sayapun jarang-jarang berjumpa dengan dia kalau berjumpa selalu sayapun boleh cerita perkara-perkara seperti ini, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Jadi insyaAllah, bila-bila kalau ada masa Kuala Lumpur ke, ke mana ke, jumpa kedai kopi, kita sembang panjang lagi, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Jadi diri masjid ini, mulailah dia kata masjid, memanglah. Bila orang Pas cakap Kerajaan roboh masjid, saya pada hari roboh tu, pada sebelah pagi tak jadi sebab macam mana saya tak tahu. Saya sampai tengah hari dah, pukul 1.10 minit saya ada di situ tapi

tak dok orang semua dah. Saya ingat roboh masjid itu tak jadi saya bukan nak lawan nak tengok saja, macam mana dia roboh dan lain-lain lagilah, orang bina masjid itu saya rajin tengok dah tapi roboh saya tak rajin tengok, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Jadi oleh sebab itu, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sayapun balik apabila sampai di rumah orang kata roboh dah. Kitapun cerita masjid diroboh, memang di kampung-kampung orang tak percaya, takkanlah Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Seri Haji Idris Jusoh sampai hati nak roboh masjid, tak munasabah. Saya tengok muka diapun tak munasabah, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Takkanlah Exco Hadhari, sampai hati nak roboh masjid, orang Dungun kata

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Minta laluan sikit Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua – Ada tak pihak penduduk kampung itu ataupun mana-mana pihak yang buat permohonan secara rasmi untuk nak bina masjid di Kampung Bujal?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, itu di luar daripada maklumat saya sebab permohonan itu dihantar ke pejabat tidak ke rumah saya jadi saya tak tahu itu, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Bukan begitu takut tersalah hantar permohonan itu

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Mungkin dia tak tersalah, pada saya tak terima.

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Takut tersalah hantar kepada Kerajaan Langit kot?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, tapi takdok Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dalam perkara ini saya berada di situ pada pukul 1.10 minit sayapun keluar sampai di Dungun saja, roboh dah. Saya di dalam hati tak munasabah rasanya teringat, tengok ke wajah Exco Hadhari, tengok ke wajah Yang Amat Berhormat Menteri Besar, pembantu Exco Hadhari tak munasabah perkara ini boleh berlaku. Kalau Wakil Kijal tu dekat-dekat sikit Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua tapi yang lain tu tak begitu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Jadi bila saya balik cerita kepada orang macam mana Kerajaan meroboh ni, orang tak percaya. Orang kampung tak percaya, orang Umno tak percaya, orang Pas tak percaya, orang atas pagar tak percaya, orang takdok partipun tak percaya, jadi perbualan kedai kopi, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Orang-orang duk berbual di kedai-kedai kopi kata 'tak munasabah, tak munasabah'. Jadi dia kata begini kita nak selesai saja mudah saja kalau kita sikit kita pergi dengan kereta kalau ramai kita sewa bas kita pergi tengok sana ada ke tidak bekas. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, pergilah, ada Wanita Umno, ada Pas, ada Puteri. Bila sampai tengok-tengok ya sungguh yang diroboh itu masjid, sampai terduduk orang-orang itu "Eh, eh tak munasabah Menteri Besar kita buat kerja begini." Jadi akhirnya Kerajaan ambil tindakan sapu bersih, takmboh tengok kesan kalau orang pergi lagi bukan saja orang Terengganu, orang di luar Terengganu tengok betul Kerajaan Terengganu roboh masjid.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Wakil Kijal kata masa nak roboh ini ada orang sembahyang pukul 9.30. "Sembahyang apa?" dia kata, memanglah Wakil Kijal mungkin banyak-banyak tak ingat juga, ada Sembahyang Subuh, ada Sembahyang Zuhur, ada Sembahyang Sunat Dhuha, 9.30 boleh Sembahyang Sunat Dhuha lagi Yang Berhormat Wakil Kijal jangan buat tak tahu begitu.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, laluan sekali lagi – Wakil Manir macam jual ubat hari ini. Adakah Wakil Manir sedar bahawa D.O. atau Pegawai Daerah telah memanggil wakil, penduduk kampung yang kalau tak silap saya namanya Tuan Haji Ruslin, wakil Pas ke pejabat untuk bincang pasal bangunan tersebut dan hasil daripada perbincangan tersebut wakil Pas tersebut telah bersetuju untuk tidak menyambung pembinaan, berjanji untuk tidak menyambung pembinaan bangunan yang dibina separuh itu. Tetapi apa yang berlaku golongan ini balik sahaja ke kampung ke tempat asalnya di Kampung Bujal tersebut dia menyambung, padahal berjanji dah dengan D.O. tak nak buat, tak nak sambung, setakat ada dah, cukup dah, ditambah lagi. Jadi apa keadaan ni, janji lain tak tunai, cakap pelawok. Adakah tidak berada di dalam maklumat daripada Wakil Manir berkenaan dengan hal tersebut, pohon penjelasan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini dia bawa kes lain pulak. Kalau nak buat masjid sebab apa berunding dengan D.O.? Tadi duk sebut panjang lebar kena berunding dengan MAIDAM. Jadi

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, jadi Exco lama dah tapi tak faham, tak faham hal undang-undang dan peraturan. Nak bina masjid bukan bina atas langit, kena bina atas tanah, bila bina atas tanah kena pohon daripada Pejabat Tanah, jadi kena faham begitu, lama dahkan jadi Exco.

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Yang Di Pertua, golongan Abu Amir ini memang orang munafik, Dato' Yang Di Pertua, tak boleh nak buat pegang.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya?

YANG BERHORMAT ENCIK WAN AHMAD NIZAM BIN WAN ABDUL HAMID (Wakil Air Putih): Golongan Abu Amir ini orang munafik, orang tak pegang pada perjanjian.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Dato' Yang Di Pertua, kalau kita pandaipun jangan tunjuk kita pandai sangat orang nampak berdo'oh tak molek. Kalau masjid kata mintak berunding dengan Pejabat Agama, lepas itu tanah tu barulah berunding dengan Pejabat Daerah. Ini bercakap tak betul ni, sekali Pejabat Daerah, sekali Pejabat Agama.

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Jadi dah betulah tu, hak saya khabar satni hak Pejabat Agama untuk membina masjid, hak masalah D.O. satni tanah, selesai tanah dulu, takkan nak bina atas angin masjid, surau kena ada tapak. Jangan buat tak faham begitu Allah, nak belit lagi ni

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Memanglah kita kena belit, tak belit tak boleh (Dewan Gelak) cakap *straight* mana boleh. Orang Wakil Kerajaan cakap belit-belit, masjid sekali, bangunan Pas sekali belit-belit. Jadi kita cakaplah belit-belit, cara *straight* begitu tak sedap jalan, ngantuk mata jugak, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tadi bukan masjid lepas itu masjid pulak. Jadi Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tidak ada jalankah? Kita zaman Pas dulu walaupun 4 tahun tak apa, Yang Berhormat Wakil Ajil kata kita lemah takdok tempat nak bergantung tak apa, takdok masalah. Tetapi ini perkara yang berlaku ada pencerobohannya, ada robohnya sebab itu kita beritahu kepada orang ramai. Orang ramai pergi tengok sampai terduduk, "Tak munasabah ni, Dato' Seri Menteri Besar kita yang baik bistari itu tiba-tiba roboh masjid?" Itu rakyat bercakap.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Yang Di Pertua pohon laluan. Nampaknya Wakil Manir ini tak berapa faham, yang mengatakan Yang Amat Berhormat meroboh masjid. Kita tegaskan bahawa pegawai-pegawai kerajaan menegaskan daripada awal tadipun itu bukan masjid, itu adalah Markas Pas yang kita roboh dan kita Kerajaan Umno, Barisan Nasional pada hari ini membina masjid, 30 buah masjid dah kita bina tahun ini saja, tahun depan kita tambah pulak. Tak faham?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, nak bahas macam Wakil Telemong, payah. Dia duduk di pedalaman, kita bincang tajuk lain, dia bincang tajuk lain, sekali masjid, sekali bangunan Pas bercakap tak belit apa lagi?

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Dato' Yang Di Pertua, Wakil Manir ini duduk kualapun baca kitab lama tak faham soalan orang-orang baru ni.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak apa, semua datang dari lama belaka, mana bertolak daripada baru. Orang baca sainspun, daripada *scientist* yang lama, Ibnu Sinna, Farobi, Al-Khindi banyak dia belajar, dia tak mari hak sains hak baru ini tak ada. Jadi kita bercakap biar ada fakta sikit Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya sama-sama hulu

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Laluan sikit Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ada lagi?

YANG BERTHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Nak tanya sikit Wakil Manir ni

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Ya, ya.

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Boleh ke tidak bagi seseorang Islam bercakap berbelit-belit begitu?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ini kena mengaji, kitab lamapun kena mengaji jugak. Jadi masa Rasulullah dalam Peperangan Badar itu sebelum perang dia jumpa seorang budak dia nak tanya pasal kes orang Quraisy ada berapa orang. Jadi akhirnya orang itu beri syarat ke dia: "Siapa kamu?" Dia kata: "Beritahu dulu, baru aku royat nama aku" kata Nabi. Orang itupun royatlah dia kata: "Orang berapa saya tidak tahu tetapi kambing dia sembelih sekali sepuluh, sekali sebelas, sekali dua belas." Jadi Rasulullahpun tahu dan ucap terima kasih, lepas itu dia tanya: "Dah kamu daripada mana?" Dia kata: "Ana minma' (Saya daripada air)" itu pandai Rasulullah jawab. Jadi janglah kita sikit-sikit tak ikut Islam

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Tak, maknanya bolehlah kalau orang kampung ke, apa ke yang menggelar Ulama-Ulama tertentu sebagai Ulama Putar Belit maknanya boleh dalam Islam, ya tak?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Tak tahulah Ulama Pas tidak putar belit, saudara-saudara kena tahu saya bercakap ni dengan orang politik yang bertanya kepada saya tidak jujur, tidak ikhlas, makna saya jawab mesti mengikut rentak tari yang telah mereka lakukan Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Panjang lagi Yang Berhormat?

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, boleh baca jugak hak ikhlas itu, boleh baca balik, baru belajar satnilah. Haa kena pulak (Tepukan Sokongan)

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat panjang lagi Yang Berhormat, masa 35 minit dah saya beri. Sila dua minit lagi.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI HARUN BIN TAIB (Wakil Manir): Kalau sebelah balik kami ini kita kemuka nak mintak tangguh Dewan semua tak penting, yang ini roboh masjid atau Markas Pas dia kata penting, sayapun setuju, kita sokong. Saya nak bercakap tapi sebenarnya gangguan banyak kalau tidak habis lama dah, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua. Jadi masa kecederaan itu rai sikitlah, Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

Bagi kita itu masjid. Orang yang membina masjid itu tidak ada bertujuan untuk memecah belahkan masyarakat untuk digunakan tempat ibadat maka dengan sebab itu Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua sebagaimana saya tunjukkan contoh ini bukan bangunan Pas, Markas Pas tetapi masjid. Orang-orang yang berusaha merobohkan dan melakukan perobohan itu adalah selari ataupun punyai sifat-sifat orang disifatkan oleh Allah S.W.T. itu di dalam firmanNya dalam Quran Suratul Baqarah ayat 114 (baca Surah Baqarah ayat 114 yang bermaksud) "Maka siapakah lagi yang lebih zalim daripada mereka-mereka yang menyekat Masjid Allah daripada disebut namanya di dalam masjid itu yang berusaha untuk merobohkannya mereka itu tidak harus bagi mereka memasuki Masjid-masjid Allah kecuali dalam keadaan takut dan gerun di dunia mereka akan diberikan kehidupan yang dihina

oleh Allah, hari Akhirat bagi mereka ialah azab yang maha besar.” Yang Berhormat Dato’ Yang Di Pertua, saya harap pihak Kerajaan mengaku bahawa yang diroboh itu adalah masjid dan dia sudah melakukan satu perbuatan yang zalim di samping Kerajaan telahpun meroboh bangunan-bangunan kediaman yang didirikan oleh rakyat atas alasan yang terlalu kecil atau yang terlalu remeh. Saya berharap Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh akan berlaku adil kepada semua rakyat, insyaAllah. Wabillahaufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO’ YANG DI PERTUA: Sila Yang Berhormat Wakil daripada Langkap.

YANG BERTHORMAT ENCIK ASHA’ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Alhamdulillahirabbilalamin wabihinastain. Pertama-tamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato’ Yang Di Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama bercakap dalam Usul yang dikemukakan oleh Wakil Kemasik sebentar tadi. Sudah dua orang Yang Berhormat bercakap dalam Usul ini dan saya orang yang ketiga. Sudah banyak yang diucapkan, yang disebut dan dibahas bersabit dengan masjid ke, Kelab Pas ke. Saya nak ambil peluang ini untuk nak menyatakan sokongan saya kepada tindakan Kerajaan yang meroboh bangunan di Kemaman itu, di Bujal dengan alasan saya walau apapun kalau bangunan itu dianggap masjid oleh Pas, kalau bangunan itu dianggap Kelab Pas oleh Umno, walau apapun anggapannya kepada saya tindakan itu merupakan tindakan awal, tindakan yang boleh dianggap tindakan pencegahan kepada suatu perpecahan yang akan berlaku kepada masyarakat setempat. Saya menyokong ini kerana saya rasa bukan saja di Bujal, bukan saja di Kemaman dalam kawasan saya juga akan ada perkara yang semacam ini yang akan berlaku selepas ini. Terus terang saya sebut dalam Dewan yang mulia ini saya sudah sebut kepada pegawai-pegawai kerajaan di Setiu, ada empat buah bangunan dalam kawasan saya kalau tidak diambil langkah-langkah pecegahan awal dia akan menjadi satu masjid satu masa nanti. Yang asalnya bangunan itu adalah Kelab Pas tapi sekarang ini di dalam tindakan pembesaran dibuat gotong-royong hampir setiap minggu, dikumpul serata kawasan untuk diperbesarkan bangunan itu. Saya menjangka bangunan ini suatu masa akan dijadikan masjid dan saya bimbang kalau perkara ini dah jadi masjid esok-esok baru nak diambil tindakan kemungkinan akan menghadapi masalah yang besar pada Kerajaan dan kita dan kemungkinan perpecahan akan berlaku dalam masyarakat di kawasan itu. Jadi kerana itu saya menyokong penuh tindakan awal ini sebelum sahlah jadi masjid, sebelum orang buat Sembahyang Jumaat, sebelah orang buat be’wah besar-besar isytihar masjid. Kita, kalau kita yakin benda itu merosakkan masyarakat kita ambillah langkah awal. Dalam kawasan saya, saya sebut sekali lagi ada empat buah bangunan yang sedang diperbesarkan saya menjangka akan dijadikan masjid selepas ini dan saya sudah sebut perkara itu perlu diberi perhatian oleh jabatan-jabatan berkenaan di Setiu.

Dato’ Yang Di Pertua, saya nak menarik perhatian Dewan ini kepada satu perkara lain yang juga disebut oleh Wakil Manir sebentar tadi. Bukan sahaja cerita hal roboh masjid kata dia, Kerajaan sekarang ini zalim roboh habis rumah-rumah orang yang didirikan di atas tanah RTB yang LMSnya mati. Perkara ini jelas berlaku dalam kawasan saya yang berlaku lebih awal daripada yang berlaku di Bujal. Tindakan Pejabat Tanah Setiu merobohkan satu

bangunan yang belum siap lagi baru ada atap, baru ada tiang di dalam RTB Pengkalan Merbau. Perkara ini menjadi isu besar di Setiu pada peringkat awal kononnya Kerajaan terlalu zalim rumah orang. Dato' Yang Di Pertua, saya boleh sebut sejarah RTB Pengkalan Merbau. RTB Pengkalan Merbau diusahakan oleh penduduk Pengkalan Merbau dan Sungai Tong lama sebelum ini dalam awal tahun 1990an selalu banjir. Untuk hendak mengatasi masalah banjir orang Pengkalan Merbau perlukan satu penempatan baru diusahakan. Akhirnya berjaya tanah diberikan oleh Pejabat Tanah Setiu untuk dijadikan RTB dipecah-pecah lot dan akhir sekali menjelang Pilihanraya 1999 senarai peserta secara rasmi dikeluarkan oleh PTG tetapi sebelum itu kerana orang-orang yang dicadang untuk diberi lot-lot itu ialah orang-orang Pengkalan Merbau yang sentiasa terlibat dengan banjir dia sudah tahu hak ini hak dia, hak ini hak masing-masing. Masing-masing sudah tanda, sudah buat pagar, sudah pergi tanam pisang, rambutan dan sebagainya. Tetapi oleh kerana Pilihanraya 1999, proses mengeluarkan hakmilik tidak sempat, lepas Pilihanraya sedar-sedar tanah itu sudah bertukar tangan, tanah yang asalnya sudah ada senarainya 59 orang sudah bertukar tangan, nama baru pulak yang keluar, masa itu tindakan Pejabat Tanah pergi meroboh pagar, memusnahkan tanaman-tanaman kerana tanah itu sudah jadi tanah orang lain. Inilah cerita asalnya tanah RTB Pengkalan Merbau yang selepas itu dirobohkan oleh Pejabat Tanah, peserta-peserta hak baru boleh pakat buat rumah tapi sayangnya dok-dang sudah jugak rumah Pilihanraya semula dan bertukar semula Kerajaan. Mulai daripada saat itu kita terus maklum kepada orang Pengkalan Merbau hak sedang mengusahakan rumah, jangan buat lagi rumah ni kerana status tanahnya belum selesai. Nasihat demi nasihat, pujukanpun kita buat tetapi tidak dipedulikan langsung. Akhir-akhir dibuat gotong-royong sebuah sehari sudah rumah kerana status tanahnya belum lagi selesai

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Peringatan sahaja isu ini *specific* bukan isu umum untuk dibahas.

YANG BERTHORMAT ENCIK ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Di Pertua, saya akan cuba umumkan isu ini. Akibat itu Pegawai Daerah panggil peserta-peserta yang berkenaan untuk memaklumkan kepada dia tindakan berkenaan salah. Tetapi dia tidak dengar jugak yang akhirnya terpaksa dibuat keputusan nak diambil tindakan. Akhirnya berlakulah apa yang semua sudah maklum dan untuk tindakan ini sebenarnya Dato' Yang Di Pertua, kita sudah beri peluang yang cukup luas kepada peserta-peserta untuk berunding dengan kita dan pada malam yang berkenaan esoknya kerja-kerja nak roboh malam itu kita tunggu sampai saat akhir kalau-kalau ada orang nak mari berunding, nak mari berbincang tapi jelas tidak ada. Akhirnya kerja-kerja meroboh berlakulah pada esoknya dan dua hari selepas itu ceramah besar-besaran oleh Pas dibuat di Sungai Tong. Jelas Dato' Yang Di Pertua, sebenarnya isu sebenarnya politik. Pihak Pas tidak nak selesai masalah penempatan di Pengkalan Merbau, nak diambil isu itu untuk tujuan politik semata-mata untuk nak menggerakkan semangat orang Pengkalan Merbau. Dato' Yang Di Pertua, sampai hari ini isu di Pengkalan Merbau tidak lagi selesai.

Dato' Yang Di Pertua, untuk akhir ucapan saya saya menyokong penuh tindakan Kerajaan setakat ini dan saya meminta supaya Kerajaan jangan tunduk kepada ugutan, jangan tunduk kepada cabaran yang dibuat oleh Pembangkang di dalam isu ini kerana rumah di Pengkalan Merbau yang kita roboh sebuah hari itu, dua hari selepas itu orang buat semula rumah itu. Orang Pas gotong-royong, cari derma diri semula rumah itu dan kepada

saya tindakan begini cukup mencabar kewibawaan Kerajaan. Sebagai Kerajaan kita tidak perlu tunduk kepada ugutan dan cabaran ini, kita sebagai sebuah Kerajaan yang berwibawa kita hadapi perkara ini walaupun sekali-sekala kita berasa panas. Dato' Yang Di Pertua, saya rasa itulah saja ucapan saya, terima kasih banyak kerana beri peluang. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ada lagi Yang Berhormat nak bercakap?

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Lagi, yang lain tak ada dah, dua orang lagi, tiga? Saya benarkan dua orang lagi, dipersilakan Wakil daripada Rhu Rendang.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, izinkan saya untuk menyertai Perbahasan isu yang dijadikan Usul berhubung dengan perobohan Masjid Bujal di Kemaman. Berhubung dengan ini, saya ingin menarik perhatian bahawa pembinaan masjid adalah satu amalan yang digalakkan oleh Islam secara umum dan di sana ada satu hadis Nabi S.A.W. yang menyatakan: (dibaca ayat yang bermaksud) "Dan dijadikan untuk umat Aku bumi keseluruhan adalah masjid dan untuk bersuci". Perkataan ini dalam bahasa Arab disebut perkataan 'Aqirah' yang memberi makna yang umum, boleh memberi makna sembahyang dan boleh memberi makna masjid kerana sembahyang itu dilakukan secara individu dan secara berjemaah. Oleh kerana itu, maka Islam menggalakkan sama ada seorang ataupun berkelompok untuk mengadakan tempat sembahyang yang khusus. Maka boleh diadakan tempat sembahyang di dalam rumah, boleh diadakan tempat sembahyang bagi kelompok keluarga dan boleh diadakan tempat sembahyang ke kampung. Maka ia merangkumi sama ada digunakan untuk Sembahyang Jumaat ataupun tidak ataupun oleh kumpulan yang kecil ataupun kumpulan yang besar. Kemudian pemerintah, ataupun Kerajaan membuat undang-undang. Undang-undang ini walaupun tidak ada dalam nas Quran dan Hadis yang berkait dengan masjid tetapi berkait dengan kaedah syarak, kaedah syarak bukan sebarang kaedah. Saya ingin mengulas apa yang disebut oleh Wakil Tepoh tadi (dibaca ayat yang bermaksud): "Tindakan pemerintah hendaklah berpandu dan berturian kepada *masalah*. *Maslahah* dalam Islam ini ada tiga, yang pertama *masalah muktabahah*, *masalah* yang diiktibarkan oleh syarak yang tak boleh dibatalkan. Yang kedua *masalah mulgha*, *masalah* yang dibatalkan oleh syarak. Dan yang ketiga, *mursalih mursalah*, *masalah* yang boleh dipertimbangkan oleh pihak yang berkenaan. Dalam perkara yang berkait dengan masjid, pihak yang berkenaan mengikut siasah syariah dan kita menggubal undang-undang berdasarkan kepada siasah syariah untuk menggalakkan orang mendirikan sembahyang dengan sebab itu tidak ada larangan mereka buat masjid hanya satu kawalan kalau-kalau ianya diambil daripada tanah orang, milik orang seumpamanya. Sekiranya tanah umum, maka ia hendaklah digalakkan, ini adalah perhitungan syarak yang perlu diambil oleh kita

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua,

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Nanti saya habis, saya belum habis. Tuan Yang Di Pertua, dalam hal ini kita melihat Barisan Nasional tidak mengambil ukuran masalah mengikut syarak. Masalah meletakkan politik ke hadapan. Itu adalah politik tetapi

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, Dato' Yang Di Pertua,

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): politik dan agama tak boleh dipisahkan

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Tuan Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya tak mahu bagi. Politik dan agama tidak boleh dipisahkan

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Dato' Yang Di Pertua, Wakil Rhu Rendang mengelirukan ucapan. Ucapan Wakil Rhu Rendang ini mengelirukan, biar kita jelaskan

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tetapi biarlah agama yang memandu politik bukanlah agama yang dipandu oleh politik.

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Minta laluan, Dato' Yang Di Pertua

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Agama mesti memandu politik bukan politik memandu agama. Apa yang berlaku sekarang ini ialah

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua,

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): politik yang memandu agama

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, saya mintak penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): dalam hal ini kita boleh membuat perbandingan, di antara

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Ucapan ini boleh mengelirukan kalau tidak ada penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):
..... Belum habis lagi dah keliru?

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Memanglah.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):
Ini hak saya, hak saya Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat Rhu Rendang, bagi laluan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):
Hak saya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya nak bagi laluan.

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Hak Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):
Saya takmboh beri.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya mintak Wakil Rhu Rendang duduk, beri
laluan kepada Yang Berhormat

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):
Hak saya, saya takmboh bagi, hak saya. Saya belum habis lagi bercakap, belum habis lagi
maksud telah diganggu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila beri laluan kepada Yang Berhormat
Ladang untuk mendapat penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):
Nanti habis maksud saya dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila Yang Berhormat duduk.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):
Saya tak mahu duduk.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, mengikut
Peraturan Dewan, Yang Di Pertua berhak untuk menentukan

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):
.... Saya menganggap Yang Di Pertua mengendalikn Dewan tidak betul.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Sebab apa tak betul?

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):
Tak betul.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Peraturan
mana tak betul?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya minta Yang Berhormat daripada Rhu
Rendang, duduk.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):
Ya. Duduk untuk apa?

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat merujuk kepada
peraturan perbahasan (Tepukan Sokongan) Ikutlah peraturan, Yang Berhormatpun
bekas pegawai kerajaan jadi hormatlah Peraturan 46 itu, bacalah bersama.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):
Yang Di Pertua, mengikut Peraturan Dewan yang selaras antara Parlimen dengan Dewan
Negeri, seseorang yang minta penjelasan mestilah terlebih dahulu mendapat kebenaran
daripada orang yang bercakap.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya minta Yang Berhormat duduk.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):
..... kalau orang bercakap tak habis lagi dah mintak penjelasan

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya mintak Yang Berhormat duduk.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):
Saya kalau nak beri kepada belum nanti saya habis bercakap dulu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA Kalau tidak saya tidak akan membenarkan
Yang Berhormat berucap.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):
Ya.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya mintak Yang Berhormat duduk, patuh
kepada Peraturan 46. Sila duduk beri laluan untuk penjelasan kepada Wakil Ladang. Sila
Yang Berhormat.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang):
Saya belum habis bercakap lagi? Nanti saya jelas semua baru saya bagi ke dia.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Apa perkataan 'beri laluan', Yang Berhormat
kena faham.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya faham tetapi biarlah ayat yang saya ucap ini biarlah habis dahulu, Tuan Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Berhormat sila duduk, saya dah maklum dua kali.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya, saya tak mahu duduk.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Di Pertua, halau daripada Dewanlah.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya mintak Yang Berhormat duduk.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Tak betul!

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sekarang saya mintak dengan hormatnya sila duduk. Sila Wakil Ladang.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua, cuma saya nak minta penjelasan satu sahaja – Semasa Wakil Rhu Rendang itu menjadi Menteri Besar dia bercakap pasal nak menggalakkan orang membina surau dan masjid, apakah beliau sedar semasa beliau menjadi Menteri Besar di bawah Kerajaan dahulu, pernah Kerajaan melarang daripada satu masyarakat untuk membina surau di Kampung Belad Oh, Besut. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): perlu dijelas kepada alasan-alasan yang dilihat dengan sepenuhnya. Saya berpandu kepada *masalah* yang disebut, Yang Di Pertua, yang pertama kita melihat Barisan Nasional tidak mengambil kira *masalah* ini. Di zaman kita memerintah di Gong Pak Jin, ada surau yang didirikan oleh orang Umno kita tak roboh, dan beberapa tempat yang Wakil Manir sebut tadi kita tak roboh tetapi kerana *masalah* politik termasuklah tempat ajaran Ariffin Mohamad yang sesat dibiarkan dua puluh tahun lebih. Tadi Exco Agama mengatakan sejak tahun 1975 sampai 20 tahun tidak diambil tindakan. Masa kita memerintah barulah kita ambil tindakan dan kita mendapat bukti yang sah dan rasmi Ariffin dan pengikut-pengikutnya adalah penyokong kuat Umno. Inilah barangkali maka lambat diambil tindakan kerana dia penyokong Umno. Tuan Yang Di Pertua, kita kembali kepada masalah siasah syariah yang saya sebutkan

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan.

YANG BERHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Belum habis lagi saya nak terang dulu.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dengan hormatnya saya mintak penjelasan. Dengan hormatnya Dato' Yang Di Pertua, mintak laluan.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila Yang Berhormat Rhu Rendang, beri laluan.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Kalau macam ini tak jadi Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila beri laluan, untuk menyenangkan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada Perkara 46(ii), Peraturan Dewan dan saya harap Yang Di Pertua akan melihatnya dan akan membuat peraturan serta teguran mengikut 46(ii).

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya menggunakan sebagai Yang Di Pertua, dalam Peraturan-peraturan *Standing Order*. Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri, Yang Di Pertua berhak membuat keputusan supaya menenangkan keadaan Dewan. Jadi saya minta supaya Wakil

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Saya tidak ingin berbahas

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Saya tidak ingin berbahas Dato' Yang Di Pertua, cuma saya nak tarik perhatian kerana nak ikut Peraturan Dewan, dalam Peraturan Dewan jelas menyatakan "Ia tidak boleh diganggu melainkan ianya melanggar perintah". Melainkan melanggar perintah *Standing Order* ini barulah boleh diganggu, ini peraturan dia tidak boleh umum dengan kuasa Yang Di Pertua ada, kuasa itu mestilah bertindak di atas asas-asas yang terkandung di dalam peraturannya sendiri, tidak boleh bertindak di luar daripada peraturan. Dan, peraturan jelas mengatakan bahawa ini gangguan yang ditegah, "ia tidak boleh diganggu melainkan ianya melanggar perintah" yakni melanggar perintah-perintah *Standing Order* barulah boleh orang menganggu kalau tidak ia tidak boleh. Dan, Yang Berhormat Yang Di Pertua, mestilah memberi arahan, memberi panduan, mengikut apa yang terkandung di dalam 46 (ii).

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Ia untuk memberi laluan bagi mendapat penjelasan bukan gangguan, Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat kawasan

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya menganggap ini gangguan Yang Di Pertua, saya belum habis lagi. Saya, dua puluh tahun duduk dalam Dewan tak pernah Dewan dikendalikan seperti ini. Pengendalian Dewan yang saya anggap paling buruk dalam sejarah saya duduk dalam Dewan. Tak mengikut peraturan.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, itu anggapan Wakil Rhu Rendang.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Ya, saya anggap Yang Di Pertua tidak patut berpihak dalam mengendalikan perbahasan.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Di Pertua, sebab apa takmboh beri laluan, takut ke guana?

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Bukan kita takut, sedikitpun tak takut.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Hah dah?

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Kami hadapi berpuluh, lebih ramai lagi tetapi biarlah mengikut peraturan, ini sudah bercelaru.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, mintak laluan. Saya mohon penjelasan Yang BERTHORMAT Dato' Yang Di Pertua, Wakil Rhu Rendang mengatakan perkara ini tidak pernah berlaku dalam Dewan yang lalu. Masa pemerintahan Pas dulu berapa kali saya diganggu dan dihalau keluar Dewan? (Tepukan Sokongan)

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Mesti ingat, diganggu mesti orang berucap memberi izin, ini Peraturan Dewan.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Tapi masa tersebut saya tidak beri izin tetapi diganggu oleh Ahli Dewan pihak Kerajaan (Tepukan Sokongan)

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Bila duduk, izin, itu makna. Ini peraturan perbahasan Dewan

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Sehingga Yang BERTHORMAT Rosol dihalau, saya dihalau.

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya anggap ini tak betul, pengendalian Dewan yang sangat dahsyat, ini tidak demokratik

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila duduk, kedua-dua Yang BERTHORMAT

YANG BERTHORMAT DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Wakil Rhu Rendang): Saya belum habis ayat lagi

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sila Yang Berhormat Wakil Kemasik duduk, Rhu Rendang duduk. Jadi nampaknya kita ini tidak ada ketenteraman dibuat oleh daripada Wakil Rhu Rendang, ini untuk menegakkan kedudukan dia. Jadi saya dah menyatakan daripada awal tadi bahawa dalam soal jawab, dalam perbahasan supaya Peraturan-peraturan Persidangan Dewan hendaklah dihormati dan tidak diabaikan. Jadi sebagai menjaga keharmonian Dewan supaya ketinggian Dewan ini hendaklah dihormati oleh semua Yang Berhormat, jadi kita dah lalu pagi ini sepagi dah semua pihak yang mengemukakan Soalan-soalan Lisan dan juga perbahasan berjalan dengan baik dengan menghormati antara satu sama lain, memberi laluan apabila diminta laluan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk meminta penjelasan tetapi mungkin dengan pengalaman yang begitu lama barangkali Yang Berhormat daripada Rhu Rendang ini dia terlupa peraturan-peraturan kecil itu, disokong oleh Yang Berhormat kawasan daripada Batu Burok. Jadi soal ini saya rasa tuduhan mengatakan Persidangan Dewan ini paling buruk adalah satu tuduhan yang begitu berat terhadap Dewan Undangan Negeri Terengganu pada pagi ini oleh Wakil Rhu Rendang, saya memutuskan bahawa Rhu Rendang tidak dibenarkan berucap lagi untuk menyambung ucapanannya (Tepukan Sokongan)

Jadi saya meminta sebagai pembahas yang terakhir yang telah mengangkat tangan tadi iatu Wakil daripada Batu Rakit. Sila.

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Terima kasih Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, lari ke guana ni? Penjelasan, Dato' Yang Di Pertua, lari?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Bukan soal lari.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dah?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Soal tidak mengikut peraturan.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Peraturan guana? Tembor.

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Buat masjid itupun tidak mengikut peraturanlah tu sepatutnya dah lama tu apa ni cakap peraturan tak reti jugak.

YANG BERHORMAT DATO' HAJI WAN ABDUL MUTTALIB BIN EMBONG (Wakil Batu Burok): Yang Di Pertua, saya yang angkat tangan dulu tadi, yang dua tadi, dua saya.

[Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Haji Awang (Wakil Rhu Rendang), Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib (Wakil Manir), Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut (Wakil Wakaf Mempelam) dan seterusnya diikuti oleh Y.B. Dato' Haji Wan Abdul Muttalib bin Embong (Wakil Batu Burok) telah keluar dari Dewan dan tidak mengambil bahagian di dalam Tertib Pekerjaan seterusnya.]

YANG BERTAMBAH HORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Tak kalau cakap hal peraturan, buat masjid itu tak ikut peraturan yang duk bahas hari ini itu apa benda lagi. *Lawyer* tak tahu ke hala ni.

Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, para Pemerhati, Ketua-ketua Jabatan sidang hadirin-hadirat yang dihormati sekalian. Terima kasih kepada Wakil Kemasik dan Wakil Kijal yang pada pagi telah membangkitkan isu Masjid Kampung Bujal. Isu yang sangat penting yang sangat diperbesar-besarkan oleh Pembangkang kerana inilah satu-satunya isu yang masih mereka boleh bercakap untuk memburuk-burukkan Kerajaan yang ada pada hari ini. Pembangkang sebenarnya telah kehabisan modal, mereka tidak ada isu apa lagi, apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan pada hari ini dalam tempoh setahun lebih jauh lebih baik daripada apa yang mereka telah laksanakan dalam tempoh empat tahun yang lalu.(Tepukan Sokongan) Lalu mereka menggunakan kemahiran mereka dalam bidang agama untuk terus mengelirukan rakyat kononnya mereka membela agama dan Kerajaan hari ini menyelewengkan agama dan tidak mengambil berat tentang agama, meroboh masjid dan sebagainya. Dato' Yang Di Pertua, Allah S.W.T. berfirman dalam Al-Quranulkarim yang berbunyi: (dibaca Surah Al-Baqarah ayat 104) yang bererti: "Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu katakan "*ra-ina*" yang bermaksud: "Railah kami, peliharalah kami, berilah perhatian kepada kami atau caknalah kepada kami." Allah S.W.T. kata: "Janganlah kamu menggunakan perkataan "*ra-ina*" ini "*wakulunzurna-wasmaun*", "Tetapi katakanlah, pandanglah kepada kami dan dengarlah rayuan dan rintihan kami." Ayat ini diturunkan kerana pada masa itu apabila orang-orang Islam datang menemui Rasulullah dan mengadu hal kepada Rasulullah mereka akan mengatakan "*ra-ina*" yang di dalam bahasa Arab ertinya "meraikan" ataupun mengambil cakna dan sebagainya. Tetapi di dalam bahasa yang seringkali digunakan oleh orang-orang Yahudi "*ra-ina*" ertinya "bodoh", "*ra-ina*" ini ertinya "tidak cerdas" dan sebagainya. Maka setiap kali apabila orang-orang Islam datang bercakap dengan Rasulullah, berkata kepada Rasulullah "*ra-ina*" orang-orang Yahudi mengambil kesempatan, ketawa dan mempersenda-sandakan Rasulullah kononnya Rasulullah ini digelar sebagai orang bodoh oleh pengikut-pengikutnya sendiri. Jadi dalam konteks ayat ini sebenarnya Allah S.W.T. melarang kita daripada menggunakan sesuatu perkataan, percakapan, ungkapan yang boleh menimbulkan maksud-maksud yang disalah faham yang akhirnya akan menimbulkan rasa tidak baik ataupun maknanya yang tidak baik kepada orang-orang yang tertentu. Hari ini Dato' Yang Di Pertua, apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan kita memang jelas, benar belaka dan baik serta mendapat sokongan daripada rakyat. Memandangkan tidak ada apa-apa lagi yang tidak kena di dalam tindakan Kerajaan, apabila Kerajaan merobohkan bangunan yang mereka dakwakan sebagai masjid dan yang sebenarnya satu bangunan yang tidak pernah mengikut peraturan-peraturan yang mereka sendiri buat, orang Pas sekali lagi menggunakan istilah yang dapat menarik simpati orang-orang Islam yang tidak faham tentang peraturan dalam

pentadbiran negara yang mana peraturan-peraturan ini mestilah dipatuhi dan mestilah ditaati kerana Islam sebagaimana disebut oleh Wakil Pembangkang tadi adalah merupakan agama yang meliputi segala aspek kehidupan termasuk juga yang berkaitan dengan pentadbiran. Kalau sembahyang wajib maka peraturan-peraturan yang baik juga wajib dipatuhi dan sebagainya. Ternyata orang Pembangkang tidak melihat ini sebagai suatu perkara yang menguntungkan mereka lalu mereka terus di dalam ceramah-ceramah mereka menggunakan istilah-istilah menggunakan gelaran-gelaran yang boleh membawa imej yang tidak baik kepada Kerajaan. Saya masih ingat sewaktu Wakil daripada Pembangkang menemui Wakil Kerajaan, menghantar memorandum untuk menyebut tentang, membantah tentang perobohan masjid yang mereka dakwa ini apabila kita tekankan bahawa kampung ini tidak layak mempunyai sebuah masjid kerana jemaahnya tidak cukup 40 orang untuk dirikan Jumaat, mereka beralih mengatakan sebenarnya masjid ini adalah merupakan surau sebagaimana disebut oleh Ketua Pembangkang tadi, yang mana disebut bahawa "Dijadikan kepada umatku ini semua tanah masjid", ini bukan masjid untuk Jumaat, ini masjid tempat sembahyang, kita boleh sembahyang di mana-mana maksudnya, bukan boleh buat masjid di mana-mana tapi itulah Pembangkang yang seringkali menggunakan hadis-hadis, ayat-ayat al-Quran untuk kepentingan peribadi, kepentingan politik mereka. Jadi sebenarnya mereka mengatakan itu bukanlah masjid

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Dato' Yang Di Pertua, minta Wakil Batu Rakit ulang sekali lagi, apa dikatakan tadi?

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Hak mana tu?

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Hak sembahyang di mana-mana, masjid di mana-mana.

YANG BERHORMAT ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT (Wakil Batu Rakit): Itu dia, tadi Ketua Pembangkang Wakil Rhu Rendang kata hadis Nabi maksudnya: "Dijadikan kepada umatku ini semua bumi itu masjid", dengan ertikata boleh dibuat masjid di mana-mana. Ini sebenarnya hadis ini nak beritahu kepada kita bahawa orang Islam boleh sembahyang di mana-mana bukan boleh buat masjid di mana-mana. Jadi betul dia kata nak buat masjid di dalam rumahpun betul dengan ertikata nak buat tempat sembahyang di dalam rumah. Nak buat tepi jalanpun betul, nak buat tengah padang bolapun betul tetapi bukan makna masjid yang kita gunakan dalam percakapan kita pada hari ini. Dalam konteks negara kita bila kita sebut masjid itu maknanya tempat kita mendirikan Jumaat kalau nak sebut satu bangunan yang dikhususkan untuk sembahyang tetapi bukan untuk Jumaat kita tak panggil masjid walaupun dia besar macam masjid kita panggil dia surau, kita panggil dia madrasah, kita panggil dia balai dan sebagainya, jadi inilah dia istilah-istilah yang perlu diperbetulkan. Kalau mereka nak katakan bahawa kita roboh itu bukan masjid sudah tentulah impaknya kepada politik mereka tidak begitu besar. Orang boleh roboh balai raya dan merekapun pernah meroboh balai raya tak jadi apa-apa. Tapi bila disebut bahawa kita roboh masjid, orang luar dengar Kerajaan Negeri Terengganu roboh masjid, besar isunya. Jadi mereka sebenarnya sengaja bercakap dengan bahasa yang tidak betul, istilah-istilah yang sengaja untuk mengelirukan orang-orang yang tidak berpengetahuan dan maklumat yang lengkap lalu mereka menuduh Kerajaan Barisan Nasional, Kerajaan Terengganu hari ini berlaku zalim merobohkan masjid, masjid yang tempat orang Sembahyang Jumaat dan sebagainya.

Sedangkan sebenarnya itu bukan masjid satu bangunan yang mereka nak buat tempat sembahyang dan dalam masa yang sama tempat untuk mereka membina kekuatan menentang Kerajaan yang ada pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua dan sidang hadirin sekalian, Pas sejak daripada dahulu lagi seringkali menggunakan agama untuk kepentingan politik mereka. Fokus masjid yang mereka buat dalam ceramah-ceramah mereka pada hari ini adalah kerana isu merobohkan rumah rakyat tidak begitu mendapat simpati. Sebelum daripada Kerajaan merobohkan bangunan yang mereka mendakwa sebagai masjid di Kampung Bujal, Kerajaan telah merobohkan rumah-rumah dibina secara haram di Pengkalan Merbau. Isu ini apabila dibangkitkan oleh pemimpin-pemimpin Pas ternyata ia tidak memberi impak politik yang besar kepada mereka kerana ia adalah merupakan tindakan biasa berlandaskan undang-undang dan mereka sendiripun pernah melakukan kerja yang sedemikian di zaman pemerintahan mereka. Lantaran itu mereka menggunakan isu masjid, kononnya kita merobohkan masjid padahal yang sebenarnya ia bukan masjid seperti yang mereka dakwa kerana mereka sendiri tahu bahawa kampung itu tidak mempunyai penduduk yang cukup dan masjid yang berada di kampung besar, kampung induk bagi Kampung Bujal itu masih lagi cukup dan mampu untuk menampung jemaah daripada seluruh kampung-kampung di sekitar tersebut. Inilah perangai dan teori orang Pas sejak daripada zaman dahulu lagi samalah seperti Wakil Manir tadi dia kata kita mesti bercakap berbelit-belit kerana dalam keadaan tertentu kita mesti jadikan apa yang kita cakap ini dapat difahami dan dapat meyakinkan orang ramai. Dia lupa bahawa apa yang disebut "khairulkalam makallawadari" "Sebaik-baik percakapan itu yang paling ringkas tetapi yang paling tepat maknanya". Jadi kalau nak dilihat kepada sejarah perjuangan Pas telah banyak kita dapati bukti-bukti bahawa mereka menggunakan ayat-ayat Al-Quran untuk kepentingan mereka. Yang Berhormat Wakil Rhu Rendang suatu masa dahulu pernah membaca: (dibaca Surah Al-Imran ayat 28) kerana pada masa itu dilihat Kerajaan Parti Umno begitu kuat apabila bergabung dengan MCA, MIC lalu membentuk sebuah Kerajaan yang kukuh, mereka mengatakan orang-orang Islam tidak boleh berkerjasama dengan orang-orang bukan Islam. Tetapi ternyata ayat ini dilupakan dan tidak langsung mahu lagi dibaca oleh mereka apabila mereka menang dalam Pilihanraya 1999, apabila mereka berkerjasama dengan DAP dan Keadilan. Bahkan terlihat dan ternyata pada rakyat bahawa hubungan mereka dengan parti-parti yang bergabung dengan mereka lebih akrab daripada hubungan mereka dalam komponen-komponen Barisan Nasional yang mana ternyata pelukan yang diberi oleh Wakil Rhu Rendang kepada Lim Kit Siang lebih erat daripada pelukan yang diberikan kepada Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan. Dan, ternyata banyak lagi bukti-bukti yang mereka menggunakan agama ini untuk kepentingan dan politik mereka dalam masa mereka menggubalkan undang-undang Peraturan Pembinaan Masjid untuk menghalang bangunan-bangunan masjid didirikan di dalam pemerintahan mereka, masjid di Kampung Padang Kemunting, Gelong Gajah dan Masjid di Gong Pak Jin apabila mereka mengetahui bahawa mereka tidak mempunyai hak dan merupakan satu yang ternyata mengaibkan Kerajaan mereka jika mereka menyekat pembinaan masjid-masjid ini kerana pembinaannya menepati keperluan, mencukupi jemaah dan kedudukannya yang jauh dengan masjid yang sedia ada, mereka menggubalkan undang-undang yang disebutkan tadi untuk menghalang tindakan membina masjid tanpa pengawasan Kerajaan. Ternyata apabila mereka kalah undang-undang yang mereka sendiri gubalkan ini mereka langgar. Ternyata Dato' Yang Di Pertua, apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan tindakan merobohkan masjid yang mereka

dakwa ini adalah merupakan satu tindakan yang sepatutnya mendapat sokongan daripada seluruh rakyat kerana ia adalah untuk kepentingan dan untuk menjaga keperpaduan rakyat dalam negara dan negeri kita ini dan jika masjid itu dibenarkan atas dakwaan mereka sebagai masjid sudah tentulah ia memerlukan kepada ahli-ahli jemaah *import* daripada kampung-kampung daripada kawasan-kawasan yang luar yang seterusnya akan menyaingi masjid yang ada yang hanya khusus untuk berjemaah dan ini sudah tentu akan mengganggu gugat kestabilan dan akan menjadikan hubungan di antara penduduk di situ atau pendatang-pendatang ke masjid ini membawa kepada keadaan yang tidak baik. Jadi Dato' Yang Di Pertua, ternyatalah Pas ini seringkali mengguna hujah yang mereka menggunakan untuk menghentam orang pada masa yang sama apabila ada kebaikan untuk mereka, mereka gunakan untuk orang lain pula. Mereka pernah bacakan ayat untuk orang lain tetapi bila mereka lihat ayat ini tidak lagi berpihak kepada mereka, mereka tidak buat. Mereka tidak menghalang pembinaan masjid pada zaman mereka kerana tidak mempunyai undang-undang lagi pada masa itu. Ternyata apabila undang-undang mereka berjaya mereka gubal dan mereka kalah dalam Pilihanraya, mereka langgar undang-undang yang mereka sendiri buat demi kepentingan politik.

Jadi ternyatalah apa yang ingin saya simpulkan di sini ialah pembinaan apa yang didakwa sebagai Masjid di Kampung Bujal adalah merupakan suatu tindakan politik yang bukannya berasaskan kepada ketaqwaan, berdasarkan kepada keperluan penduduk di situ untuk menampung jemaah dan untuk mendirikan Jumaat. Oleh yang demikian, apa yang diperbahaskan oleh Wakil daripada Tepoh tadi masjid tersebut disebut sebagai berasaskan kepada "diraran", masjid yang berasaskan kepada "irsadan" untuk mengganggu gugat Kerajaan, untuk menjadi pusat kegiatan-kegiatan menentang Kerajaan, untuk menjadi pusat memecah belahkan masyarakat sebagaimana yang disebut dalam Al-Quran "Dan, oleh kerana pada zaman Rasulullah S.A.W. masjid tersebut telah diroboh dan dibakar". Maka tindakan yang dibuat oleh Kerajaan pada hari ini merobohkan masjid tersebut selepas daripada perbincangan panjang lebar telah dibuat dengan wakil-wakil yang berkenaan adalah merupakan suatu tindakan yang tepat yang sepatutnya diberi sokongan yang sepenuh-penuhnya. Saya Dato' Yang Di Pertua dengan ini menyokong dan menegaskan bahawa tindakan ini adalah merupakan satu tindakan yang benar, yang tepat walaupun para Pembangkang tidak mahu menerimanya. Sekian, wabillahitaufik wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, Ketua-ketua Jabatan, Perkara Yang Mustahak Bagi Orang Ramai yang telah dibawa untuk dibahaskan telahpun dibahaskan dalam Dewan yang mulia ini dan berdasarkan peraturan 30(3), saya dengan ini menangguhkan Persidangan Dewan Undangan Negeri hari ini kepada esok hari, Rabu, 24 Ogos 2005 jam 9.30 pagi. Marilah sama-sama kita membaca Surah Al-Asr.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 1.17 TENGAH HARI.

PERSIDANGAN
PADA HARI RABU, 24 OGOS, 2005

**Hari Rabu,
24 Ogos, 2005**

KANDUNGAN

1. Nama Ahli-ahli [Muka 65]

2. Soalan-soalan Yang Telah Diberi Notis:
 - 2.1. *Soalan-soalan Lisan* [Muka 69]

3. Rang Undang-Undang:
 - 3.1. *Enakmen Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama)(Pindaan) 2005.* [Muka 92]

 - 3.2. *Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2005.* [Muka 95]

4. Tangguhan [Muka 98]

5. Lampiran [Muka 99]
(Soalan dan Jawapan-jawapan Bertulis)

**PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI BERMULA
PADA PUKUL 9.30 PAGI**

HADIR

YANG BERHORMAT YANG DI PERTUA

Dato' Haji Che Mat bin Jusoh, DPMT.,DSAP.,ASM.,AMN.,PJC.,PJK.,BLB.

YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR TERENGGANU

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh, SSMZ.,DPMT.,PJK.

WAKIL JERTIH

Y.B. Dato' Dr. Haji Abdul Latiff bin Awang, DPMT.,KMN.,PKT.,PJK.

WAKIL BUKIT PAYONG

Y.B. Dato' Rosol bin Wahid, DPMT.,PJK.

WAKIL AJIL

Y.B. Dato' Ahmad bin Said, DPMT.,ASM.,PJK.

WAKIL KIJAL

Y.B. Dato' Haji Mohamed bin Awang Tera, DIMP.,SAP.,AMP.

WAKIL CUKAI

Y.B. Haji Din bin Adam, PJK.

WAKIL BUKIT BESI

Y.B. Haji Wan Hisham bin Wan Salleh, SMT.,DJN.,PJK.

WAKIL LADANG

Y.B. Datuk Mohd Jidin bin Shafee, DMSM.,AMN.

WAKIL PERMAISURI

Y.B. Datuk Abdul Rahin bin Mohd Said, DMSM.,AMN.

WAKIL TELUK PASU

Y.B. Haji W. Mohd bin Wan Hassan, PJK.

WAKIL KOTA PUTERA

Y.B. Encik Toh Chin Yaw
WAKIL BANDAR

Y.B. Dato' Haji Mohamad @ Abu Bakar bin Ali, DPMT.,AMN.,PJK.
WAKIL KEMASIK

Y.B. Encik Asha'ari bin Idris
WAKIL LANGKAP

Y.B. Encik Za'abar bin Haji Mohd. Adib, AMT., PPN.,PJK.
WAKIL RANTAU ABANG

Y.B. Encik Nawi bin Mohamad
WAKIL HULU BESUT

Y.B. Haji Ramlan bin Ali, PJK.
WAKIL JABI

Y.B. Encik Mohd Ariffin bin Abdullah, AMT.,AMN.,PJK.
WAKIL PAKA

Y.B. Haji Ahmad Kamal bin Abdullah
WAKIL SURABAYA

Y.B. Haji Mohd Shapian bin Ali
WAKIL SEBERANG TAKIR

Y.B. Encik Wan Ahmad Nizam bin Wan Abdul Hamid, AMT.,PJK.
WAKIL AIR PUTIH

Y.B. Encik Rozi bin Mamat
WAKIL TELEMONG

Y.B. Encik Yahya bin Khatib Mohamad, PKC.
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

Y.B. Haji Muhammad Ramli bin Haji Nuh, PJK.
WAKIL TEPOH

Y.B. Haji Abdullah bin Che Muda, AMN.,PPN.,PJK.
WAKIL KUALA BESUT

Y.B. Encik Khazan bin Che Mat
WAKIL BATU RAKIT

Y.B. Encik Mohd Zawawi bin Haji Ismail
WAKIL KUALA BERANG

Y.B. Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, SSMT.
WAKIL RHU RENDANG

Y.B. Dato' Haji Wan Abd. Muttalib bin Embong, DPMT.
WAKIL BATU BUROK

Y.B. Dato' Haji Harun bin Taib, DPMT.
WAKIL MANIR

Y.B. Haji Mohd Abdul Wahid bin Haji Endut, PJC.
WAKIL WAKAF MEMPELAM

TIDAK HADIR (Dengan Maaf):

Y.B. Dato' Haji Mohd Nasir bin Ibrahim @ Ibrahim Fikri, DPMT.,KMN.,PJK.
WAKIL BUKIT TUNGGAL

Y.B. Encik Alias bin Abdullah, AMT.
WAKIL ALUR LIMBAT

**HADIR MENURUT FASAL XIII(3) UNDANG-UNDANG BAGI DIRI
KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)**

YANG BERTHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN

Dato' Haji Muhatar bin Abdullah, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.,BI B.

YANG BERTHORMAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI

Encik Ahmad Kamal bin Md. Shahid

YANG BERTHORMAT PEGAWAI KEWANGAN NEGERI

Dato' Haji Mokhtar bin Nong, DPMT.,ASM.,PJC.,PJK.

SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI

Haji Azmi bin Moktar, SMZ,AMT.,PJK.

PUKUL 9.30 PAGI

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Persidangan Dewan Undangan Negeri disambung semula. Sebelum kita memulakan Persidangan Dewan pada pagi ini marilah kita sama-sama membaca Umul Kitab - Al-Fatihah.

Mesyuarat atau Persidangan Dewan pada pagi ini diteruskan dengan Soalan-soalan Lisan. Dipersilakan Yang Berhormat Wakil Telemong untuk mengemukakan soalnya.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan pertama -

Difahamkan Kerajaan telah membelanjakan sejumlah peruntukan yang besar untuk meningkatkan masyarakat IT di Terengganu.

- a) *Sehingga kini berapakah Pusat ICT DUN telah beroperasi sepenuhnya?*
- b) *Berapakah perbelanjaan keseluruhan yang ditanggung oleh Kerajaan untuk pembiayaan program ini?*

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, sehingga hari ini sebanyak 25 Pusat ICT DUN yang telah lengkap dan beroperasi sepenuhnya. 5 Pusat ICT DUN sudah siap tapi belum lagi disambung dengan *Streamyx* dan 2 di dalam pengubahsuaian. Perbelanjaan keseluruhan yang ditanggung oleh Kerajaan untuk membiayai program ini adalah sebanyak RM3,756,420.00. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua – Apakah langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan orang ramai mendapat faedah daripada ICT DUN ini?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, untuk memastikan kekesanan yang maksima Pusat ICT DUN ini kursus-kursus komputer akan diadakan sekurang-kurangnya dua kali sebulan. Pada masa ini kursus berikut sedang dijalankan di beberapa Pusat Bestari dot Comm. Antara silibus kursus itu ialah pengenalan kepada Desktop dan Lynux iaitu *Open Source System*, *Open Office Writer* di samping itu pihak TDI ataupun *Terengganu Development Institute* telah menggunakan pusat ini untuk tujuan kemasukan Data Sistem Banci Penduduk Negeri Terengganu Tahun 2005 yang dijangka akan berakhir tahun ini. Di samping itu Kursus Induksi juga sedang dijalankan untuk diberi kepada petugas-petugas Bestari dot Comm yang baru dilantik.

YANG BERTHORMAT ENCIK ROZI BIN MAMAT (Wakil Telemong): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua, pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana bergerak selangkah ke hadapan menggunakan Program *Open Source* ke seluruh

Pusat ICT DUN. Namun begitu apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah kerana pada masa ini jika kita melihat seluruh rakyat Negeri Terengganu masih lagi menggunakan program biasa untuk perjalanan seterusnya. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, perkara ini memang kita jangkakan sebab kita keluar daripada kebiasaan. Kita tidak mahu lagi dikongkangi oleh sistem *Microsoft* dan hari inipun di seluruh dunia bahkan sedang beralih kepada *Open Source System* dan Terengganu merupakan Kerajaan yang pertama yang menggunakan *Open Source System*. Pada permulaan memang masalahnya akan timbul tetapi sebagaimana apa yang kita pelajari semasa apabila kita melihat sistem yang berada di Extreme Madura di Sepanyol pada peringkat permulaan mereka buat secara *parallel* sementara untuk memberi kemahiran kepada rakyat Terengganu untuk mahir di dalam *Open Source System* secara terpilih sahaja bukan keseluruhan.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Saya difahamkan kebanyakan Pusat ICT DUN ditempatkan bersama dengan Pusat Khidmat Masyarakat DUN dan di setiap Pusat ICT DUN terdapatnya tidak kurang daripada 13 buah komputer bersama dengan peralatan-peralatan yang lain. Apakah Kerajaan tidak merancang untuk mengambil satu langkah yang lebih baik bagi maksud menjaga keselamatan Pusat ICT DUN daripada dicerobohi oleh mana-mana pihak? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, peringkat permulaan pada pandangan Kerajaan adalah lebih baik ditumpu di Pusat Khidmat Masyarakat masing-masing sebab dengan cara begini masyarakat dapat menyedari bahawa wujudnya Bestari dot Comm ini. Jika buat di tempat yang berasingan masalah keselamatan tetap sama, masalah keselamatan sama ada dia berasingan daripada Pusat Khidmat ataupun dia bersama dengan Pusat Khidmat. Jadi buat masa ini kita mengharapkan kepada Pusat Khidmat untuk menyediakan keselamatan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Wakil Kuala Besut mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, soalan nombor satu -

Baru-baru ini telah diperkatakan bahawa Kerajaan Negeri Terengganu telah merobohkan sebuah masjid yang baru didirikan. Sila nyata dan perjelaskan:

- a) *Apakah nama masjid yang dimaksudkan?*
- b) *Di manakah lokasi masjid tersebut didirikan?*
- c) *Bilakah masjid tersebut didirikan?*
- d) *Berapakah kos pembinaannya?*
- e) *Selepas merobohkan bangunan tersebut di manakah penduduk setempat mengerjakan ibadat sembahyang?*

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, tidak ada sebuah masjidpun yang dirobuhkan oleh Kerajaan Negeri sehingga hari ini.

YANG BERHORMAT HAJI ABDULLAH BIN CHE MUDA (Wakil Kuala Besut): Soalan tambahan - Oleh kerana isu ini telah dibincangkan dan ada dibentangkan satu Usul pada hari semalam maka boleh saya mencadangkan supaya isu ini tidak dibenarkan lagi dibawa dalam mana-mana ceramah oleh mana-mana pihak.

YANG BERHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, kerja Pas memanglah kerja untuk menyebarkan fitnah, mereka menyalah guna demokrasi yang ada untuk menanam kebencian kepada Kerajaan dan bagi pihak Kerajaan kita hanya boleh menerangkan kepada rakyat semula apa sebenarnya yang berlaku, memberi fakta-fakta yang jelas sebagaimana dilakukan oleh Unit Komunikasi supaya rakyat dapat memikir dan menilai sebenarnya apa yang Kerajaan buat dan apa yang Parti Pembangkang buat. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Wakil Alur Limbat untuk mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mewakili Wakil Alur Limbat yang tidak dapat hadir ke Dewan pada pagi ini dan beliau menyampaikan salam takzim kepada Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua dan Ahli-ahli Dewan. Soalan nombor satu -

Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam membantu golongan penarik beca di Negeri Terengganu?

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, pelajar-pelajar, para Pemerhati yang dihormati sekalian. Soalan nombor satu jawapannya ialah Kerajaan sememangnya menjadikan agenda penting untuk membasmi kemiskinan tak kira di mana mereka berada dan langkah pertama di samping kita menyediakan rumah, baiki rumah dan bina baru rumah, kita juga menyediakan bantuan untuk membantu golongan penarik beca yang ada di seluruh negeri. Langkah pertama yang kita buat untuk penarik-penarik beca ini di Kuala Terengganu yang mana kita ingin menaik taraf kehidupan mereka kerana kita tahu 100% penarik-penarik beca di seluruh negeri adalah mereka daripada golongan miskin dan termiskin. Lantaran itu kita menyediakan satu ciptaan baru di bawah Zul Design yang dinamakan *Human Power Booster* yang diletakkan dibeca masing-masing untuk memudahkan golongan ini mencari rezeki tanpa mengeluarkan tenaga yang banyak. Ianya mendapat sambutan dan alhamdulillah, sehingga kini ia telah meningkatkan pendapatan golongan penarik beca di sekitar Kuala Terengganu ini. Untuk jangka panjang ianya akan diintegrasikan *Human Power Booster* ini yang pertama di dunia ini Beca Kayuhan CC yang menggunakan *Human Power Booster* diguna di Negeri Terengganu. Kita nak integratekan beca ini dengan produk pelancongan dan kita berharap ianya akan menjadi satu tarikan

untuk datang ke sini. Di samping itu, dalam usaha untuk meningkatkan lagi pendapatan mereka, pendapatan golongan penarik beca ini, kita jugak menggalakkan Persatuan-Persatuan Penarik Becas yang ada di seluruh negeri ini supaya lebih aktif dan membela nasib golongan mereka kerana kita yakin apa yang kita buat jika tanpa sambutan, tanpa sokongan dan dokongan daripada empunya diri itu sendiri maka hasrat dan cita kita tidak mungkin akan tercapai. Terima kasih, Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Boleh Yang Berhormat terangkan bilangan ataupun jumlah penarik-penarik beca di seluruh Negeri Terengganu khususnya di Bandar Kuala Terengganu?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Dato' Yang Di Pertua, setakat hari ini apa yang data yang ada pada kita seramai 80 orang penarik beca yang aktif di sekitar Kuala Terengganu, yang keduanya di Besut ada lebih kurang dalam 20 orang, di daerah-daerah lain beca ini kurang digemari ataupun kurang diusahakan dengan aktif tapi yang paling aktif ialah di sekitar Kuala Terengganu. Dan insyaAllah, kita beri jaminan bahawa keseluruhan penarik-penarik beca yang aktif ini akan kita bantu dengan menyediakan *Human Power Booster* pada beca mereka untuk meningkat dan mengangkat mertabat mereka daripada golongan PPRT ataupun golongan miskin kepada golongan yang keluar daripada garis kemiskinan, insyaAllah.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Bilakah penarik beca di daerah lain akan dibantu sepertimana di Kuala Terengganu terutamanya penarik beca di Besut?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bagus Wakil Rakyat daripada Hulu Besut ini, Yang Di Pertua, beca orang kawasan dia. Terima kasih, inilah keprihatinan Wakil Rakyat Barisan Nasional, hari ini Wakil Rakyat Pas takdok seorang habuk. Kita akan mengambil tindakan dalam masa yang singkat ini kerana peruntukan masih ada sekarang kita telah siap untuk Kuala Terengganu sebanyak 20 buah dengan nilai RM3,000.00 sebuah. Program ini akan dikembangkan ke Daerah Besut, insyaAllah. Wakil daripada Hulu Besut jangan bimbanglah kita akan beri tumpuan maknanya pada kita rakyat sama tak kira mereka ini berada di Hulu Besut ataupun di Hulu Terengganu. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Soalan tambahan – Rata-rata penarik beca terdiri dari golongan miskin dan mempunyai anak yang ramai. Apakah Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk memberi bantuan pinjaman ASDI ataupun ASB kepada mereka?

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Terima kasih Wakil Jabi. Itu satu pandangan yang baik cuma bila kita meninjau apa yang pernah kita lakukan terhadap bantuan ASB ini. Mereka melabur RM5,000.00 dalam setahun mereka dapat RM1,000.00 jadi bila dibahagikan dengan jumlah bulan, 12 bulan maka sebulan mereka dapat dalam tak sampaipun RM100.00. Jadi dengan dapatnya tidak sampai RM100.00 sebulan ianya tidak boleh mengeluarkan golongan ini daripada golongan termiskin. Jadi kita merancang untuk

memberi kata orang memberi kail kepada golongan ini satu-satunya dengan menyediakan beca yang meringankan tugas mereka di samping itu kita juga merancang untuk membina baru rumah dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan kita juga ucap terima kasih kepada Exco Industri yang berusaha bekerja bertungkus lumus untuk membawa industri dan kilang-kilang ke negeri ini untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan kita yakin insyaAllah, dengan siapnya lebuh raya, dengan siapnya lapangan terbang yang sedang dibina insyaAllah masalah kemiskinan ini akan dapat dikurangkan. Dan, inilah kerja kita Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kerja Umno dan Barisan Nasional untuk memberi rezeki kepada rakyat untuk memberi peluang-peluang pekerjaan bukan sahaja menyediakan kail kita jugak menyediakan lubuk-lubuk ikan dan kita jugak menyediakan cara bagaimana nak mengail kerana kita yakin bila disediakan kail jika tak sedia cara untuk mengail mereka tak pandai mengail dan jika mereka pandai mengail tapi mereka tidak tahu di mana lubuk ikan ada mereka jugak tak dapat ikan. Jadi kita sebagai Kerajaan tradisi membela rakyat kita menyediakan kail, kita menyediakan lubuk ikan dan kita mengajar mereka mengail untuk mengeluarkan mereka daripada kelompok ataupun golongan miskin dan terimiskin. Terima kasih Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Di Pertua, soalan nombor dua -

Sila sebutkan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu yang masih mengalami kerugian dan apakah langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan Barisan Nasional semasa kita mengambil alih daripada Kerajaan Pas pada tahun 2004 yang lepas telah berusaha bersungguh-sungguh untuk cuba mengurangkan kerugian-kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat anak Kerajaan Negeri pada waktu itu. Sungguhpun kita telah berjaya mengurangkan beberapa kerugian yang dialami oleh syarikat anak, masih terdapat beberapa syarikat yang masih mengalami kerugian. Syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:-

(1) Di bawah Yayasan Terengganu:

Anak Syarikat Wawasan Wibawa Sdn Bhd masih mengalami kerugian pada tahun 2004 sebanyak RM726,000.00 dan langkah untuk mengatasi kerugian ini adalah dengan mempelbagaikan kursus-kursus yang kita akan adakan bersama-sama dengan kerjasama dengan UITM.

(2) Di bawah Yayasan Islam:

Kita telah dapat mengurangkan syarikat-syarikat yang rugi dan sekarang ini tidak ada lagi syarikat yang rugi di bawah Yayasan Islam Terengganu.

(3) Di bawah PERMINT:

- (i) Masih ada dua syarikat yang mengalami kerugian iaitu PERTIMA Terengganu Sdn Bhd. yang mengalami kerugian sehingga Jun tahun ini sebanyak RM67,000.00 dan langkah-langkah untuk mengatasi kerugian adalah seperti berikut:-
 - PERMINT telah memberi suntikan baru sebanyak RM2.5 juta untuk meningkatkan modal mereka.
 - Meningkatkan jualan termasuklah di sektor Hypermarket seperti Giant, Store dan sebagainya.
 - PERMINT membuat pemantauan secara bulanan terhadap operasi anak syarikat ini.
- (ii) Syarikat PERMINT Bina Bahan Sdn Bhd yang juga masih mengalami kerugian sebanyak RM34,000.00 sehingga akhir Jun 2005 dan usaha sedang dibuat untuk menggabungkan operasi PERMINT Bina Bahan ini dengan sebuah lagi syarikat anak yang sudah membuat keuntungan iaitu Syarikat GPQ Sdn Bhd. InsyaAllah, dengan adanya penggabungan ini kita akan dapat lihat keuntungan kepada Syarikat Bina Bahan ini.
- (iii) Syarikat PTB, syarikat ini masih mengalami kerugian yang besar sehingga tahun 2004 ia mengalami kerugian sebanyak RM21,000.00 sehingga pertengahan tahun ini mengalami sebanyak RM0.91 juta. Jadi usaha sedang dibuat untuk pastikan PTB ini juga dibawa balik untuk membuat keuntungan. Langkah-langkah yang diambil adalah termasuklah:
 - Memberhentikan operasi dan penutupan syarikat-syarikat anak yang mengalami kerugian dan tidak dapat dibetulkan lagi.
 - Mengambil langkah-langkah perbelanjaan berhemah ke atas semua syarikat yang masih beroperasi.
 - Menstrukturkan semula PTB di dalam konteks merealisasikan syarikat-syarikat anak Kerajaan Negeri.
 - Memindah Ibu Pejabat PTB ini daripada Kuala Lumpur ke Kuala Terengganu yang telah dibuat pada bulan Mei yang lepas.

- (iv) Golden Pharos Berhad iatu syarikat Kerajaan Negeri yang listed dan syarikat ini mengalami kerugian sebanyak RM26.5 juta yang terkumpul dan Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah tegas untuk pastikan syarikat ini dibawa balik untuk mendapat keuntungan. Di antara langkah-langkah yang kita ambil adalah:-
- Meningkatkan kecekapan proses pembalakan bagi memastikan bekalan balak yang mencukupi bagi kilang-kilang papan milik Kumpulan Golden Pharos ini.
 - Pihak pengurusan mengadakan perancangan yang lebih rapi untuk memastikan kilang-kilang yang beroperasi dahulunya hanya 10 bulan akan dapat beroperasi secara berterusan selama 12 bulan dengan mendapat bekalan balak secara berterusan daripada GP Berhad.
 - Memastikan harga produk keluaran GP Berhad ini dijual pada harga maksimum mungkin di pasaran dan peranan ini adalah kritikal untuk pastikan GP akan membuat keuntungan di masa hadapan ini.

Insyallah, dengan usaha-usaha yang telah Kerajaan ambil ini kita rasa semua syarikat anak yang rugi ini akan dapat kita baiki dan mencapai keuntungan dalam tempoh setahun lagi.

YANG BERHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Apakah perancangan dan hala tuju ASDI di masa hadapan?

YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ASDI adalah satu anak syarikat di bawah PTB Berhad. Kerajaan Negeri juga sedang berusaha untuk memastikan pemilik-pemilik saham ASDI ini akan dapat pulangan yang baik. Kalau kita lihat pada masa sekarang ini pasaran saham bagi saham seperti ini adalah tidak menarik dan kita lihat ASDI adalah merupakan satu daripada saham yang terbaik di antara saham-saham amanah yang ada sekarang ini. Saham ASDI di peringkat 57 sen sekarang ini dan kalau kita lihat saham-saham lain KUMIPA dan sebagainya negeri-negeri lain pada tahap 17 sen, 18 sen sepertimana yang ada di dalam soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormatlah tetapi tidak ada jawapan sebab tak cukup masa semalam. Kerajaan Negeri insyallah, akan cuba menyuntik juga peruntukan ke dalam PTB ini dan kita akan buat sesuatu untuk meningkatkan harga saham ASDI ini. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Sering dikatakan bahawa antara sebab-sebab berlakunya kerugian kepada syarikat-syarikat Kerajaan Negeri termasuk juga syarikat-syarikat anak adalah dikaitkan dengan wujudnya kalangan perkerja-pekerja yang tidak jujur. Kerajaan

sedar atau tidak tentang kewujudan masalah ini dan apakah langkah Kerajaan untuk mengatasinya? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan sedar dengan apa yang disebutkan tadi oleh itu pada masa ini Kerajaan banyak membuat penyusunan semula terhadap syarikat-syarikat anak ini dan telah terbukti beberapa syarikat yang kita dapati ada berlaku penyelewengan dan Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap mereka yang terlibat dan mana syarikat yang rugi juga kita telah mengambil tindakan termasuklah untuk penutup syarikat yang melakukan ataupun yang mengalami kerugian baru-baru ini. Kita juga sedang mengenal pasti beberapa syarikat anak yang lain yang mengalami kerugian ini ataupun yang menghargakan penyelewengan ini dan insyaAllah sekiranya didapati benar berlaku penyelewengan ini kita akan mengambil tindakan yang setimpalnya. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK NAWI BIN MOHAMAD (Wakil Hulu Besut): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Ada setengah pendapat mengatakan syarikat Kerajaan Negeri rugi kerana disebabkan oleh pengurusan yang diuruskan oleh kakitangan awam. Ada juga pandangan yang mengatakan Negeri Johor lebih berjaya menguruskan syarikat negeri kerana kakitangannya diurus oleh kakitangan swasta, apa salahnya kalau kita meniru cara Johor mengurus tadbir syarikat Kerajaan Negeri kalau ianya memberi keuntungan. Apakah Kerajaan tidak ada cadangan untuk meniru langkah Johor sepertimana yang diamalkan di Johor sekarang ini?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya rasa Yang Berhormat ini dapat baca pemikiran Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebab apa yang disebutkan tersebut dalam perancangan kita dan insyaAllah, kita dalam perancangan untuk mewujudkan apa yang dipanggil *Terengganu Incorporated*. InsyaAllah, cara perjalanannya adalah lebih kurang jugak apa yang sepertimana dilakukan oleh Johor ini dan kita akan berkerjasama dengan *J-Corp* ataupun *Johor Corp* ini. Kita akan mengikut apa yang baik yang telah dilaksanakan oleh Johor ini untuk pastikan kita juga boleh berjaya untuk menjalankan atau menggerakkan aktiviti-aktiviti bisnes ataupun perniagaan yang kita beri penekanan sekarang ini. Pada masa ini kita juga telah melantik Perunding untuk mengkaji perkara tersebut dan satu daripada *proposal* ataupun cadangan yang dikemukakan oleh Perunding ini adalah untuk melaksanakan cara pengurusan seperti yang dibuat oleh Johor. Jadi seperti kata tadilah cara pemikiran Yang Berhormat, sama dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Wakil Kuala Berang mengemukakan soalnya dan suka saya maklumkan soalan nombor 2 ditolak.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama –

Kerajaan hari ini telah mengambil keputusan untuk mengenakan semula Cukai Pintu sebagaimana termaktub di dalam Perlembagaan Negara. Sila nyatakan jumlah kutipan yang diperolehi setakat ini mengikut daerah?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Kerajaan telah membuat keputusan untuk mengenakan semula Cukai Pintu sebagaimana termaktub dalam Akta Kerajaan Tempatan Akta 101 dan alhamdulillah sehingga kini mengikut maklumat terakhir 1 Julai 2005 sebanyak RM21,685,851.36 telahpun dipungut. Dan, mengikut pecahan daerah adalah sebagaimana berikut:-

<u>Pihak Berkuasa Tempatan</u>		<u>Jumlah</u> (RM)
1.	Majlis Perbandaran Kuala Terengganu (sehingga 31 Julai 2005)	3,427,723.44
2.	Majlis Perbandaran Kemaman	14,440,753.60
3.	Majlis Daerah Dungun	3,095,057.10
4.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	242,308.94
5.	Majlis Daerah Besut	277,752.90
6.	Majlis Daerah Marang	156,160.68
7.	Majlis Daerah Setiu	46,094.70
JUMLAH KESELURUHAN :		21,685,851.36

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada rakyat Terengganu yang bersedia membayar Cukai Pintu dan kerana perkhidmatan yang baik yang telah diberikan oleh PBT Negeri Terengganu. Terima kasih. (Tepukan Sokongan)

YANG BERTHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan - Adakah isu Cukai Pintu ini masih lagi jadi modal utama daripada pihak Pembangkang?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, setiap isu yang bermusim ia akan berakhir di hujung musim. Maka tidak ada lagi isu Cukai Pintu setelah rakyat sedar tentang tugas dan tanggungjawab mereka. Dalam sebuah negara yang membangun tidak ada yang percuma apatah lagi perkhidmatan kalau mereka sanggup masuk tandas bayar 20 sen kenapa mereka tak sanggup sampah sarap di tempat mereka dipungut oleh PBT setiap hari. Jadi ini bukan lagi isu malah mereka berterima kasih kepada Kerajaan apabila melihat petanda-petanda bahawa kampung halaman mereka bertambah baik, bertambah ceria dari masa ke semasa. Dan, biarlah isu yang dibawa oleh Pas itu sebagaimana disebut 'Si Luncai dengan labu-labunya, biarkan-biarkan'. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Maknanya bolehlah saya katakan bahawa isu yang dimainkan oleh Parti Pembangkang dalam soal Cukai Pintu ini adalah merupakan satu pembohongan yang telah dilakukan oleh mereka untuk mengelirukan rakyat dan apakah tindakan Kerajaan sekiranya isu ini terus dimainkan oleh mereka?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, ianya bukan satu isu pembohongan malahan ratusan pembohongan dan mungkin ribuan pembohongan yang dibuat oleh Pas. Pembohongan akan terus berlaku dari masa ke semasa dan kita akan terus memberikan perkhidmatan kita, bila perkhidmatan kita baik kita tak payah beritahu bahawa kita baik dengan sendiri rakyat mengatakan kita baik, itu sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL (Wakil Kuala Berang): Soalan tambahan – Boleh ke tidak saya nak mendapat penjelasan daripada jumlah Cukai Pintu yang begitu besar ke manakah pendapatan ini dibelanjakan, khususnya saya bagi mewakili Daerah Hulu Terengganu terutamanya kawasan sayalah DUN Kuala Berang rata-rata rakyat di kawasan saya mempertikaikan dengan Cukai Pintu yang mungkin tidak seberapa ini apakah pembangunan-pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan kerana sehingga kini sejak 10 tahun yang terkebelakang ini didapati pembangunan bagi Kuala Berang khususnya agak perlahan kalau kita bandingkan dengan daerah-daerah yang lain? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kita melihat angka tadi nampaknya agak besar tetapi dari segi *percentagenya* dan keseluruhan perbelanjaan yang dikeluarkan oleh PBT ia amat kecil sekali. Untuk pengetahuan Wakil Kuala Berang dan Dewan yang mulia ini 60% daripada perbelanjaan PBT di Negeri Terengganu malah di seluruh negara adalah tertumpu kepada soal-soal menjaga kebersihan, memungut sampah, mengutip sampah, memotong rumput, cuci longkang dan sebagainya. Ini kerja-kerja yang paling besar yang memerlukan peruntukan yang agak besar dan pihak PBT Negeri Terengganu tidak boleh berdikari dan tidak mampu diuruskan sekiranya kita hanya mengharapkan Cukai Pintu. Contohnya, untuk menguruskan belanja pengurusan bagi satu PBT kalau di Hulu Terengganu kita memerlukan untuk membayar gaji sahaja emolumen RM1.5 juta setahun sedangkan pendapatan Cukai Pintu tak sampaipun RM600,000.00 setahun yang berjaya dipungut. Apatah lagi dengan projek-projek pembangunan contoh yang paling ketara ialah Majlis Perbandaran Kuala Terengganu, tahun 2005 Kerajaan Negeri terpaksa memberi bantuan untuk pengurusan sebanyak hampir RM12 juta kalau tidak tak mampu bayar gaji kakitangan MPKT. Ini tak termasuk projek-projek pembangunan yang lain yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat termasuk pembinaan longkang umpamanya RM14 juta yang kita belanjakan tahun ini di seluruh Negeri Terengganu. Dan juga jalan-jalan di kawasan PBT sebanyak RM12 juta yang diberikan secara Geran oleh Kerajaan Persekutuan. Sebab itulah saya akui sejak 4 tahun yang lalu tak ada pembangunan baru di Bandar Hulu Terengganu, insyaAllah perancangan telah dibuat dan kita telah menyusun dari segi perubahan-perubahan, pembesaran/pelebaran jalan, pembinaan longkang dan bangunan akan mula dilaksanakan mulai tahun hadapan bagi Majlis Daerah Hulu Terengganu. Terima kasih Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang):
Penjelasan Dato' Yang Di Pertua – Kita dengar daripada Kerajaan kutipan sehingga Julai
ialah sebanyak RM21 juta dan pertamanya berapakah *target* kutipan Cukai Pintu bagi tahun
2005?

YANG BERTHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Dato' Yang Di Pertua, Cukai
Pintu yang dijangka dipungut oleh Kerajaan Negeri sekiranya dibayar oleh seluruh rakyat
Terengganu ialah kira-kira RM60 juta setahun. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sekarang saya mempersilakan Wakil
Seberang Takir untuk mengemukakan soalan dan untuk makluman Soalan nombor satu
ditolak.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Yang
Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan nombor dua -

*Apakah pelan dan tindakan Kerajaan Negeri dalam menyahut dasar
Kerajaan Persekutuan mengenai Pelan Integriti Nasional. Apakah
program-program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi
membentuk personaliti unggul (towering personality)?*

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):
Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat
Dato' Yang Di Pertua, sehingga hari ini hanya seramai 6 orang sahaja pelajar yang dikesan
kerana keciciran. Dan, adapun di antara sebab-sebab utama keciciran itu ialah
pertamanya, masalah kesihatan yang kedua ialah kemalangan, cacat anggota, sakit sawan
dan paling unik ialah ada kahwin seorang, orang Asli. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MOHD SHAPIAN BIN ALI (Wakil Seberang Takir): Yang
Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Semenjak akhir-akhir ini terdapat
gejala baru iaitu masalah disiplin di antara pelajar iaitu masalah membunuh diri di kalangan
pelajar. Apakah faktor-faktor utama berlakunya perkara tersebut?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):
Dato' Yang Di Pertua, masalah bunuh diri, masalah di sekolah memang ada berlaku dan
yang bunuh diri itu yang *isolated cases*, dengan izin. Mengikut laporan daripada jabatan ia
ada kaitan dengan dadah atau sebagainya, ia ada kaitan dengan masalah peribadi dia. Jadi
kes-kes ini yang berlaku yang tidak menyeluruh sebenarnya tetapi ada berlaku kadangkala
begitu.

YANG BERTHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Di Pertua, soalan
tambahan – Jadi dari segi keciciran pencapaian Peperiksaan UPSR rata-rata sekarang UPSR
kita menekankan kepada pelajar untuk memperolehi 5A. Bagaimanakah perancangan
Kerajaan kepada pelajar-pelajar yang lemah yang berpotensi untuk dapat 5D, apakah
mereka ini dibiarkan atau ada rancangan-rancangan tertentu untuk meningkatkan prestasi
mereka?

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Dato' Yang Di Pertua, di samping kita berbangga dengan Negeri Terengganu mencapai 5A terbaik bagi 4 tahun berturut-turut, kita juga maklum bahawa masih ramai anak-anak Terengganu yang mencapai pencapaian yang agak kurang baik yakni yang tidak ada 'A'pun, 'B'pun, 'C'pun dalam UPSR dan mereka inipun akan masuk ke tingkatan satu. Dan, dengan perancangan pihak Jabatan Pelajaran Negeri telah ada beberapa strategi pastikan bahawa pelajar-pelajar yang kebelakang ini dapat kita tampung, kita bela supaya boleh mereka masuk ke peringkat PMR dan mereka ini akan berjaya masuk ke tingkatan empat dengan baiknya. Telahpun ada beberapa perancangan yang sedang berlaku sekarang di semua sekolah yang mana kita dapati bahawa pelajar-pelajar itu kurang baik semasa UPSR.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Pengkalan Berangan untuk mengemukakan soalan-soalannya.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan satu -

Berapa banyakkah ajaran-ajaran sesat di Negeri Terengganu, nyatakan jenis ajaran-ajaran sesat tersebut dan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah ajaran sesat ini?

YANG BERHORMAT HAJI W. MOHD BIN WAN HASSAN (Wakil Kota Putera): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, ajaran sesat di Terengganu yang telah dikenal pasti sehingga kini dan telah difatwakan hanya satu sahaja iaitu Ajaran Ayah Pin atau Arifin bin Mohamad. Manakala ajaran-ajaran dan amalan-amalan lain yang boleh dianggap sesat dan menyeleweng masih lagi dalam siasatan dan kajian oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu termasuklah seperti ajaran Tajali oleh Ahmad Laksamana dan sebagainya. Langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah ajaran sesat ini adalah sebagaimana jawapan saya dalam menjawab soalan-soalan daripada Wakil Manir semalam. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, oleh kerana soalan kedua saya telahpun dikupas jadi saya ucap terima kasih, sebelum saya tanya orang dah jawab. Terima kasih, tiada soalan lagi.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Tepoh mengemukakan soalan dan untuk makluman soalan satu ditolak.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan yang kedua -

Jalan Wakaf Tembesu Gong Badak merupakan jalan yang semakin sibuk dan sesak dengan kenderaan.

- a) *Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaik taraf jalan tersebut menjadi jalan sehala?*
- b) *Apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya yang sering berlaku di sepanjang jalan tersebut?*

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, setakat ini kita belum ada cadangan untuk menaik taraf jalan Wakaf Tembesu – Gong Badak kerana jalan ini telahpun dinaik tarafkan dan dilebarkan. Walau bagaimanapun, memandangkan keadaan semasa kita akan mengkaji balik cadangan ini. Bagi soalan (b) di bawah Jawatankuasa Pengangkutan Awam Negeri kita sering membincangkan tentang kemalangan jalan raya khususnya Jalan raya daripada Wakaf Tembesu ke Gong Badak. Di antara tindakan yang boleh diambil ialah:

- (i) Melebarkan jalan berkenaan.
- (ii) Jabatan Kerja Raya sedang membuat kajian bagi menurunkan kadar had laju jalan tersebut.
- (iii) Mengecat jalan tempat yang sepatutnya tidak memberhentikan kenderaan 'double line' penandaan warna kuning (lorong masuk).
- (iv) Penguatkuasaan had laju oleh Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan supaya diberi keutamaan kepada jalan ini.

Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan. Jalan Gong Badak - Wakaf Tembesu sebagaimana yang dimaklumi merupakan jalan yang cukup sibuk dan jalan tersebut merupakan laluan yang menjadi gabungan di antara laluan-laluan jalan lain daripada Manir dan sebagainya apakah Kerajaan tidak mempunyai satu perancangan untuk membuat satu jalan alternatif bagi mengelakkan kesesakan di jalan tersebut?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, kita telah memperuntukkan kepada Jabatan Kerja Raya sebanyak RM2 juta untuk mengkaji sistem lalu lintas bukan sahaja untuk jalan tersebut tetapi untuk seluruh Bandar Kuala Terengganu untuk memastikan kesesakan-kesesakan yang berlaku itu dapat dielakkan sebab kalau kita hanya tumpukan kepada satu jalan sahaja kita boleh selesai masalah itu tetapi akan timbul pula masalah di tempat lain. Jadi dari segi pendekatan kita ialah kita mahu melihat ini secara *holistic* dan dapat kita selesaikan untuk Bandar Kuala Terengganu keseluruhannya. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Dato' Yang Di Pertua, sekiranya saya menyatakan bahawa di kalangan masyarakat setempat memohon dan mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya diwujudkan kaedah ataupun sistem dengan izin *divider* (pembahagi jalan) di jalan tersebut. Apakah Kerajaan tidak bercadang untuk menerima cadangan tersebut?

YANG BERTHORMAT HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, kita bersedia menimbang cadangan tersebut. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Wakil Kemasik mengemukakan soalan-soalan dan untuk makluman soalan 3 ditolak.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan pertama saya telahpun dijawab pada hari kelmarin dan hari ini, jadi saya pergi ke soalan yang kedua -

Terengganu telah menjadi tumpuan pelancong sejak Barisan Nasional (BN) mengambil alih pemerintahan Kerajaan Terengganu daripada Kerajaan Pas.

- a) *Sebutkan berapakah jumlah hotel dan bilik yang ada sekarang mengikut pecahan daerah dan adakah ia mencukupi untuk menampung keperluan?*
- b) *Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan semua hotel-hotel di negeri ini, khususnya yang bertaraf rendah, diselenggarakan bagi meningkatkan imej negeri?*
- c) *Berapakah jumlah kedatangan pelancong ke negeri ini tahun ini?*

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan nombor 2 (a). Jumlah hotel dan bilik yang ada di Terengganu sekarang ini pecahan-pecahan daerah adalah seperti berikut:-

DAERAH	BILANGAN HOTEL/RESORT	BILANGAN BILIK
Kuala Terengganu	61	2,615
Marang	21	462
Dungun	18	588
Besut	58	1,442
Kemaman	15	669
Setiu	12	318
Hulu Terengganu	17	538
JUMLAH :	201	6,632

Soalan (b), Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan para usahawan untuk mencebur diri dalam bidang perhotelan dan meningkatkan gaya persembahan mereka dan kualiti perkhidmatan mereka kepada para pelancong. Bagi menjayakan matlamat ini, Kerajaan Negeri dengan kerjasama agensi-agensi Pusat termasuklah Badan-badan NGO menganjurkan program-program latihan termasuklah kursus-kursus, seminar-seminar yang berterusan kepada operator-operator dan kakitangan hotel dan resort. Pihak Kerajaan juga melalui Pihak Berkuasa Tempatan ataupun Majlis-Majlis Perbandaran dan Majlis-Majlis Daerah juga diminta mereka-mereka ini membuat pemantauan secara berkala dan berterusan terhadap bilik-bilik hotel, restoran-restoran untuk pastikan mereka ini bersih dan dapat memikat ataupun menarik pelanggan-pelanggan ataupun pelancong-pelancong.

Dan (c), Jumlah kedatangan pelancong pada tahun ini sehingga bulan Jun 2005 adalah seramai 820,000 orang iaitu peningkatan sebanyak 16.6 peratus berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun lepas. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Daripada jumlah hotel kesemuanya 201 buah dan jumlah bilik 6,632, adakah ianya mencukupi terutamanya bagi persiapan dan penyediaan Tahun Melawat Terengganu 2008.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, memanglah bilangan bilik yang ada setakat ini di Terengganu tidak mencukupi lebih-lebih lagi untuk kita menghadapi Tahun Melawat Terengganu yang akan kita anjurkan pada tahun 2008. Kerajaan Negeri juga berusaha untuk mendapatkan pihak-pihak swasta untuk menambahkan bilangan bilik dan bilangan hotel khususnya di Kuala Terengganu ini yang masih berkurangan dari jumlah dari sudut bilik-bilik yang mempunyai taraf ataupun tahap yang tinggi khususnya di tahap empat

bintang ataupun lima bintang. Jadi sudah ada beberapa cadangan daripada pihak swasta insyaAllah, dua-tiga buah hotel lagi akan dibina di Kuala Terengganu ini khususnya dan insyaAllah, ianya akan dapat disiapkan sebelum kita melancarkan Tahun Melawat Terengganu pada tahun 2008. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Penjelasan Dato' Yang Di Pertua, adakah Kerajaan bersetuju bahawa bilangan bilik hotel yang sekarang ini mencukupi tetapi masalah yang ada sekarang ialah bilik ini tidak mencukupi hanya di masa *peak season* dengan izin, dan luar daripada *peak season* bilik itu dari segi peratusan *occupancynya* dengan izin, rendah daripada biasa.

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, betullah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat daripada Rantau Abang sebab itu dari segi perkiraan bilik ini kita mengambil kira sepertimana yang disebut *average room rate* ataupun kadar purata bilik yang dikira pada setiap hotel itu sebab pada satu-satu masa adakalanya hotel-hotel itu akan dihuni secara ramai apabila berlaku *event* ataupun ada seminar ataupun *conference*. Tahapnya meningkat sampai 90 peratus ataupun 99 peratus dan dikala *off season* bilangan hotel yang akan dihuni hanyalah berkurangan sehingga mungkin 20 – 25 peratus. Apabila kita menyebut *average room rate* ini ia adalah mengambil purata bagi bulanan itu dan mengambil kira rendah dan tinggi, *peak* ataupun *off season* ini, mungkin pada tahap 60 peratus. Kebiasaannya tahap *average occupancy room* ini adalah lebih kurang 57 – 60 peratus dan ini sudah dikira baik berbanding kalau kita lihat kepada perbandingan hotel-hotel lain di negeri-negeri lain sebab hotel ini kita tidak boleh lihat pada masa satu ketika sahaja sebab apabila satu-satu *event* itu ada, kita perlukan bilik dan apabila tidak ada *event* memanglah dia akan turun sebab itu kadar yang dibuat, kadar *room rate* yang dibuat itu ialah untuk *cover* kos bulanan dia, kos *maintenance* dan sebagainya. Dan, kalau mereka boleh *cover* 40 peratuspun itu sudah akan memberi keuntungan kepada hotel tersebut. Terima kasih.

YANG BERTHORMT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Dato' Yang Di Pertua Dewan, pohon penjelasan - Kita berbangga dengan kedatangan pelancong yang ramai, bilik hotel kita yang banyak tetapi apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengawal masalah mudamudi kita, penyalahgunaan dari segi minuman keras dan gejala-gejala yang tidak sihat di kawasan-kawasan ini?

YANG BERTHORMAT DATO' HAJI MOHAMED BIN AWANG TERA (Wakil Cukai): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, dari segi pengawalan minuman keras dan sebagainya ini, Penguasa Tempatan kita memang mengawal dan tidak membenarkan minuman-minuman keras khususnya di hotel-hotel yang dimiliki oleh Kerajaan dan bagi hotel-hotel yang swasta ini yang tidak dimiliki oleh Kerajaan juga kita memberi nasihat kepada mereka supaya tidak menjual minuman keras kepada orang Islam dan orang bukan Islam akan dinasihati minum di tempat tertentu sahaja. Dari sudut yang lain pula Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, kalau kita lihat di Terengganu ini kita mengambil kira walaupun kita ingin menarik pelancong ke Negeri Terengganu ini kita tidak mengasaskan cara penarikan pelancong ini kepada benda-benda yang tidak sihat kita masih mengasaskan cara nak tarik pelancong ini berasaskan kepada tema-tema tertentu seperti alam semulajadi, tradisi kita,

warisan kita. Dan, kita harap inilah cara untuk menarik pelancong bukan sepertimana yang dibuat oleh lain-lain negara Thailand dan sebagainya. Jadi cara ini kita berharap kita akan dapat menarik pelancong yang berhemah dan tidak akan mempengaruhi rakyat khususnya muda-mudi negeri kita. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Langkap mengemukakan soalan.

YANG BERTHORMAT ENCIK ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Dato' Yang Di Pertua, soalan yang pertama -

Pencapaian UPSR bagi pelajar Negeri Terengganu cukup membanggakan. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan pencapaian dalam Peperiksaan PMR, SPM dan STPM?

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan tadi Peperiksaan UPSR di Negeri Terengganu alhamdulillah, cukup membanggakan dan kita nak lihat setelah empat tahun mereka ini mendapat keputusan terbaik Tingkatan 3, Tingkatan 4, jadi kita nak pastikan bahawa keputusan terbaik ini apabila masuk ke PMR akan terus meningkat dan masuk ke SPMpun meningkat, dan masuk ke STPM ke universitipun meningkat. Untuk itu Kerajaan Negeri dah menyediakan peruntukan yang secukupnya dan dengan kerjasama Jabatan Pelajaran Negeri kita telah mula membina modul-modul khas yang dinamakan sebagai Modul Dana Khas dan soalan-soalan yang digubal khas pelajar-pelajar ini dapat menggarapnya dengan baik. Di samping itu juga, guru-guru khas diberi latihan, guru-guru pakar diberi latihan yang sebaik mungkin dan juga kem-kem berkala dibuat di setiap daerah oleh Jabatan Pelajaran Negeri. Di samping itu, sebagai contoh jabatan mengamalkan sistem pengurusan dan kawalan Auditan Hasil berteraskan sasaran peningkatan hasil atau Operational Targeted Accumental (OTI) ini yang kita buat selalu. Dan tengok dari masa ke semasa berapa banyak peningkatan terutama pelajar-pelajar yang ambil periksa PMR, SPM dan STP dan alhamdulillah setakat yang didapati daripada Jabatan Pelajaran Negeri sebagai contoh untuk tahun ini dijangka lebih meningkat daripada tahun yang lepas kalau kita lihat dari segi pencapaian setakat ini. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Soalan tambahan Dato' Yang Di Pertua – Saya yakin banyak lagi faktor-faktor lain yang boleh diusahakan oleh Kerajaan untuk meningkat pencapaian dalam peperiksaan ini. Faktor kemiskinan, adakah Kerajaan sedar kemiskinan juga menjadi faktor yang agak besar dalam menentukan pencapaian seseorang pelajar? Yang kedua, faktor tempat tinggal seperti di asrama dan sebagainya, kita dapati pelajar-pelajar yang mendapat tempat di asrama pencapaiannya lebih baik. Adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi asrama-asrama ini di sekolah-sekolah khususnya bagi pelajar-pelajar yang berprestasi rendah? Terima kasih.

YANG BERTHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli Dewan, di bawah rancangan kita, di bawah Yayasan Terengganu, insyaAllah mulai tahun depan kita akan mulakan apa yang kita

panggil sebagai Asrama Kelompok pelajar-pelajar yang jauh-jauh daripada kampung yang dikelompok di situ dan mereka ini akan diberi bimbingan sebagaimana pelajar-pelajar di asrama biasa, ini yang sedang kita buat sekarang, insyaAllah.

YANG BERHORMAT ENCIK ZA'ABAR BIN HAJI MOHD ADIB (Wakil Rantau Abang): Dato' Yang Di Pertua, penjelasan - Selama empat tahun yang berturut-turut pencapaian UPSR di Terengganu, pencapaian 5 A hampir 2,000 mengatasi angka peratusan peringkat kebangsaan, saya nak ucap tahniah kepada kesungguhan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan Sekolah Elit dan Premier. Setakat ini ada dua Sekolah Elit dan dijanjikan Sekolah Premier di semua peringkat Parlimen. Dan, Kerajaan berjanji bahawa untuk menampung kelebihan hampir 1,5000 anak-anak kita yang mencapai 5A, hanya 500 mendapat tempat di asrama penuh dan juga Maktab Rendah Sains Mara. Penjelasan yang dipohon ialah setakat mana kemudahan-kemudahan fizikal yang dijanjikan kepada Sekolah-sekolah Premier ini kerana pada asasnya Sekolah Premier ialah Sekolah yang sedia ada dan saya suka mengambil contoh bahawa Sekolah Premier di Parlimen Dungun ialah di Sekolah Menengah Tengku Intan Zaharah dan setakat ini kemudahan yang ada, kemudahan Bahasa Jepun lengkap bersama dengan guru, alhamdulillah tetapi Brassband yang berjumlah hampir RM100,000.00 belum ada guru dan pembangunan fizikal kemudahan asrama tambahan kepada Sekolah Premier di Sekolah Menengah Tengku Intan Zaharah ini belum lagi dimulakan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Terima kasih Yang Berhormat. Istilah Elit tadi tu ialah istilah di mana kita maksud bahawa pelajar-pelajar itu duduk di asrama, asrama disediakan 100 peratus sebagaimana di Mak Lagam dan juga di Lembah Bidong. Adapun Premier bermaksud bahawa budak ini berulang, tempat yang berdekatan dan kalau ada asramapun, asrama yang sedia ada, itu konsep asal sebab itu macam di Dungun itu sebenarnya dua buah, satu di kalau tak silap saya di Sultan Omar, rasanya lagi satu bererti kita akan buka di situ, jadi pelajar-pelajar ini berulang. Tetapi yang jauh sedikit, ada asrama sebahagiannya sahaja, jadi sebab itu dari segi asrama ini kita tumpukan di Sekolah Premier, yang kita tumpukan ialah pembangunan dari segi peralatan sebagai contoh komputer dan target kita ialah untuk Sekolah Premier, empat pelajar untuk satu komputer, di Sekolah Elit 2:1, nisbah dia. *Brassband* itu memang kita hantar dah, cikgu payah sikit yang nak mengajar ni yang di Elit dah ada. InsyaAllah, kita akan hantarlah cikgu yang nak mengajar *Brassband* ini payah rupanya. Terima kasih.

YANG BERHORMAT HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Soalan tambahan – Berdasarkan soalan yang dikemukakan bagi maksud untuk meningkatkan PMR, SPM dan juga STPM, Kerajaan Negeri mempunyai Sekolah-sekolah Agama Negeri, apakah Kerajaan Negeri tidak merancang untuk menjadikan kebanyakan Sekolah-sekolah Agama Negeri yang ada sebagai Sekolah-sekolah Elit dan juga Sekolah-sekolah Premier? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Buat masa ini Yang Berhormat kita telah merancang empat buah sekolah di bawah kelolaan Jabatan Agama Negeri dan juga Yayasan Terengganu, KOSPINT, KIST di Kuala Berang, di Dungun dan juga di Besut menjadi Sekolah Elit Kerajaan Negeri, yang tadi dua Elit itu Kerajaan Pusat, yang ini kita nilai tambah kita sendiri. Dan, begitu juga SMUSZA dengan

Qariah juga ditimbang sebagai Sekolah Primier. Jadi itu di dalam perancangan kitalah, insyaAllah.

YANG BERTAMBAH DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Yang Berhormat. Masa Soalan Lisan ada dua minit saja lagi. Saya mempersilakan Yang Berhormat Wakil Bukit Tunggai mengemukakan soalan.

YANG BERTAMBAH DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI (Wakil Kemasik): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mewakili Wakil Bukit Tunggai yang tidak dapat hadir ke Persidangan pada hari ini, soalan yang pertama –

Apakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan bersepadu di sekitar kawasan Kompleks Sukan, projek pembesaran Lapangan Terbang, pembinaan Taman Tamadun Islam dan pembangunan Pulau Duyong bagi membolehkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dan apakah jaminan Kerajaan dalam hal ini?

YANG BERTAMBAH HAJI WAN HISHAM BIN WAN SALLEH (Wakil Ladang): Dato' Yang Di Pertua, apabila Kerajaan merancang untuk membuat pembangunan di mana-mana tempat sudah pastinya pembangunan ini semestinya untuk memberi menafaat kepada rakyat sama ada melalui peluang pekerjaan ataupun peluang perniagaan. Kuala Nerus bertuah kerana mempunyai beberapa projek yang besar umpamanya Kompleks Sukan, Projek Pembesaran Lapangan Terbang, Pembinaan Taman Tamadun dan juga Pembangunan Pulau Duyong. Alhamdulillah, dari segi peringkat pembinaannya Kompleks Sukan dan Projek Pembesaran Lapangan Terbang telah diberi kepada kontraktor tempatan dan peluang pekerjaan untuk dua projek ini memberi peluang kepada lebih 500 orang untuk mendapat pekerjaan. Tetapi peluang pekerjaan untuk pembangunan hanya untuk masa yang singkat semasa pembinaannya sahaja ianya tidak melihat secara jangka panjang sebab itulah untuk Pembangunan Pulau Duyong dan sebagainya saya telah diarah oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk memastikan peluang-peluang pekerjaan di Pulau Duyong itu terutama kepada rakyat tempatan tetapi pembangunan kita hari ini telah meningkat ke *level* dengan izin, yang lebih tinggi lagi sebab itulah kemahiran diperlukan lebih tinggi sebab itu Yang Amat Berhormat telah mengarahkan saya supaya membuka Kelas Bahasa Inggeris terutama di Pulau Duyong dan juga Kelas ICT sebab ini merupakan kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk mendapat pekerjaan apabila siap projek-projek tersebut. Segala pembiayaan untuk kelas-kelas melatih kemahiran-kemahiran ini dibiayai oleh mereka ataupun syarikat-syarikat yang mendapat menafaat daripada pembangunan ini. Terima kasih.

YANG BERTAMBAH HAJI MUHAMMAD RAMLI BIN HAJI NUH (Wakil Tepoh): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, soalan tambahan – Dalam jawapan yang diberikan oleh Kerajaan, saya dengar tadi Kuala Nerus bertuah memperolehi banyak projek-projek, Lapangan Terbang, Kompleks Sukan dan berbagai yang lain yang disebutkan. Ini menggambarkan bahawa perlu kepada pentadbiran yang lebih cekap. Apakah Kerajaan bersedia untuk menjadi Kuala Nerus mempunyai pentadbiran yang sendiri khususnya Pihak Berkuasa Tempatnya sendiri? Terima kasih.

YANG BERHORMAT DATO' AHMAD BIN SAID (Wakil Kijal): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, sehingga kini Kerajaan tidak berhasrat untuk membahagikan pentadbiran Kuala Terengganu kepada dua bahagian kerana sebagaimana kita sedia maklum mana-mana PBT pada peringkat awalnya, Majlis asalnya Kerajaan Tempatan ini Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran dan Bandaraya. Dan, Terengganu juga bercita-cita pada suatu ketika nanti ada Majlis Bandaraya di Terengganu ini. Untuk mencapai tahap Bandaraya diperlukan 350,000 penduduk. Yang keduanya, mempunyai pendapatan tidak kurang RM80 juta, MPKT sekarang mempunyai pendapatan lebih RM30 juta. Saya tidak tahu adakah 10 tahun lagi mampu MPKT jadi Bandaraya dan sampai RM80 juta dan kalau dipecahkan lagi maka sampai bila-bila takkan ada Majlis Bandaraya di Terengganu ini. Terima kasih, Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mempersilakan yang terakhir Yang Berhormat Wakil Jabi mengemukakan soalan.

YANG BERHORMAT HAJI RAMLAN BIN ALI (Wakil Jabi): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua Dewan, soalan satu -

Membasmi kemiskinan adalah agenda utama Kerajaan Negeri Terengganu.

- a) *Sila nyatakan taburan kemiskinan mengikut pecahan DUN-DUN?*
- b) *Sila nyatakan jumlah kemiskinan ibu tunggal yang hidupnya diparas kemiskinan?*
- c) *Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membasmi kemiskinan?*

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Dato' Yang Di Pertua, terima kasih kepada Wakil Jabi yang ingin tahu tentang kemiskinan di DUN-DUN. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, taburan kemiskinan mengikut DUN-DUN sebenarnya di dalam peringkat kemaskini. Walau bagaimanapun, yang ada dengan saya kita ada data-data iaitu DUN Wakaf Mempelam, sebelum itu saya ingin memberi definasi miskin dan termiskin. Miskin ialah golongan yang berpendapatan RM529.00 sebulan ataupun pendapatan perkapitanya dalam keluarga tersebut ialah RM115 perkapita. Dan, yang termiskin iaitu mereka yang berpendapatan RM264.50 sebulan dan pendapatan perkapita dalam keluarga ialah RM57.50 sebulan. Jadi daripada pendapatan tersebut dan untuk makluman Dewan yang mulia juga bahawa dalam negara kita khususnya di negeri kita, kita ada tiga jenis golongan miskin. Yang pertama, kita namakan golongan yang miskin daif dan ini mereka tak boleh memikir cara untuk mendapat kewangan dan mereka ini terpaksa dibantu terutama contohnya sebagaimana yang dilakukan oleh JKM membantu orang kurang upaya, orang cacat, orang yang terlantar dan sebagainya ini memang wajib dibantu oleh Kerajaan. Yang kedua, golongan yang miskin tetapi produktif. Mereka muda, mereka masih ada tenaga dan ini kita akan bantu dalam bentuk dan kemampuan yang mereka minat. Dan yang ketiga, yang

dikatakan jugak miskin relatif iaitu golongan miskin yang bergantung kepada pendapatan semasa. Contohnya, kalau penoreh getah sekarang harga getah meningkat maka mereka ini tidak miskin lagi tapi bila harga getah menurun mereka ini masuk golongan miskin, jadi ini miskin relatif. Jadi data-data kemiskinan kalau boleh saya baca Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, untuk DUN Wakaf Mempelam yang termiskin 159

<u>Bil.</u>	<u>DUN</u>	<u>Jumlah (Keluarga) Termiskin</u>	<u>Jumlah (Keluarga) Miskin</u>
1.	<u>Daerah Kuala Terengganu:</u>		
	Wakaf Mempelam	159	65
	Bandar	(Dalam proses kemaskini)	
	Ladang	74	54
	Batu Burok	193	108
	Seberang Takir	122	78
	Tepoh	70	19
	Teluk Pasu	77	57
	Bukit Tunggal	88	51
	Manir	88	50
	Batu Rakit	46	2
2.	<u>Daerah Kemaman:</u>		
	Air Putih	271	485
	Cukai	287	576
	Kijal	219	454
	Kemasik	163	494
	<u>Daerah Dungun:</u>		
	Bukit Besi	867	364
	Rantau Abang	794	172
	Sura	512	118
	Paka	639	188
3.	<u>Daerah Besut:</u>		
	Jerteh	225	288
	Kuala Besut	464	214
	Kota Putera	360	79
	Hulu Besut	637	631
	Jabi	436	317

4. Daerah Marang:

Alur Limbat	285	146
Bukit Payong	184	89
Rhu Rendang	548	232
Pengkalan Berangan	674	435

5. Daerah Setiu: (Masih Dalam Proses Data)

Permaisuri	801	384
Langkap	517	324

6. Daerah Hulu Terengganu: (Data dalam proses)

Telemong)	
Ajil)	Masih dalam proses tidak ada data pada hari ini.
Kuala Berang)	

Kemudian dalam soalan yang kedua, ingin bertanyakan taraf kemiskinan ibu tunggal. DUN Jabi ingin mengetahui data kemiskinan berkaitan dengan ibu tunggal. Sebenarnya data ibu tunggal kita tidak ada yang miskin, sebenarnya bukan tidak ada ibu tunggal yang miskin, kita tidak ada data khusus untuk ibu tunggal kerana pembelaan yang kita lakukan ialah bagi mereka yang miskin kita bela, sama ada mereka yang ibu tunggal ataupun mereka yang tidak tunggal kita bela keseluruhannya dengan memberi peluang-peluang ataupun apa yang didapati oleh orang lain jugak akan didapati oleh ibu-ibu tunggal ini. Dan, soalan (c), langkah-langkah yang kita sediakan untuk membasmi ataupun untuk mengatasi masalah kemiskinan sama ada rakyat ataupun ibu tunggal ataupun siapa saja di negeri ini sebenarnya banyak, salah satunya sebagaimana yang saya terangkan tadi menyediakan suatu ciptaan baru kepada pengayuh-pengayuh beca untuk meringankan beban dan tugas kerja harian mereka. Yang kedua, kita juga menyediakan bantuan rumah yang selesa kepada golongan miskin ini iaitu bernilai RM10,200.00 untuk pembinaan rumah baru yang menggunakan ALC dan untuk baiki RM5,190.00. Alhamdulillah, sambutannya cukup menggalakkan. Kita juga menyediakan Pemakanan Tambahan Seimbang untuk kanak-kanak di peringkat sekolah untuk menambah zat di samping apa yang telah disediakan oleh pihak Jabatan Pelajaran dengan menyediakan RMT dan sebagainya. Yang ketiga, kita juga kerana kita golongan miskin ini bukan sahaja miskin dari segi harta tetapi kita dapati kebanyakan mereka asas kemiskinan berpunca daripada miskin akal, miskin iniatif dan miskin cara berfikir. Kita di bawah UPEN, di bawah agensi-agensi Kerajaan, KETENGAH dan sebagainya menyediakan peluang ataupun kursus-kursus motivasi kepada ketua isi rumah agar mereka dapat mengubah, agar mereka dapat membuat/mempunyai suatu hala tuju untuk mengubah nasib mereka kerana Allah berfirman (membaca Surah Ar-Ra'd ayat 11) "Mereka kena ubah diri mereka sendiri". Kalau Kerajaan sendiri bersungguh-sungguh tanpa usaha, tanpa daya dan tanpa kehendak mereka maka tidak ada makna ataupun hasrat dan cita-cita Kerajaan tidak akan tercapai. Yang seterusnya, kita juga menyediakan Program Peningkatan Pendapatan melalui aktiviti berniaga kecil-kecilan, melalui agensi-agensi Kerajaan Negeri umpamanya YPK, kita menyediakan modal, menyediakan tunjuk

ajar untuk menjadi peniaga. Kita juga berterima kasih kepada Amanah Ikhtiar Malaysia yang masuk kampung keluar kampung membela golongan miskin dan golongan yang kurang berada ini untuk mengangkat martabat mereka dan kita juga ada di bawah Yayasan Tekun membantu golongan-golongan ini. Kemudian yang akhir sekali, kita juga menyediakan latihan dan kursus-kursus kemahiran kepada anak-anak PPRT, anak-anak miskin, Kursus Perkapalan kursus yang mempunyai jaminan pekerjaan ertinya apabila anak-anak miskin ini dihantar ke tempat kursus-kursus tersebut dan penyedia kursus memberi jaminan bahawa anak-anak ini tidak akan menganggur ataupun tidak akan terbiar sehingga berakhir kursus mereka. Jadi alhamdulillah, setakat ini kita telah berjaya memastikan anak-anak yang telah kita lahirkan ataupun anak-anak yang kita latih ini telah mendapat pekerjaan. Dan ini sekurang-kurangnya akan menyumbang mengangkat untuk menambah pendapatan isi rumah ataupun keluarga mereka pada masa depan. Itu sahaja Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana perjalanan Dewan kita pada pagi ini berjalan dengan baik dan masa Soalan Lisan telahpun selesai mungkin malam tadi hujan lebat, angin bertiup kencang dan juga barangkali guruh kedengaran jadi jerebu tidak ada lagi di Terengganu.(Tepukan Sokongan)

Jadi saya berhasrat untuk meneruskan Persidangan Dewan kita pada pagi ini dengan Tertib Pekerjaan seterusnya.

**ENAKMEN UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU
(BAB YANG PERTAMA)(PINDAAN) 2005**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen Bagi Meminda Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama), dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT ENCIK ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA
UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG
PERTAMA), DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Bagi Meminda Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama), dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Fasal LXV Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama).

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan kuasa Duli Yang Maha Mulia Sultan untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda Syarat (1) Fasal LXV Undang-Undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu (Bab Yang Pertama) yang membolehkan Pencetak Kerajaan mencetak semula Perlembagaan Negeri berserta dengan segala pindaannya. Oleh kerana Pencetak Kerajaan sudah tidak wujud lagi, maka pindaan yang dicadangkan memberi kuasa kepada pihak berkuasa yang dilantik di bawah undang-undang, dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia, untuk membenarkan pencetakan semula Perlembagaan Negeri. Pindaan ini dibuat menurut peruntukan Perkara 160A Perlembagaan Persekutuan.

Implikasi Kewangan: Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan apa-apa wang tambahan.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin berucap? Tiada.

Cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA), DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA) TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Bacaan Kali Yang Ketiga

YANG BERTHORMAT DATO' ROSOL BIN WAHID (Wakil Ajil): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan.

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

YANG BERTHORMAT ENCIK ASHA'ARI BIN IDRIS (Wakil Langkap): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN BAGI MEMINDA UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA).

MAKA INILAH DIPERBUAT OLEH KUASA UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN MENGIKUT SYARAT (3) FASAL LXI UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA) SEPERTI BERIKUT:

1. (1) ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN UNDANG-UNDANG BAGI DIRI KERAJAAN TERENGGANU (BAB YANG PERTAMA)(PINDAAN) 2005.

(2) ENAKMEN INI HENDAKLAH MULA BERKUAT KUASA PADA TARIKH YANG DITETAPKAN OLEH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN MELALUI PEMBERITAHUAN DALAM WARTA.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 1/2005.

**ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN
AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (SARAAN)
(PINDAAN) 2005**

Bacaan Kali Yang Pertama

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh. Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Untuk Meminda Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980, dibaca bagi kali yang pertama.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA
ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN
NEGERI (SARAAN) 1980, DIBACA BAGI KALI YANG PERTAMA.

Bacaan Kali Yang Kedua

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong): Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang Bernama Suatu Enakmen Untuk Meminda Enakmen Anggota Pentadbiran Dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980, dibaca bagi kali yang kedua.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980 ("Enakmen Tr.9/80").

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

Fasal 2, 3 dan 4 bertujuan untuk meminda seksyen 3, 4 dan 6 Enakmen Tr.9/80 untuk mengadakan peruntukan bagi kenaikan saraan bulanan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Di Pertua dan Anggota-Anggota Pentadbiran.

Fasal 5 bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi tarikh gaji dan elaun bulanan yang disebut dalam fasal 2, 3 dan 4 menjadi kena dibayar kepada orang yang dinyatakan dalam fasal-fasal itu.

Implikasi Kewangan: Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan):
Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih, Rang Enakmen ini telah mendapat sokongan bagi bacaan kali yang kedua, sekarang saya buka untuk perbahasan. Ada sesiapa Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian, sila angkat tangan? Tiada.

Cadangan supaya Rang Undang-Undang ini dibaca bagi kali yang kedua dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (SARAAN) 1980, DIBACA BAGI KALI YANG KEDUA.

Dalam Jawatankuasa

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Mesyuarat sekarang menjadi Jawatankuasa.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (SARAAN) 1980, TELAH DITIMBANGKAN DARI SATU SEKSYEN KE SATU SEKSYEN DAN TELAH DIPERSETUJUI TANPA PINDAAN DENGAN SUARA TERBANYAK.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Mesyuarat balik semula.

Racaan Kali Yang Ketiga

YANG BERHORMAT DATO' DR. HAJI ABDUL LATIFF BIN AWANG (Wakil Bukit Payong):
Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya maklumkan bahawa Rang Enakmen ini telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan.

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

YANG BERHORMAT ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD (Wakil Pengkalan Berangan):
Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon menyokong cadangan itu.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Terima kasih.

Cadangan supaya Rang Enakmen ini dibaca bagi kali yang ketiga dihadapkan kepada mesyuarat dan dipersetujui dengan suara terbanyak.

RANG UNDANG-UNDANG BERNAMA SUATU ENAKMEN UNTUK MEMINDA ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (SARAAN) 1980.

MAKA INILAH DIPERBUAT OLEH KUASA UNDANGAN NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN SEPERTI BERIKUT:

1. (1) ENAKMEN INI BOLEHLAH DINAMAKAN ENAKMEN ANGGOTA PENTADBIRAN DAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (SARAAN)(PINDAAN) 2005.

(2) ENAKMEN INI DISIFATKAN TELAH MULA BERKUAT KUASA PADA 1 JANUARI 2004.

YANG BERTHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Rang Enakmen ini diluluskan dan menjadi Enakmen Bilangan 2/2005.

TANGGUHAN

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Yang Di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Persidangan Dewan **ditangguhkan** kepada suatu masa yang akan ditetapkan kemudian.

YANG BERHORMAT DATO' YANG DI PERTUA: Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguhkan Persidangan Dewan hari ini, saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas kerjasama yang telah diberi selama tempoh dua hari kita bersidang.

Sekarang saya tangguhkan Persidangan Dewan ini ke suatu masa dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian dan marilah kita sama-sama membaca Surah Al-Asr'.

DEWAN DITANGGUHKAN PADA PUKUL 11.06 PAGI.



LAMPIRAN



**JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS BAGI
MESYUARAT YANG KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS**

PADA 23 DAN 24 OGOS, 2005

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 23 DAN 24 OGOS 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1. (a)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI MOHAMAD @ ABU BAKAR BIN ALI
WAKIL KEMASIK

- SOALAN 1 : Tandas Awam adalah keperluan yang sangat penting kepada rakyat dan ia menjadi imej negeri ini.
- a) Sila sebutkan berapakah jumlah tandas awam yang terdapat di seluruh negeri ini mengikut pecahan daerah.
 - b) Berapakah jumlah pemajak tandas awam dikenakan tindakan kerana gagal menjaga kebersihan.
 - c) Berapakah kos yang terpaksa ditanggung Kerajaan Negeri bagi menyelenggarakan tandas awam di negeri ini.

JAWAPAN : a) Jumlah tandas awam mengikut pecahan daerah:

	Pihak Berkuasa Tempatan	Jumlah Tandas
1.	Majlis Perbandaran Kuala Terengganu	30 buah
2.	Majlis Perbandaran Kemaman	13 buah
3.	Majlis Daerah Dungun	9 buah
4.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	10 buah
5.	Majlis Daerah Besut	7 buah
6.	Majlis Daerah Marang	13 buah
7.	Majlis Daerah Setiu	12 buah

- b) Tiada
- c) Kos yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri bagi menyelenggara tandas awam adalah sebanyak RM307,000.00 setahun.

Pihak Berkuasa Tempatan		Peruntukan (RM)
1.	Majlis Perbandaran Kuala Terengganu	120,000.00
2.	Majlis Daerah Dungun	36,000.00
3.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	36,000.00
4.	Majlis Daerah Besut	43,000.00
5.	Majlis Daerah Marang	42,000.00
6.	Majlis Daerah Setiu	30,000.00
JUMLAH		307,000.00

SOALAN 2 : Terengganu amat popular dengan produk makanan tradisional seperti keropok lekor, nasi dagang dan sebagainya.

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan lagi pemasaran produk tersebut, khususnya di kalangan pelancong.
- b) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyusun semula lokasi pengeluaran produk tersebut seperti di Kampung Losong.
- c) Apakah usaha yang dilakukan Yayasan Pembangunan Usahawan dalam mempromosikan produk tersebut.

JAWAPAN : a) Pihak Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah meningkatkan aktiviti pemasaran dan produk makanan tradisional. Antaranya ialah dengan mengadakan program promosi sama ada di dalam atau di luar Negeri Terengganu seperti mengadakan Terengganu Showcase yang diadakan sebanyak 4 kali setahun dengan memfokuskan aktiviti jualan dan pensampelan produk. Pihak Kerajaan Negeri telahpun mengadakan program tersebut di Shah Alam, Pulau

Pinang, Johor Bahru dan akan diadakan tidak lama lagi di Kuala Lumpur.

Program promosi turut dipertingkatkan lagi melalui beberapa penyertaan dalam acara-acara luar sama ada Peringkat Kebangsaan dan juga Peringkat Antarabangsa seperti penyertaan dalam Malaysian International Halal Showcase (MIHAS) & Malaysian International Food & Beverages (MIFB) di Kuala Lumpur serta program Citra Rasa di Pulau Pinang.

Di samping itu juga beberapa aktiviti lain turut diadakan bagi meningkatkan lagi kegiatan promosi ialah dengan mengadakan program francais seperti memfrancaiskan keropok lekor dan nasi dagang melalui program T'Lekor & T'Dagang. Pada peringkat awal pihak Kerajaan Negeri telahpun melancarkan program ini di dua tempat utama iaitu di Lapangan Terbang Sultan Mahmud dan Restoran Terapung Puteri. Pelancaran ini turut dibuat di luar Negeri Terengganu seperti di Kampus Universiti Lim Kok Wing yang dilancarkan oleh YAB. Dato' Seri Perdana Menteri Sendiri pada 11 Ogos 2005.

Hasil daripada program ini, kiosk-kiosk T'Lekor sebagai contohnya telah mula berkembang sayapnya ke Lembah Kelang dan Pulau Pinang.

Di samping itu juga pihak Kerajaan Negeri turut memperkenalkan program T'Brand iaitu satu usaha mempromosikan makanan tradisional Terengganu dengan penampilan identiti T'Brand dan mempertingkatkan tahap pembungkusan dan perlabelan produk ke arah yang lebih global. Setakat ini sebanyak 12 jenis produk telah dipertingkatkan pembungkusan dan perlabelannya dengan penampilan imej yang baru.

Terdapat usaha yang lebih gigih yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam mempromosikan produk makanan tradisional ialah dengan mewujudkan Kompleks Makan Tradisional Terengganu (KMTT) yang terletak di Padang Shah Bandar bagi mempromosikan makanan tradisional tersebut kepada para pelancong yang datang ke Terengganu. Di samping itu juga, pakej-pakej makanan tradisional ini juga turut diseragamkan dengan menggunakan produk kraft

seperti anyaman pandan dan mengkuang sebagai pakej pembungkusan yang menarik seperti dalam bentuk-bentuk hamper dan kotak hadiah (gift box) yang dapat menarik minat para pelancong sama ada dalam mahupun luar negeri.

Di samping itu juga pihak Kerajaan Negeri turut membuat koordinasi dengan Persatuan Pelancongan dan Persatuan Pemandu-pemandu Pelancong iaitu dengan menyediakan pakej makanan tradisional sebagai gift yang disumbangkan oleh agensi pelancongan kepada para pelancong yang menggunakan perkhidmatan mereka. Turut diadakan program Festival Makanan Tradisional yang diadakan baru-baru ini sebagai salah satu usaha menarik minat para pelancong tempatan dan luar negeri menikmati dan merasai makanan tradisional Terengganu.

Pihak Kerajaan Negeri merasakan tidak lengkap sekiranya produk-produk ini tidak diiklan. Maka pihak Kerajaan Negeri melalui usaha yang dibuat oleh YPU turut mempromosi dan mengiklankan produk makanan tradisional ini dalam 'Halal Pages'. Terdapat juga beberapa liputan dan kenyataan akhbar yang dibuat bagi mengetengahkan makanan tradisional ini. Dan InsyaAllah pihak Kerajaan Negeri akan berusaha dengan lebih gigih lagi bagi mempromosikan dan meningkatkan pasaran serta jualan produk-produk tersebut.

- b) Penyusunan semula lokasi pengeluaran produk makanan tradisional adalah suatu cadangan yang baik, walau bagaimanapun pihak Kerajaan Negeri lebih memandang bahawa perlu mengambil tindakan yang lebih efisien iaitu dengan mengekalkan lokasi asal mereka tetapi membuat perubahan melalui kaedah menyelaras, menyelenggara dan mengkoordinasikan industri-industri pengeluaran produk makanan yang telah tersedia ada ini dengan membuat penampilan dan penukaran imej yang lebih menarik sehingga ke suatu tahap yang boleh dibanggakan.

Jika dilihat sejarah, kewujudan lokasi-lokasi pengeluaran produk makanan tradisional tersebut adalah timbul di kawasan yang mempunyai kelebihan dan kemudahan sumber untuk penghasilan produk

berkenaan. Ini termasuk kemudahan mendapatkan tenaga kerja penduduk setempat yang mempunyai kemahiran dalam bidang berkenaan. Tambahan pula lokasi-lokasi yang ada ini telah terkenal dan dikenali umum. Oleh yang demikian adalah menjadi kepayahan kepada pengusaha untuk berpindah dan beralih daripada tempat yang sedia ada dengan tahap keselesaan mereka yang tersendiri. Begitu juga soal pelanggan, adalah menjadi kerumitan dan kepayahan kepada sesetengah pelanggan untuk beralih tempat. Kadangkala mereka lebih selesa membeli di lokasi yang tersedia ada.

Namun begitu, ini tidak bererti pihak Kerajaan Negeri tidak langsung akan membuat cadangan merelokasikan industri-industri ini. Pihak Kerajaan akan juga mengadakannya tetapi secara beransur-ansur dan mengikut keperluan semasa di tempat berkenaan. Cadangan relokasi ini akan mengambil masa yang agak panjang dengan membuat pelan perancangan yang rapi terlebih dahulu.

Sehubungan dengan itu, pihak Kerajaan Negeri dalam masa yang terdekat ini akan mengambil tindakan yang lebih cepat iaitu dengan menyelaras dan menyelenggara kembali lokasi pengeluaran produk makanan yang tersedia ada dengan menampilkan imej baru seperti membantu memperelokkan gerai yang ada, menyediakan papan tanda (signboard / signage), penekanan kebersihan, penggunaan peralatan yang diseragamkan dari segi pembungkusannya, pemberian bantuan mesin dan peralatan dan sebagainya.

Antara beberapa tempat yang dikenalpasti untuk diberi imej baru ini ialah seperti perusahaan Keropok Losong. Maka pihak Kerajaan Negeri akan membina pintu gerbang di kedua-dua laluan masuk ke perkampungan ini dengan memperkenalkannya sebagai Perkampungan Keropok Losong. Setiap pengusaha akan dibekalkan signboard yang diseragamkan termasuk penggunaan pakaian seragam, apron, topi dan sebagainya termasuk keseragaman pembungkusan keropok. Perkampungan ini juga akan dihiasi dengan replika-replika yang menarik yang menggambarkan ianya adalah sebuah perkampungan yang terkenal dengan memproses keropok.

Begitu juga tindakan yang sama akan diambil seperti Perkampungan Lemang di Kijal, Perkampungan Dodol Daun Palas di Batangan Marang, Perkampungan Otot-otot di Besut dan Kemaman, Pulut Lepa di Ladang dan sebagainya.

Pihak Kerajaan Negeri menganggarkan tindakan ini mampu menarik minat para pelancong tempatan mahupun luar untuk berkunjung ke kawasan-kawasan perkampungan penghasilan produk makanan tradisional ini sebagai salah satu pusat tarikan pelancongan dan pengeluaran makanan yang berpotensi.

- c) Terengganu sememangnya terkenal dengan produk makanan tradisional seperti keropok lekor, nasi dagang dan sebagainya. Di antara usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPU) dalam mempromosikan produk tersebut ialah :-
- i) YPU telah melancarkan jenama 'T'Lekor' dan 'T'Dagang' bertempat di perkarangan Lapangan Terbang Sultan Mahmud dan disempurnakan oleh YAB. Menteri Besar Terengganu. Siri pembukaan kiosk/cawangan seterusnya akan dilakukan secara berperingkat sama ada di dalam Negeri Terengganu khususnya dan Malaysia amnya.
 - ii) YPU telah mengambil langkah bagi mempromosi dan memperkenalkan logo 'T' sebagai salah satu jenama khas bagi produk keluaran Negeri Terengganu, terutamanya produk tradisional meliputi makanan tradisional, kraftangan dan tekstil.
 - iii) Memperkenalkan dan memperluaskan produk makanan tradisional sebagai cenderahati khasnya bagi jabatan/agensi Kerajaan Negeri Terengganu.
 - iv) YPU masih dalam tindakan mewujudkan Portal Usahawan Terengganu bagi memberi peluang kepada para usahawan tempatan untuk

mempromosikan produk mereka melalui internet selaras dengan pembangunan Teknologi Maklumat (IT).

- v) Promosi melalui Buletin SADSI (Satu Daerah Satu Industri), dimana pengeluarannya adalah secara berkala sebanyak 4 kali setahun. Buletin ini merangkumi promosi produk usahawan Terengganu, maklumat keusahawanan serta pembangunan Negeri Terengganu.
- vi) Mengiklankan dan mempromosikan produk makanan tradisional Terengganu di dalam "HALAL PAGES" serta majalah berkaitan.

SOALAN 3 : Terengganu mungkin akan menjadi tuan rumah kepada Sukan Malaysia (SUKMA) 2008.

- a) Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk melahirkan atlit-atlit bagi menghadapi temasya sukan tersebut.
- b) Berapakah peruntukan yang disediakan bagi keperluan penganjur SUKMA dan jangkaan pulangan kepada Kerajaan Negeri.
- c) Apakah galakan yang diberi oleh Kerajaan kepada atlit-atlit Anak Terengganu yang kini mencungkil nama di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.

JAWAPAN : a) Untuk melahirkan atlit-atlit bagi menghadapi Temasya SUKMA 2008, Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri telah mewujudkan beberapa program. Antaranya ialah :-

i) Program Tunas Harapan

Program latihan jangka panjang ini melibatkan atlit-atlit remaja berumur 9 hingga 14 tahun dari seluruh negeri. Seramai lebih kurang 850 orang remaja telah terlibat menjalani latihan secara berterusan di 14 buah pusat latihan di semua daerah dalam 7 jenis sukan iaitu Golf, Lumba Basikal, Memanah, Ping Pong, Sepak Takraw, Taekwando dan Tenis di bawah kendalian jurulatih terlatih yang dibayar elaun bulanan.

Bagi tahun 2005, sebanyak 5 jenis sukan lagi akan diserapkan di dalam program ini melibatkan sukan Olahraga, Menembak, Tinju, Bowling Padang dan Badminton.

Sebanyak RM250,000.00 telah diperuntukkan bagi melaksanakan program ini untuk tahun 2005.

ii) Program Bintang Cemerlang

Program ini adalah program kesinambungan dari Program Tunas Harapan. Atlit-atlit cemerlang diberikan bantuan kewangan bulanan bagi menampung kos latihan mereka sama ada berlatih di dalam negeri mahu pun di luar Negeri Terengganu.

Selain daripada itu, bakat-bakat yang dikenalpasti melalui Kejohanan Sekolah-sekolah dan Kejohanan Kebangsaan turut diambil kira untuk dimasukkan ke dalam program ini.

Sebanyak RM100,000.00 diperuntukkan bagi melaksanakan program ini untuk tahun 2005.

iii) Program Bersama Persatuan-persatuan Sukan

Program mengenalpasti bakat bersama Persatuan-persatuan Sukan diadakan sepanjang tahun seperti Kem-kem Bakat, Ujian Kecerdasan Atlit, menganjurkan kejohanan-kejohanan peringkat Negeri selain penyertaan ke kejohanan Peringkat Kebangsaan bagi tujuan menguji tahap pencapaian atlit tersebut.

Jurulatih-jurulatih yang terlibat sentiasa didedahkan dengan kaedah latihan terkini dengan mengadakan Kursus, Seminar, Bengkel dan Klinik Sukan.

- b) Peruntukan yang disediakan bagi menjalankan kerja-kerja operasi SUKMA ialah sebanyak RM20 juta dan ini tidak termasuk kos penyediaan infrastruktur yang dianggarkan berjumlah hampir RM400 juta.

Pulangan kepada Kerajaan Negeri sukar dilihat secara spesifik dalam bentuk wang ringgit. Dengan kehadiran seramai 12,000 ahli kontinjen yang bertanding akan mendatangkan pulangan dari aspek ekonomi seperti jualan produk barangan tempatan, hotel serta promosi produk pelancongan.

- c) Antara galakan yang diberikan oleh kerajaan kepada atlit-atlit Anak Terengganu yang kini mencungkil nama di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa ialah :-

i) Skim Hadiah Kemenangan (SHAKE)

SHAKE ialah skim insentif yang diberikan kepada atlit yang berjaya memenangi pingat di Kejohanan Kebangsaan dan Antarabangsa. Jumlah yang diperuntukkan adalah sepertimana di **LAMPIRAN I**.

ii) Skim Wakil Negara (SWARA)

Di bawah Skim ini, atlit yang terpilih mewakili Negara ke kejohanan Antarabangsa akan diberikan insentif sepertimana berikut :-

PERINGKAT		KATEGORI	
		Individu	Berpasukan (Melebihi 5 orang)
1.	<u>DUNIA</u> Sukan Olimpik Sukan Dunia Remaja Lain-lain Kejohanan	RM3,000.00 RM2,000.00 RM1,000.00 RM 500.00	RM1,500.00 RM1,000.00 RM 500.00 RM 300.00

2.	<u>ASIA</u>		
	Sukan Asia/Komanwel	RM1,000.00	RM 500.00
	Bertaraf Asia	RM 700.00	RM 400.00
	Remaja	RM 500.00	RM 300.00
	Lain-lain Kejohanan	RM 300.00	RM 200.00
2.	<u>ASEAN</u>		
	Sukan SEA	RM 500.00	RM 300.00
	Bertaraf ASEAN	RM 300.00	RM 250.00
	Remaja	RM 250.00	RM 200.00
	Lain-lain Kejohanan	RM 200.00	RM 150.00

iii) Program Bintang Cemerlang

Melalui program ini, atlit terpilih akan diberikan elaun bulanan antara RM100.00 hingga RM150.00 untuk digunakan bagi menampung keperluan latihan seperti makanan dan peralatan tambahan.

iv) Mewujudkan Peluang Pekerjaan

Atlit cemerlang ditawarkan pekerjaan secara kontrak dengan dibayar elaun bulanan sebanyak RM550.00 hingga RM650.00.

SOALAN 4 : Terengganu sememangnya kaya dengan nilai seni seperti rodan, uluk mayang dan sebagainya.

- a) Apakah usaha kerajaan Negeri dalam memelihara khazanah seni ini.
- b) Apakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan khusus bagi memastikan kumpulan budaya ini terus hidup.
- c) Apakah langkah Kerajaan Negeri bagi meneruskan tradisi ini kepada generasi muda.

JAWAPAN : a) i. Kerajaan Negeri melalui Muzium Negeri sedang membuat kajian tentang segala bentuk kesenian yang terdapat di seluruh Negeri Terengganu. Pada masa kini pihak Muzium telah menjemput

semua Kumpulan/Badan Seni yang ada di seluruh negeri mengadakan persembahannya setiap hari Ahad di Perkarangan Muzium Negeri Terengganu dimana kesemua persembahan ini didokumentasikan untuk dijadikan bahan rujukan generasi kini dan akan datang.

- ii. Selain daripada itu, pihak Muzium akan menubuhkan Briged Seninya sendiri yang bermatlamatkan untuk memelihara, memperkembang dan memperkasakan Kesenian Negeri Terengganu.
 - iii. Selain Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan juga telah menyedia/ mengaturkan pelbagai program bagi memastikan khazanah seni di Terengganu sentiasa dipelihara antaranya ;
 - Pekan/Karnival Budaya Daerah
 - Program Merakyatkan Seni
 - Aprisiasi Seni
 - Program Tunas Budaya (Sekolah-sekolah)
 - Kelab Budaya Sekolah
 - Promosi Kebudayaan di negeri-negeri
- b) Kerajaan Negeri ada menyediakan peruntukan kepada Kumpulan / Badan Budaya dan bentuk kewangan bergantung kepada keperluan dan keutamaan. Kerajaan Negeri juga telah menyalurkan sejumlah peruntukan kepada Daerah-daerah bagi menjayakan program Pekan/Karnival Budaya Daerah di mana semua aktiviti seni, budaya dan warisan yang terdapat di daerah berkenaan akan dipersembahkan semasa program tersebut. Di samping itu juga, Kerajaan Pusat melalui Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri ada menyediakan peruntukan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti Merakyatkan Seni dan Aprisiasi Seni di daerah-daerah.
- c) i. Bagi memastikan kesinambungan tradisi ini berkekalan untuk generasi akan datang, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan telah menyediakan pelan dan inventori budaya bagi mengenalpasti semua aktiviti dan penggiat-penggiat seni di daerah-daerah.

- ii. Kerajaan Negeri juga telah memberi tumpuan di dalam pembangunan kesenian mengikut kekuatan yang ada di daerah masing-masing.
- iii. Di samping itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama jabatan-jabatan berkaitan sentiasa mengadakan bengkel, latihan dan pelbagai pertandingan berkaitan kesenian tempatan di antara sekolah-sekolah atau Kumpulan/Badan Kebudayaan.
- iv. Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mengadakan Anugerah Tokoh Budaya Negeri sebagai pengiktirafan kepada semua penggiat-penggiat seni di Terengganu yang telah berjasa dalam pembangunan dan pemeliharaan warisan negeri.

SOALAN 5 : Pengangkutan Awam memainkan peranan penting kepada rakyat negeri ini.

- a) Sila sebutkan jumlah pengangkutan awam seperti bas, beca dan kereta sewa mengikut pecahan daerah.
- b) Apakah Kerajaan Negeri berpuas hati dengan tahap Perhentian Teksi dan Perhentian Bas sedia ada.

JAWAPAN : a) Jumlah kereta sewa, bas dan beca mengikut pecahan sebagaimana berikut :-

Jumlah Kereta Sewa

(i)	Besut	:	286 buah
(ii)	Dungun	:	60 buah
(iii)	Kemaman	:	117 buah
(iv)	Kuala Terengganu	:	233 buah
(v)	Marang	:	103 buah
(vi)	Hulu Terengganu	:	129 buah
(vii)	Setiu	:	65 buah

Jumlah Beca

- (i) Kuala Terengganu:
 - Beca Biasa : 60 buah
 - Beca Elektrik : 20 buah
- (ii) Kemaman:
 - Beca Biasa : 15 buah
- (iii) Besut:
 - Beca Biasa : 20 buah

Manakala daerah-daerah lain tiada kenderaan beca.

Jumlah Bas

- (i) Besut: 52 buah
 - Bas Pekerja : 2
 - Bas Sekolah : 41
 - Bas Henti-henti : 19
- (ii) Dungun: 80 buah
 - Bas Pekerja : 9
 - Bas Sekolah : 11
 - Bas Henti-henti : 60
- (iii) Kemaman: 144 buah
 - Bas Ekspres : 12
 - Bas Pekerja : 42
 - Bas Sekolah : 73
 - Bas Henti-henti : 17
- (iv) K. Terengganu: 510 buah
 - Bas Ekspres : 54
 - Bas Pekerja : 68
 - Bas Sekolah : 169
 - Bas Henti-henti : 189
 - Bas Mini : 30

(v) Marang: 60 buah

- Bas Pekerja : 17
- Bas Sekolah : 43

(vi) Hulu Terengganu: 33 buah

- Bas Pekerja : 5
- Bas Sekolah : 28

(vii) Setiu: 42 buah

- Bas Ekspres : 10
- Bas Sekolah : 21
- Bas Henti-henti : 11

b) Kerajaan Negeri masih belum berpuashati dengan tahap perhentian teksi dan perhentian bas yang sedia ada khusus bagi keselesaan penumpang di ruang menunggu, papan tanda perjalanan dan tahap kebersihan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pengangkutan Awam Negeri pada 9 Mei 2005 yang lalu telah menyarankan kepada Pegawai-pegawai Daerah supaya mengenalpasti tapak stesen bas, teksi yang baru bagi daerah yang belum ada stesen berkenaan manakala stesen bas yang sedia ada perlu disenaraikan kekurangan-kekurangan yang ada untuk dibawa berbincang dalam mesyuarat akan datang dan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri langkah-langkah yang patut diambil bagi memberi keselesaan kepada stesen-stesen bas dan teksi sedia ada serta tahap kebersihan. Masalah ini akan diselesaikan secara berperingkat-peringkat dari semasa ke semasa.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 23 DAN 24 OGOS 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1. (b)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI MOHD NASIR BIN IBRAHIM @ IBRAHIM FIKRI
WAKIL BUKIT TUNGGAL

- SOALAN 1 : a. Sehingga Jun Tahun 2005 berapakah syarikat-syarikat MLVK yang telah berdaftar untuk Skim Dana Khas Kerajaan Persekutuan mengikut kawasan Parlimen di Terengganu.
- b. Senaraikan syarikat-syarikat yang telah mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu untuk menjalankan latihan-latihan tersebut.
- JAWAPAN : a. Tiada Syarikat-syarikat MLVK yang telah mendaftar untuk Skim Dana Khas Kerajaan Persekutuan.
- b. Tiada syarikat-syarikat yang mendapat kelulusan Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu untuk menjalankan latihan-latihan tersebut.
- SOALAN 2 : Apakah kedudukan penubuhan Universiti Darul Iman dan persiapan-persiapan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri dari segi pembinaan Kampus dan pengambilan tenaga kerja.
- JAWAPAN : Kerajaan Negeri bersama Kementerian Pengajian Tinggi masih diperingkat perancangan untuk memastikan Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) dapat dimulakan, sebagaimana pengumuman oleh Y.A.B. Perdana Menteri iaitu pada Januari 2006, di Kampus Sementara di Kolej Sri Iman Kuala Terengganu. Adapun dari segi pembinaan kampus, pengambilan tenaga kerja bidang tumpuan dan program yang akan ditawarkan akan digubal oleh pasukan penggerak yang akan dilantik oleh Menteri Pengajian Tinggi nanti.

**MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 23 DAN 24 OGOS, 2005**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1. (c)**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG
WAKIL RHU RENDANG**

SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah penghijrahan keluar dan masuk penduduk Negeri Terengganu mengikut tahun dari 2000 hingga Jun 2005.

JAWAPAN : Soalan ini **DITOLAK** Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.

SOALAN 2 : Sila berikan jumlah tangkapan hasil laut di seluruh Negeri berdasarkan ukuran tan metrik dan nilai (RM) mengikut tempat-tempat pendaratan bagi tahun 2000 hingga Jun 2005.

JAWAPAN : Pendaratan Ikan Laut di Terengganu adalah seperti Jadual 1, 2 dan 3

Jadual 1: Jumlah Pendaratan (Tan Metrik) dan Nilai (RM Juta) Ikut Tahun

Tahun	Jumlah Pendaratan (Tan Metrik)	Nilai Pendaratan (RM)	Indek Harga Borong RM/KG.
2000	120,615	466.201	3.87
2001	107,277	438.924	4.09
2002	105,848	436.114	4.12
2003	90,911	346.114	3.81
2004	106,412	406.404	3.82
2005 (Mei)	33,745	128.877	3.82

Jadual 2: Jumlah Pendaratan Ikut Daerah (Tan Metrik)

Daerah	2000	2001	2002	2003	2004	2005
Besut	32,627	27,555	26,875	19,488	17,207	5,567
Setiu	8,233	6,928	7,976	6,162	7,776	1,453
K. Terengganu	33,206	28,532	28,477	27,799	36,093	12,423
Marang	14,918	14,478	13,730	11,154	13,400	4,252
Dungun	11,747	9,596	9,237	8,526	11,821	4,106
Kemaman	19,883	20,188	19,554	17,782	20,114	5,945
Jumlah	120,615	107,277	105,848	90,911	106,412	33,745

Jadual 3: Jumlah Pendaratan Ikut Daerah (RM Juta)

Daerah	2000	2001	2002	2003	2004	2005
Besut	126.109	112.742	110.732	74.226	65.716	21.259
Setiu	31.823	28.347	32.864	23.469	29.699	5.548
K. Terengganu	128.349	116.738	117.329	105.878	137.844	47.446
Marang	57.665	59.237	56.568	42.482	51.177	16.238
Dungun	45.405	39.262	38.057	32.471	45.147	15.682
Kemaman	76.851	82.598	80.565	67.724	76.820	22.704
Jumlah	466.201	438.924	436.114	345.114	406.404	128.877

SOALAN 3 Berapakah jumlah kutipan zakat bagi tahun 2004 dan jumlah terakhir untuk tahun 2005.

JAWAPAN : Jumlah kutipan zakat bagi tahun
2004 ialah RM36,147,739.28
2005 ialah RM13,003,093.58 – (sehingga 31 Julai 2005)

SOALAN 4 Mengikut rekod Kerajaan Negeri berapakah jumlah nelayan yang terdapat diseluruh negeri sehingga akhir tahun 2004, jumlah mereka yang telah berhenti turun ke laut hingga kini dan apakah sebab-sebabnya.

JAWAPAN : Bilangan Nelayan Ikut Daerah dari Tahun 2000 hingga Jun, 2005 adalah seperti Jadual di bawah:-

Tahun	Bumiputera	Cina	Lain-Lain	Jumlah
2000	6,750	15	1,812	8,577
2001	6,354	25	2,260	8,639
2002	6,037	14	2,604	8,656
2003	5,722	18	2,500	8,240
2004	5,899	9	2,841	8,749
2005 (Jun)	4,171	9	1,529	5,709

Sebab-sebab pengurangan bilangan nelayan;

- (a) Sebab-sebab peribadi nelayan itu sendiri.
- (b) Bilangan nelayan yang berlebihan boleh memberikan tekanan kepada tahap pemulihan sumber laut. Justeru adalah menjadi dasar kerajaan untuk mengurangkan bilangan nelayan melalui pelbagai program keusahawanan

berasaskan perikanan di daratan seperti aktiviti pemprosesan, akuakultur dan sebagainya.

- (c) Bilangan vesel laut dalam (C2) bertambah menyebabkan peningkatan penggunaan nelayan asing.

SOALAN 5

Sila nyatakan jumlah wang yang telah diterima oleh Kerajaan Negeri di bawah Kod Hasil 82386 hingga 31 Julai 2005 dan sebutkan Agensi-agensi yang menyumbang.

JAWAPAN

- : Sehingga 31 Julai 2005 sebanyak RM517,000,000.00 telah diterima. Agensi yang menyumbang ialah Kerajaan Persekutuan dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri.

**MESYUARAT KEDUA
 PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
 DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
 PADA 23 DAN 24 OGOS 2005**

**TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
 BILANGAN 4.1. (d)**

**SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
 Y.B. ENCIK ASHA'ARI BIN IDRIS
 WAKIL LANGKAP**

SOALAN 1 : Berapakah bilangan siswazah menganggur di Negeri Terengganu. Nyatakan pecahannya mengikut universiti.

a) Apakah langkah-langkah mengatasi masalah ini.

JAWAPAN : 1,729 orang (yang mempunyai diploma ke atas)

INSTITUSI	BILANGAN
Institut Teknologi Tun Abdul Razak	81
Kolej Universiti Islam Malaysia	3
Kolej Agama Sultan Zainal Abidin	103
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia	48
Terengganu Advanced Technical Institute	18
Universiti Islam Antarabangsa	37
Universiti Kebangsaan Malaysia	133
Universiti Malaya	90
Universiti Utara Malaysia	205
Universiti Tun Abdul Razak	8
Universiti Malaysia Sabah	23
Universiti Malaysia Sarawak	4
Universiti Putra Malaysia	204
Universiti Sains Malaysia	80
Universiti Teknologi Malaysia	120
Universiti Teknologi Mara	335
Universiti Petronas Malaysia	2
Universiti Tenaga Nasional Malaysia	2
Universiti Telekom Malaysia	4
Politeknik-politeknik	91
Lain-lain Kolej/Universiti Dalam/Luar Negara (Swasta)	138

- a) Kerajaan Negeri telah menyediakan pendaftaran melalui internet iaitu ***e-siswazah*** bagi menemukan syarikat-syarikat dengan siswazah-siswazah apabila memerlukan pekerja.

Kerajaan Negeri juga menyediakan latihan keusahawanan terutama dalam bidang agro-industri bersama dengan Kerajaan Persekutuan.

Kerajaan Negeri juga menggalakkan para siswazah untuk meningkatkan *soft-skills* serta keupayaan untuk berbahasa Inggeris bagi menambah peluang bagi mendapat pekerjaan.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 23 DAN 24 OGOS 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1. (e)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK NAWI BIN MOHAMAD
WAKIL HULU BESUT

- SOALAN 1 : Di Hulu Besut kerajaan telah mewujudkan penempatan Golongan Rakyat Termiskin (PPRT) di Kampung Belaoh.
- a) Apakah Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk membina rumah tambahan di perkampungan tersebut.
 - b) Apakah rancangan Kerajaan dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk di Perkampungan PPRT Belaoh di atas.
 - c) Kerajaan telah menyediakan Pengkalan Data Kemiskinan di Negeri Terengganu, berapakah jumlah terkini golongan rakyat termiskin (PPRT) mengikut DUN di Terengganu.

- JAWAPAN : a) Berdasarkan perancangan awal, penempatan PPRT di Kampung Belaoh mengandungi 100 buah rumah yang akan dibina secara berperingkat. Sehingga kini Kerajaan telah menyiapkan 50 buah untuk fasa 1 dan baki 50 buah lagi akan dilaksanakan menerusi Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RM Ke-9).
- b) Projek ekonomi yang disediakan kepada peserta di penempatan ini ialah sebagai buruh di ladang FELCRA Keruak. Meskipun demikian hanya sebahagian sahaja yang bekerja di ladang terbabit manakala selebihnya bekerja sendiri. Justeru Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk mengenal pasti Program Peningkatan Pendapatan bagi menjana pendapatan peserta di penempatan tersebut seperti projek tanaman salak dan projek jahitan industri pakaian.

- c) Setakat ini Kerajaan Negeri menjalankan pemutihan sebanyak 39,358 data dan daripada jumlah tersebut 16,954 termiskin, 11,519 miskin manakala selebihnya 9,318 keluar dari paras garis kemiskinan. Jumlah golongan termiskin mengikut DUN belum dapat disediakan kerana ia masih diperingkat kemaskini data.

SOALAN 2 : Sebahagian besar penduduk Hulu Besut adalah terdiri daripada petani dan pekebun buah-buahan yang mengharapkan pendapatan mereka daripada hasil tani dan buah-buahan. Pada tahun 2006 harga buah-buahan terlalu rendah di pasaran, contoh Buah Durian RM0.20 sen 1 kg. Buah Rambutan RM0.25 sen 1 kg., keadaan ini menjejaskan pendapatan dan menimbulkan rasa tidak puas hati rakyat.

- a) Apakah langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.
- b) Adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk memperkenalkan jenis tanaman baru atau kaedah baru seperti bioteknologi kepada penduduk Hulu Besut.

JAWAPAN : a) 1. Kerajaan Negeri melalui Jabatan pertanian telah berusaha untuk membantu golongan petani melalui pendekatan semasa atau jangka pendek seperti:

(i) Mengadakan jualan terus dan promosi di luar Negeri Terengganu seperti:

- Karnival Jom Makan-makan di Ampang, Kuala Lumpur.
- HPPNK pada 18-25 Ogos, 2005 di Shah Alam, Selangor.

(ii) Menggalakkan petani memproses hasil-hasil pertanian seperti:

- Durian diproses dijadikan lempok/seri kaya durian.

- (iii) Jabatan Pertanian akan memperkenalkan jenis tanaman lain seperti longan dan kelapa pandan.
2. Kerajaan Negeri melalui Jabatan/Agensi terlibat dalam Sektor Pertanian sedang dan akan terus mengambil beberapa tindakan yang berkesan bagi menangani lambakan buah-buahan tempatan. Walau bagaimanapun perlu diingatkan bahawa fenomena lambakan buah-buahan tempatan adalah sering kali berlaku disebabkan oleh beberapa faktor yang mana sebahagiannya sukar dikawal. Diantara faktor-faktor terutamanya ialah:-
- (i) Pengeluaran yang bermusim dimana buah-buahan tempatan keluar secara serentak dengan banyaknya dalam tempoh masa yang tertentu sahaja.
 - (ii) Persaingan dengan pengeluaran buah-buahan yang sama daripada negeri-negeri lain yang mana ada diantaranya mempunyai kualiti yang lebih baik daripada buah-buahan keluaran tempatan.
 - (iii) Persaingan dengan buah-buahan lain samada keluaran dalam negara ataupun lebih-lebih lagi buah-buahan yang diimport.
3. FAMA sebagai Agensi Pemasaran Kerajaan telah dan sedang memainkan peranannya secara positif bagi menangani masalah pemasaran hasil-hasil pertanian. Bagi mengatasi masalah lambakan buah-buahan tempatan semasa, berikut ialah beberapa langkah yang sedang di dalam tindakan FAMA.
- (i) Mengadakan promosi buah-buahan tempatan secara agresif bagi meningkatkan permintaan pengguna terhadap buah-buahan berkenaan. Program promosi dilaksanakan di Hypermarket dan Pasar Tani serta di Pesta atau Expo Perdagangan.

- (ii) Mewujudkan ruang pasaran tambahan bagi buah-buahan tempatan supaya dipasarkan secara meluas di Pasar Tani juga di Hypermarket tertentu.
 - (iii) Mengumpulkan maklumat berkaitan harga dan pasaran buah-buahan tertentu serta menyampaikan maklumat berkenaan kepada kumpulan sasar yang memerlukan.
 - (iv) Memberi khidmat nasihat dari segi potensi pasaran hasil-hasil pertanian termasuk buah-buahan.
 - (v) Melibatkan secara langsung di dalam memasarkan buah-buahan tempatan berdasarkan kepada keadaan semasa dan keperluan setempat. Objektif utama dalam aktiviti pemasaran ialah bagi mewujudkan persaingan harga dan seterusnya membantu menyelesaikan masalah pemasaran yang dihadapi oleh kumpulan sasar.
 - (vi) Mewujudkan kontrak pemasaran dengan petani atau kumpulan petani bagi mengelakkan daripada berlaku masalah-masalah pemasaran.
- b - Kerajaan Negeri juga akan merancang pendekatan jangka panjang dengan membentuk sebuah Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab terhadap pengeluaran serta pemasaran hasil-hasil pertanian oleh petani-petani bagi memelihara harga pasaran dan memberi jaminan harga kepada pengusaha.
- Selain dari itu Kerajaan Negeri mengambil pendekatan secara menyeluruh di dalam menangani isu-isu pemasaran pertanian khususnya dalam hal masalah lambakan buah-buahan tempatan. Langkah yang diambil termasuk seperti berikut:
- (i) Menggalakkan pengeluaran buah-buahan secara komersil yang mampu berdaya saing dalam pemasaran.

- (ii) Memperkenalkan jenis tanaman atau buah-buahan yang mempunyai potensi pasaran yang baik serta sesuai dengan keadaan Agro-Climatic tempatan.
- (iii) Menggalakkan pengeluaran buah-buahan yang berkualiti tinggi yang dapat memenuhi kehendak pengguna serta penentuan piawaian standard untuk pasaran tempatan dan juga antarabangsa.
- (iv) Menggalakkan penggunaan teknologi terkini dalam bidang pertanian bagi meningkatkan pengeluaran hasil dari segi kuantiti serta kualiti dan juga mengurangkan kos pengeluaran.
- (v) Mengadakan promosi pasaran bagi buah-buahan tempatan di dalam negeri dan juga di luar negara apabila diperlukan.
- (vi) Mengadakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara berterusan oleh Jabatan/Agensi berkenaan serta swasta di dalam bidang-bidang berkaitan pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran hasil-hasil pertanian termasuk buah-buahan.
- (vii) Menggalakkan pembangunan industri hiliran atau pemprosesan bagi hasil-hasil pertanian terutamanya buah-buahan.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 23 DAN 24 OGOS 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1. (f)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI HARUN BIN TAIB
WAKIL MANIR

SOALAN 1 : Sila nyatakan bilangan imam dan bilal yang ditahan kerja dan diberhentikan mengikut daerah sejak April 2004, dan sila nyatakan sebab-sebab tindakan itu diambil.

JAWAPAN : Sejak April 2004 seramai 13 orang Imam dan 5 orang Bilal ditahan kerja dan diberhentikan. Sebab-sebab diberhentikan adalah faktor salahlaku dan tidak mematuhi arahan jabatan.

SOALAN 2 : Bilakah jangkaan pembinaan Masjid Kampung Balik Bukit Besut, Masjid Kampung Penarek Setiu, Masjid Kampung Gemuroh Tepoh, Masjid Kampung Tebakang Bukit Payong, Masjid bandar Marang dan Masjid Kampung Buloh Kuala Berang akan siap?

JAWAPAN : Ianya bergantung kepada sumbangan/derma daripada orang ramai kecuali Masjid Bandar Marang dan Masjid Kg. Buloh dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Masjid Bandar Marang siap pada 2006 manakala Masjid Kg. Buloh siap pada Mac, 2006.

Kerajaan Negeri sekarang ini sedang membiayai 32 buah masjid dan 12 surau baru yang akan dilaksanakan tahun ini.

SOALAN 3

Sila senaraikan mereka yang telah dikurniakan tanah pertanian di Durian Mentangau Dungun berserta jumlah keluasan milikan masing-masing dan tarikh mereka memperolehi pemilikan tersebut?

JAWAPAN

: Mereka yang telah dikurniakan tanah pertanian adalah sebagaimana berikut:-

BIL	NAMA	KELUASAN	TARIKH MEMPEROLEHI
1.	Ramli bin Abdul Kadir	16.36 ha.	11.8.2001
2.	Imbasan Padu Sdn. Bhd.	50.80 ha.	13.2.2001

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 23 DAN 24 OGOS 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1. (g)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI RAMLAN BIN ALI
WAKIL JABI

- SOALAN 1 : Apakah langkah-langkah pencegahan yang telah diambil dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu bagi membentaras penjualan dan pembelian rokok kepada remaja berumur 18 tahun ke bawah.
- JAWAPAN : Langkah-langkah pencegahan yang telah diambil dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Terengganu dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu bagi membentaras penjualan dan pembelian rokok kepada remaja berumur 18 tahun ke bawah adalah sepertimana berikut:-
- i) Notis pemberitahuan berhubung dengan Akta Hasil Tembakau kepada penjual/pekedai dengan menampal notis pelekat di kedai-kedai runcit mengenai kesalahan menjual rokok/hasil tembakau kepada remaja berumur 18 tahun ke bawah dan kesalahannya.
 - ii) Pendidikan kesihatan dan penerangan di sekolah-sekolah menengah dan rendah di seluruh negeri diadakan 6 buah sekali.
 - iii) Operasi oleh Unit Penguatkuasa Kementerian Kesihatan dari Pejabat Kesihatan Daerah di tempat-tempat berikut:-
 - a) Stesen pam minyak.
 - b) Jabatan kerajaan termasuk sekolah dan hospital.

- c) Kedai-kedai runcit yang tidak mempamerkan larangan menjual rokok kepada remaja 18 tahun ke bawah.
- d) Mengeluarkan kompaun kepada remaja di bawah 18 tahun memiliki atau membeli rokok.

SOALAN 2 : Berapakah Indeks Jenayah yang berakhir 31 Julai 2005 dalam kategori Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda mengikut daerah-daerah.

JAWAPAN : Jenayah Indeks yang berakhir 31 Julai 2005 dalam kategori Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda adalah seperti berikut:-

**PERANGKAIAN JENAYAH INDEKS BAGI JANUARI
HINGGA JULAI 2005**

DAERAH	JENIS KESALAHAN		JUMLAH BESAR
	JENAYAH KEKERASAN	JENAYAH HARTA BENDA	
K.TERENGGANU	42	1163	1205
KEMAMAN	17	286	351
DUNGUN	15	254	269
BESUT	20	179	199
MARANG	10	139	149
H.TERENGGANU	8	101	109
SETIU	12	77	89
JUMLAH	124	2199	2323

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 23 DAN 24 OGOS 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1. (h)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK YAHYA BIN KHATIB MOHAMAD
WAKIL PENGKALAN BERANGAN

- SOALAN 1 : a. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi masalah pendaratan bot nelayan di Muara Sungai Mercang ?
- b. Tidak adakah perancangan jangka panjang Muara Sungai Mercang sepertimana di tempat lain seperti di Muara Sungai Marang ataupun Kerteh ? Kalau adalah, bila dan berapakah anggaran kos pembinaan muara tersebut ?
- c. Apakah langkah-langkah kerajaan bagi menaiktaraf pendapatan ekonomi bagi penduduk di Sungai Jenang, Marang terutama dalam aspek ternakan air tawar kepada penduduk tempatan ?

- JAWAPAN : a.
- (i) LKIM akan mengenalpasti tapak yang sesuai untuk tujuan membina jeti kecil pendaratan ikan bertujuan untuk memudahkan nelayan kecil mendaratkan ikan dan sebagai tambatan bot di Sungai Merchang.
- (ii) Langkah yang diambil dalam mengatasi masalah Muara Sungai Marcang adalah dengan mendalam laluan bot dan mengorek muara. Untuk tujuan ini peruntukan sebanyak RM350.000 oleh Kerajaan Negeri telahpun disediakan dan kerja-kerja awal sedang dibuat.

- (b) Bagi mengatasi masalah ini secara jangka panjang peruntukan sebanyak RM5,000.000 telah dipohon oleh JPS Negeri Terengganu di bawah RMK9.
- (c) Jabatan Perikanan sedang berusaha mengenalpasti kawasan-kawasan di daerah Marang yang sesuai bagi maksud pembangunan akuakultur untuk diwartakan sebagai TKPM. Di antara kawasan tersebut termasuklah di Merchang dan Jenang. Kerja-kerja pembinaan sangkar dan rakit untuk projek perintis sedang dilaksanakan. Diharap projek-projek contoh ini berjaya dan mampu untuk dijadikan model sebagai usaha Kerajaan menambah pendapatan sampingan penduduk setempat khususnya mereka yang terdiri dari masyarakat nelayan dan petani.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 23 DAN 24 OGOS 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1. (i)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. DATO' HAJI WAN ABD. MUTTALIB BIN EMBONG
WAKIL BATU BUROK

- SOALAN 1 : Sila nyatakan syarat-syarat kelayakan permohonan untuk mendapatkan rumah PPRT yang dicadangkan bina oleh Kerajaan Negeri dan adakah ianya terbuka hanya kepada ahli-ahli parti UMNO dan ahli parti-parti komponen BN sahaja.
- JAWAPAN : Syarat-syarat kelayakan bagi mendapatkan bantuan rumah PPRT adalah :-
- a) Golongan miskin/termiskin dengan pendapatan kurang daripada RM529 sebulan atau pendapatan perkapita RM115 sebulan.
 - b) Belum mempunyai rumah sendiri atau rumah sedia ada uzur dan tidak sesuai didiami.
 - c) Mempunyai tanah sendiri atau mendapat kebenaran tuan tanah sekiranya tanah itu milik orang lain.
- SOALAN 2 : Sila nyatakan Negeri/Negara yang telah dilawati oleh Y.A.B. Menteri Besar sejak 22 Mac 2004 hingga Julai 2005 dan jumlah peserta rombongan dan kos tiap satu lawatan.
- JAWAPAN : **Soalan ini DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**
- SOALAN 3 : Berapa ramai dan siapakah Ahli Yang Berhormat yang mengikuti lawatan ke Cina dalam tahun 2005 dan berapakah jumlah kos yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri/PBT.

JAWAPAN : **Soalan ini DITOLAK Menurut Perkara 26(2)(c) Peraturan-peraturan dan Perintah-perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Terengganu.**

SOALAN 4 : Sila nyatakan jika ada, penyertaan agensi Kerajaan Negeri/Anak Syarikat Kerajaan Negeri dalam pembinaan Lebuhraya Pantai Timur dan dalam bentuk apa.

JAWAPAN : Setakat hari ini kerja-kerja pembinaan lebuhraya belum lagi ditawarkan kepada mana-mana kontraktor atau anak syarikat Kerajaan Negeri kecuali kepada Syarikat Malaysia Thai Development (MTD) yang telah diberi secara (negotiate) rundingan harga sepanjang 65 km daripada Bukit Besi ke Bukit Payong. Kerja-kerja telah dimulakan di Pasir Tinggi di Sungai Telemong manakala bagi Pakej 11 & 12 (Bukit Payong – Gemuroh) iklan telah dikeluarkan pada 27.6.2005.

SOALAN 5 : Sehingga Julai 31 2005 berapakah kutipan hasil negeri daripada sumber tanah dan hutan (premium, cukai tahunan dan royalti).

JAWAPAN : Kutipan hasil negeri daripada sumber tanah dan hutan (Premium, Cukai Tahunan dan Royalti) dalam tahun 2005 sehingga 31 Julai adalah sebagaimana berikut :-

	PREMIUM (RM)	CUKAI TAHUNAN (RM)	ROYALTI (RM)
TANAH	11,917,955.00	34,110,770.25	3,774,222.39
HUTAN	11,890,987.52	Tiada kaitan	0
JUMLAH	23,808,942.52	34,110,770.25	3,774,222.39

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 23 DAN 24 OGOS 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1. (j)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK KHAZAN BIN CHE MAT
WAKIL BATU RAKIT

SOALAN 1 : Berapakah bilangan pengusaha ternak burung layang-layang untuk sarangnya di Bandar Kuala Terengganu, adakah Kerajaan memantau perusahaan ini dan apakah tindakan yang dibuat bagi mengelak jangkitan penyakit serta penyalahgunaan bangunan perniagaan.

JAWAPAN : Bilangan pengusaha ternak burung layang-layang adalah sebanyak 40 premis yang direkod oleh Majlis Perbandaran Kuala Terengganu.

Pihak Majlis juga sentiasa memantau aktiviti perusahaan ini bagi mengelakkan kacau ganggu, jangkitan penyakit dan tindakan mengeluarkan notis serta mengenakan kompaun juga diambil bagi penyalahgunaan bangunan perniagaan.

Sekadar simpanan sendiri

JAWAPAN : 1(a) Jumlah syarikat-syarikat MLVK dan cawangannya yang telah mendaftar mengikut kawasan Parlimen seperti berikut :-

BIL	PARLIMEN	JUMLAH
1.	Kuala Terengganu	8
2.	Kemaman	3
3.	Dungun	4
4.	Kuala Nerus	2
5.	Besut	2
6.	Hulu Terengganu	2
7.	Marang	1
8.	Setiu	-

1(b) Senarai syarikat sebagaimana berikut :-

BIL	NAMA SYARIKAT	ALAMAT
1.	Miza Elektrikal Centre	No. 1113-E, Jalan Tok Adis, Kuala Ibai, 20400 Kuala Terengganu
2.	Institut Perdagangan Malaysia	K-26, Jalan Baru Pak Sabah, 23000 Dungun
3.	Institut Teknologi Perwaja	Kawasan Perindustrian Telok Kalong, P.O. Box 6 Terengganu
4.	Cosmo Mercantile Sdn. Bhd.	A4-A5-A6, Kawasan Perindustrian Cendering, 21080 Kuala Terengganu.
5.	Akademi Caddcam	46B, Level 5, Mentari Business Park, Jalan PJS 8/2 Dataran Mentari, 46150 Petaling Jaya
6.	SBT Enterprise	Batu 24, Jalan Kuala Berang, 21700 Hulu Terengganu.
7.	MW Shop & Engineering Sdn. Bhd.	No. 171A, Batu 49, 23000 Dungun.
8.	Institut Kemahiran SAFA	Tingkat 3, Wisma Tun Tuah, Jalan Bukit Kecil, 21100 Kuala Terengganu.
9.	Showme Computer Centre	No. 83, Tingkat 2, Jalan Banggol, 20100 Kuala Terengganu.
10.	Biwan Training Academy	Bangunan LKPI, Depan Kem Tentera, Seberang Takir, Kuala Terengganu.

11.	Kolej Teras Timur	Kompleks Sura Gate, Jalan Pantai, 23000 Dungun.
12.	UMSTAC Skill Training Centre	Bengkel Kejuruteraan Bukit Payong, 21400 Marang
13.	Pusat Kemahiran Bintai Kinden	F19-F27, Kawasan Perindustrian Cendering, Kuala Terengganu.
14.	Pusat Latihan Kolej Ketengah	Bandar Al-Mukhtafi Billah Shah, 23400 Dungun.
15.	Era Training Centre Sdn. Bhd.	Lot 5, 6 & 7, Kilang Bimbingan IKS, Kawasan Perindustrian Ajil, 21800 Hulu Terengganu.
16.	Dynasty IT Services	1102, Jalan Sultan Sulaiman, 20000 Kuala Terengganu.
17.	Kolej Latihan Informasi dan Komunikasi (KLIK)	Tingkat 2, Bangunan Baitul Ehsan, Jalan Besar, 22000 Jerteh

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 23 DAN 24 OGOS 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1. (k)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. ENCIK MOHD ZAWAWI BIN HAJI ISMAIL
WAKIL KUALA BERANG

SOALAN 1 : Bandar Kuala Berang agak ketinggalan terutama dari segi pembangunan fizikal dibandingkan Bandar-bandar lain di Negeri Terengganu. Apakah usaha-usaha dan langkah-langkah Kerajaan Negeri serta anggaran kos yang akan dibelanjakan untuk memastikan Kuala Berang tidak ketinggalan.

JAWAPAN : Bagi memastikan Bandar Kuala Berang dan Daerah Hulu Terengganu tidak tersisih dari arus pembangunan. Kerajaan Negeri telah menyediakan perancangan jangka panjang yang mencakupi dalam Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu (RPNT) 2004-2008 (Peruntukan Negeri). Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe9) dan cadangan pembangunan Bandar Kuala Berang secara penswastaan.

Dalam Rancangan Pembangunan Negeri Terengganu (RPNT) 2004-2008, sebanyak RM53,700,000.00 telah diperuntukkan bagi kerja-kerja pembangunan sebagaimana berikut:-

Bil.	Program	Anggaran Kos Projek (RM)
1.	Pengambilan Balik Tanah	9,000,000.00
2.	Program Sosial	3,200,000.00
3.	Program Infrastruktur	25,050,000.00
4.	Program Sosio-Ekonomi	5,450,000.00

5.	Rekreasi Landskap dan Pengindahan Bandar	1,500,000.00
6.	Program Sosial dan Perkhidmatan Masyarakat	8,500,000.00
JUMLAH:		52,700,000.00

Cadangan Projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe 9) melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM38,800,000.00. Projek-projek tersebut adalah:-

Bil.	Program	Anggaran Kos Projek (RM)
1,	Projek BP. 1	36,650,000.00
2.	Projek BP. 3	2,000,000.00
3.	Projek BP. 5	150,000.00
JUMLAH:		38,800,000.00

Rancangan Pembangunan Bandar Kuala Berang secara penswastaaan dianggarkan menelan belanja sebanyak RM29,531,000.00 telah dicadangkan dan akan dibincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyusunan Semula Bandar dan Pusat-Pusat Pertumbuhan Daerah Hulu Terengganu dalam masa terdekat.

SOALAN 2 : Sejak akhir-akhir ini kedatangan pelancong ke Tasik Kenyir agak berkurangan. Apakah usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri membendung keadaan ini dan bagaimanakah hasilnya.

JAWAPAN Kedatangan pelancong ke Tasik Kenyir telah meningkat sedikit pada tahun 2005 jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya sebagaimana dalam Lampiran 'B'. Usaha promosi yang lebih agresif telah dan sedang dilaksanakan. **KETENGAH** selaku badan yang bertanggungjawab

mengawal dan memajukan Tasik Kenyir sentiasa menyertai program-program promosi yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri seperti Festival Terengganu yang telah diadakan di Singapura dan Festival Terengganu di Sunway Pyramid, Kuala Lumpur.

Pihak KETENGAH juga telah menganjurkan acara sukan pelancongan untuk menarik kembali para pelancong ke Tasik Kenyir. Pada tahun ini, KETENGAH telah menganjurkan acara Kenyir International Mountain Bike Challenge. Penganjuran acara seperti ini akan dapat memulihkan kedatangan pelancong ke Tasik Kenyir.

Kerajaan Negeri juga sedang mengambil tindakan untuk meningkatkan sumber ikan dengan mewujudkan santuari ikan di kawasan-kawasan tertentu di Tasik Kenyir.

SOALAN 3 : Hulu Terengganu banyak terdapat tempat-tempat perkelahan dan tinggalan-tinggalan sejarah yang menarik. Apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri menjaga, mengawal dan mempromosikan perkara tersebut untuk menarik lebih ramai pelancong.

JAWAPAN Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk meningkatkan kedatangan pelancong ke negeri ini termasuklah ke Hulu Terengganu. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri sentiasa meningkatkan kemudahan infrastruktur dan kemudahsampaian ke destinasi pelancongan. Ini termasuklah penyediaan jalan raya, membaikpulih dan membina kemudahan pelancongan yang lain seperti tandas awam, pondok rehat, surau dan sebagainya.

SOALAN 4 : Apakah status terkini proses pengambilan balik tanah untuk Projek Bekalan Air Luar Bandar (SATU) di daerah Hulu Terengganu.

JAWAPAN : Setakat ini semua Projek Bekalan Air Luar Bandar tidak terlibat dengan pengambilan balik tanah khususnya di daerah Hulu Terengganu.

Sepanjang tempoh RMKe-8, Projek-projek Bekalan Air Luar Bandar yang dilaksanakan di daerah Hulu Terengganu hanya melibatkan pemasangan paip sahaja dan tidak terlibat pengambilan balik tanah. Projek Loji Air Hulu Terengganu yang sedang dilaksanakan sekarang tidak termasuk dalam Projek Bekalan Air Luar Bandar.

SOALAN 5 : Apakah usaha-usaha yang dilakukan Kerajaan Negeri membendung masalah ternakan lembu, kerbau dan lain-lain yang begitu berleluasa dan berkeliaran sejak sekian lama.

JAWAPAN : Usaha-usaha yang dilakukan ialah:-

1. Memastikan setiap permohonan bantuan pawah ternakan kerajaan memiliki kawasan pemeliharaan sendiri yang mencukupi atau menjadi ahli kepada Padang Ragut di kampung berkenaan.
2. Bagi kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), operasi menangkap ternakan-ternakan yang berkeliaran dijalankan dari masa ke semasa. Denda dikenakan.
3. Dari masa ke semasa, peringatan melalui khutbah Jumaat disampaikan di masjid-masjid tertentu dalam usaha Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH), melalui Jabatan Agama Islam, untuk mengingatkan pemilik-pemilik ternakan akan tanggungjawab mereka dalam hal ini.
4. JPH Terengganu mengadakan kursus dan penerangan kepada pengusaha ternakan (13,773 pemilik yang berdaftar dengan JPH) seluruh negeri. Jabatan akan memberikan keutamaan mengikut jumlah ternakan yang bermasalah dan mengikut DUN. Usaha ini dijangka akan dapat membantu mengurangkan masalah ternakan berkeliaran dan sekali gus mampu meningkatkan produktiviti ternakan berkenaan.

5. Mulai tahun 2005 ini, JPH Terengganu memberikan tumpuan kepada penternakan kambing pedaging sistem intensif (berkandang sepenuh masa), salah satu daripada tujuan perubahan sistem penternakan dan tumpuan projek ini adalah untuk menangani masalah ternakan berkeliaran dan membendung isu penularan penyakit berjangkit.
6. Usaha menggalakkan pengeluaran baja organik daripada tinja kambing dan lembu/kerbau juga bertujuan untuk menggalakkan pengusaha kambing dan lembu tradisional mengandang ternakan mereka (kerana hendak mengumpul tinja untuk dijual kepada pengilang baja organik). Usaha ini juga akan menambah pendapatan mereka.

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERSIDANGAN YANG KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI KESEBELAS
PADA 23 DAN 24 OGOS 2005

TERTIB PEKERJAAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
BILANGAN 4.1. (I)

SOALAN-SOALAN BAGI JAWAPAN BERTULIS OLEH
Y.B. HAJI MOHD ABDUL WAHID BIN HAJI ENDUT
WAKIL WAKAF MEMPELAM

SOALAN 1 : Sila nyatakan jumlah pelajar sekolah di negeri ini mengikut pecahan daerah yang ditangkap kerana kesalahan dadah dan kegiatan jenayah sepanjang tahun 2004 dan 2005

JAWAPAN : Jumlah tangkapan pelajar sekolah di Terengganu mengikut pecahan daerah yang ditangkap kerana kesalahan dadah sepanjang tahun 2004 dan 2005.

Daerah/Tahun	2004	Jan – Julai 2005
Kuala Terengganu	5	6
Kemaman	0	0
Dungun	1	3
Besut	14	26
Marang	4	8
Hulu Terengganu	1	1
Setiu	1	2
JUMLAH	26	46

Jumlah tangkapan pelajar sekolah di Terengganu mengikut pecahan daerah yang ditangkap kerana kesalahan jenayah sepanjang tahun 2004 dan 2005.

Daerah/Tahun	2004	Jan – Julai 2005
Kuala Terengganu	50	33
Kemaman	12	12
Dungun	18	14

Besut	23	17
Marang	11	7
Hulu Terengganu	3	16
Setiu	12	6
JUMLAH	129	105

SOALAN 2 : Sila senaraikan pemilik-pemilik berdaftar tanah pelancongan di Pulau Redang berserta jumlah keluasan milikan masing-masing dan tarikh mereka memperolehi tanah tersebut.

JAWAPAN : Pemilik-pemilik berdaftar tanah pelancongan di Pulau Redang berserta jumlah keluasan milikan masing-masing dan tarikh mereka memperolehi tanah tersebut adalah seperti berikut :-

1. PROJEK : LAGUNA REDANG ISLAND RESORT SDN. BHD.

Alamat surat-menyurat : S-5, Wisma Tenang, Jalan Sultan Sulaiman, 2000 Kuala Terengganu.
 Alamat perniagaan : Lot 97-98, Pasir Panjang Kecil, Pulau Redang

1.1. TANAH

1.1.1. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik : Lot 97, GM 46
 Lokasi : Pasir Panjang Kecil
 Keluasan : 3.144 ekar/1.2723 ha.
 Pemilik : Pelbagai Saujana (M) Sdn. Bhd. (Syarikat Pegangan Melayu)
 Tarikh Memperolehi : 29.5.1993
 Kegunaan Tanah : Bangunan
 Syarat Nyata : Pelancongan.
 Bangunan hotel dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengannya.
 Pelanggaran Syarat : Tiada
 * Pemilik Projek Bukan Melayu.

1.1.2. Keterangan Tanah:

No. Lot/Hakmilik	:	Lot 98, GM 47
Lokasi	:	Pasir Panjang Kecil
Keluasan	:	6475 meter persegi/1.600 ekar.
Pemilik	:	Pelbagai Saujana (M) Sdn. Bhd. (Syarikat Pegangan Melayu)
Tarikh Memperolehi	:	29.5.1993
Kegunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat Nyata	:	Pelancongan. Bangunan hotel dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengannya.
Pelanggaran Syarat	:	Tiada * Pemilik Projek Bukan Melayu.

1.1.3. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	Lot 305, Pajakan Negeri 4738
Lokasi	:	Pasir Panjang Kecil
Keluasan	:	25720 meter persegi
Pemilik	:	Voyage Avenuea (M) Sdn. Bhd.
Tarikh Memperolehi	:	12.4.1998
Kegunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat Nyata	:	Bangunan yang berkaitan dengan pelancongan sahaja.
Pelanggaran Syarat	:	Tiada

1.1.4. Keterangan Tanah:

No. Lot/Hakmilik	:	Lot 306, Pajakan Negeri 4739
Lokasi	:	Pasir Panjang Kecil
Keluasan	:	10340 meter persegi
Pemilik	:	Voyage Avenuea (M) Sdn. Bhd.
Tarikh Memperolehi	:	12.4.1998
Kegunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat Nyata	:	Bangunan yang berkaitan dengan pelancongan sahaja
Pelanggaran Syarat	:	Tiada

1.1.5. Keterangan Tanah:

No. Lot/Hakmilik	:	PT 869, LMS No. A 39/2002
Lokasi	:	Telok Betigi
Keluasan	:	7008 meter persegi
Pemilik	:	Laguna Redang Island Resort Sdn. Bhd.

Tarikh Memperolehi : 1.1.2002 hingga 31.12.2004
 Kegunaan Tanah : Bangunan
 Syarat Nyata : Bangunan dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengan pelancongan. Tidak dibenarkan mendirikan apa-apa kekal atau lain binaan kekal.
 * LMS akan tamat tempohnya pada 31.12.2004.
 Angkat kekal dan dalam proses tindakan Pentadbir Tanah Daerah.

Pelanggaran Syarat : - Terdapat 3 buah bangunan kekal 3 tingkat untuk asrama.
 - Sebuah bangunan kekal setingkat untuk kantin.
 - Sebuah bangunan kekal setingkat untuk stor minyak dan enjin letrik.
 - Sebuah takungan najis berpusat kekal sedalam 16 kaki.

1.1.6. Keterangan Tanah:

No. Lot/Hakmilik : PT 872, LMS No. A 163/2002
 Lokasi : Telok Betigi
 Keluasan : 9908 meter persegi
 Pemilik : Laguna Redang Island Resort Sdn. Bhd.
 Tarikh Memperolehi : 1.1.2002 hingga 31.12.2004
 Kegunaan Tanah : Bangunan
 Syarat Nyata : Bangunan dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengan pelancongan. Tidak dibenarkan mendirikan apa-apa kekal atau lain binaan kekal.
 * LMS akan tamat tempohnya pada 31.12.2004.

Pelanggaran Syarat : Terdapat sebuah bangunan kekal setingkat untuk 'Dive-Shop'.
 Angkat permohonan kekal dalam tindakan Pentadbir Tanah Daerah.

1.1.7. Keterangan Tanah:

No. Lot/Hakmilik : Tanah kerajaan (belum ada permohonan)
 Lokasi : Telok Betigi

Keluasan	:	88.8 meter persegi
Pemilik	:	Laguna Redang Island Resort Sdn. Bhd.
Tarikh Memperolehi	:	
Kegunaan Tanah	:	Tanah Kerajaan
Syarat Nyata	:	Tiada * (Di atas tanah ini dibina sebuah jeti berukuran 3m x 29.6m).
Pelanggaran Syarat	:	Jeti konkrit dibina tanpa permohonan dan kelulusan.

2. **PROJEK : REDANG REEF RESORT TRAVEL & TOURS SDN. BHD.**

Alamat surat-menyurat	:	No. 167, Jalan Bandar 20100 Kuala Terengganu
Alamat perniagaan	:	Lot 19, Pasir Mak Chantek, Pulau Redang, 21090 Kuala Terengganu

2.1. **TANAH**

2.1.1. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	Lot 19, GM 14
Lokasi	:	Pasir Mak Chantek
Keluasan	:	0.1671 ha./0.413 ekar
Pemilik	:	Redang Properties Sdn. Bhd. (Syarikat Pegangan Melayu)
Tarikh Memperolehi	:	20.7.1996 (Beli – RM120,000..00)
Kegunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat Nyata	:	Bangunan chalet dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengannya.
Pelanggaran Syarat	:	Tiada * Pemilik Projek Bukan Melayu.

2.1.2. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	PT 854, Pajakan No. 7
Lokasi	:	Pasir Mak Chantek
Keluasan	:	3679 meter persegi
Pemilik	:	Redang Properties Sdn. Bhd.
Tarikh Memperolehi	:	

Kegunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat Nyata	:	Bangunan chalet dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengannya.
Pelanggaran Syarat	:	Tiada

3. PROJEK : REDANG REEF RESORT TRAVEL & TOURS SDN. BHD.

Alamat surat-menyurat	:	89, Jalan Pudu Lama, 50200 Kuala Lumpur
Alamat perniagaan	:	Lot 95, Pasir Panjang Kecil Pulau Redang, 21090 Kuala Terengganu

3.1. TANAH

3.1.1. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	Lot PT 547P, HS(M) 16
Lokasi	:	Pasir Panjang Kecil
Keluasan	:	4046.8 meter persegi
Pemilik	:	Angsana Redang Sdn. Bhd.
Tarikh Memperolehi	:	21.9.1999
Kegunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat Nyata	:	Bangunan chalet dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengannya.
Pelanggaran Syarat	:	Tiada * Pemilik Projek Bukan Melayu.

3.1.2. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	Lot PT 888, HS(M) 54
Lokasi	:	Pasir Panjang Kecil
Keluasan	:	2547.1 meter persegi
Pemilik	:	Angsana Redang Sdn. Bhd. (Syarikat Pegangan Melayu)
Tarikh Memperolehi	:	21.9.1999
Kegunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat Nyata	:	Bangunan chalet dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengannya.
Pelanggaran Syarat	:	Tiada * Pemilik Projek Bukan Melayu

3.1.3. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	Lot 95, GM 44
Lokasi	:	Pasir Panjang Kecil
Keluasan	:	17010meter persegi
Pemilik	:	Angsana Redang Sdn. Bhd. (Syarikat Pegangan Melayu)
Tarikh Memperolehi	:	
Kegunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat Nyata	:	Bangunan chalet dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengannya.
Pelanggaran Syarat	:	Tiada * Pemilik Projek Bukan Melayu

3.1.4. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	Lot 857, Pajakan No. 3
Lokasi	:	Pasir Panjang Kecil
Keluasan	:	7738 meter persegi
Pemilik	:	Angsana Redang Sdn. Bhd. (Syarikat Pegangan Melayu)
Tarikh Memperolehi	:	
Kegunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat Nyata	:	Bangunan chalet dan bangunan- bangunan yang berkaitan dengannya.
Pelanggaran Syarat	:	Tiada * Pemilik Projek Bukan Melayu

3.1.5. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	Lot 856, LMS No. A. 249/2001
Lokasi	:	Pasir Panjang Kecil
Keluasan	:	2772 meter persegi
Pemilik	:	Angsana Redang Sdn. Bhd. (Syarikat Pegangan Melayu)
Tarikh Memperolehi	:	1.1.2001
Kegunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat Nyata	:	Bangunan yang berkaitan dengan pelancongan. Tidak dibenarkan mendirikan apa-apa jua bangunan kekal atau lain-lain binaan kekal. * LMS ini tamat tempohnya pada 31.12.2002.

Pelanggaran Syarat : Tiada
Dalam proses sambungan LMS (JKPTD telah lulus).

4. PROJEK : REDANG LANGGON CHALET

Alamat surat-menyurat : Lot 6629, Jalan Kelisa,
23100 Paka, Dungun, Terengganu
Alamat perniagaan : Lot 94, Pasir Panjang Kecil
Pulau Redang,
21090 Kuala Terengganu

4.1. TANAH

4.1.1. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik : Lot 94, GM 43
Lokasi : Pasir Panjang Besar
Keluasan : 5208 meter persegi
Pemilik : Fatimah binti A.P. Musa
Tarikh Memperolehi : 13.10.1991 (Beli – RM85,000.00)
Kegunaan Tanah : Bangunan
Syarat Nyata : Bangunan yang berkaitan dengan
pelancongan.
Pelanggaran Syarat : Tiada

4.1.2. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik : Lot PT 559, Pajakan No. 4
Lokasi : Pasir Panjang Besar
Keluasan : 1933 meter persegi
Pemilik : Fatimah binti A.P. Musa
Tarikh Memperolehi :
Kegunaan Tanah : Bangunan
Syarat Nyata : Bangunan yang berkaitan dengan
pelancongan.
Pelanggaran Syarat : Tiada

5. PROJEK : REDANG BAY RESORT TRAVEL & TOURS SDN. BHD.

Alamat surat-menyurat : Lot 139, Jalan Bandar,
20100 Kuala Terengganu
Alamat perniagaan : Lot 93, Pasir Panjang Kecil
Pulau Redang,
21090 Kuala Terengganu

5.1. TANAH

5.1.1. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik : Lot 93, GM 193
Lokasi : Pasir Panjang Besar
Keluasan : 5309 meter persegi/0.5309 ha.
Pemilik : Redang Marina Resort Sdn. Bhd.
(Syarikat Pegangan Melayu)
Tarikh Memperolehi : 16.11.1999
Kegunaan Tanah : Bangunan
Syarat Nyata : Bangunan chalet dan lain-lain yang
berkaitan dengannya.
Pelanggaran Syarat : Tiada
* Pemilik Projek Bukan Melayu.

5.1.2. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik : Lot PT 545
Lokasi : Pasir Panjang Besar
Keluasan : 4627 meter persegi
Pemilik : Redang Bay Resort Travel & Tours
Sdn. Bhd.
Tarikh Memperolehi :
Kegunaan Tanah : Bangunan
Syarat Nyata : Bangunan dan lain-lain bangunan yang
berkaitan dengan pelancongan.
Pelanggaran Syarat : Tiada

5.1.3. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik : Lot PT 867, LMS No. A 226/2002
Lokasi : Pasir Panjang Besar
Keluasan : 545 meter persegi
Pemilik : Redang Bay Resort Travel & Tours
Sdn. Bhd.
Tarikh Memperolehi : 1.1.2002

Kegunaan Tanah : Bangunan
Syarat Nyata : Bangunan dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengan pelancongan.
Tidak dibenarkan mendirikan apa-apa jua bangunan kekal atau lain-lain binaan kekal.

* LMS ini tamat tempohnya pada 31.12.2004.
Pelanggaran Syarat : LMS tidak disambung

6. PROJEK : AYU MAYANG RESORT SDN. BHD.

Alamat surat-menyurat : Lot 193 Jalan Bandar,
20100 Kuala Terengganu
Alamat perniagaan : Lot 92, Pasir Panjang Kecil
Pulau Redang,
21090 Kuala Terengganu

6.1. TANAH

6.1.1. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik : Lot 92, GM 41
Lokasi : Pasir Panjang Besar
Keluasan : 3084 meter persegi/0.762ha.
Pemilik : Alias bin Yahaya
Tarikh Memperolehi : 17.11.1993 (Beli – RM120,000.00)
Kegunaan Tanah : Bangunan
Syarat Nyata : Bangunan chalet dan lain-lain yang berkaitan dengannya.
Pelanggaran Syarat : Tiada
* Pemilik Projek Bukan Melayu.

6.1.2. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik : Lot PT 860, Pajakan No. 5
Lokasi : Pasir Panjang Besar
Keluasan : 2306 meter persegi
Pemilik : Venture Holidays Sdn. Bhd.
Tarikh Memperolehi :
Kegunaan Tanah : Bangunan

Syarat Nyata : Bangunan atau lain-lain bangunan yang berkaitan pelancongan.
Pelanggaran Syarat : Tiada

6.1.3. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik : Lot PT 866, LMS 312/2001
Lokasi : Pasir Panjang Besar
Keluasan : 589 meter persegi
Pemilik : Venture Holidays Sdn. Bhd.
Tarikh Memperolehi : 1.1.2001 – 31.12.2004
Kegunaan Tanah : Bangunan
Syarat Nyata : Bangunan atau lain-lain bangunan yang berkaitan pelancongan.

Tidak dibenarkan mendirikan apa-apa jenis bangunan kekal atau lain-lain binaan kekal.

Pelanggaran Syarat : Tiada
Dalam proses sambung LMS.

7. PROJEK: REDANG PELANGI RESORT TOUR & TRAVEL SDN. BHD.

Alamat surat-menyurat : 2A, Jalan Syed Hussin,
20100 Kuala Terengganu
Alamat perniagaan : Lot 91, Pasir Panjang Besar
Pulau Redang,
21090 Kuala Terengganu

7.1. TANAH

7.1.1. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik : Lot 91, GM 40
Lokasi : Pasir Panjang Besar
Keluasan : 2780 meter persegi.
Pemilik : Redang Pelangi Properties Sdn. Bhd.
Tarikh Memperolehi : 21.6.1998
Kegunaan Tanah : Bangunan
Syarat Nyata : Bangunan chalet dan lain-lain yang berkaitan dengannya.

Pelanggaran Syarat	:	Tiada * Pemilik Projek Bukan Melayu.
7.1.2. Keterangan Tanah :		
No. Lot/Hakmilik	:	Lot PT 855L, LMS No. 225/2002
Lokasi	:	Pasir Panjang Besar
Keluasan	:	1218 meter persegi
Pemilik	:	Redang Pelangi Resort Tour & Travel Sdn. Bhd.
Tarikh Memperolehi	:	1.1.2002
Kegunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat Nyata	:	Bangunan chalet dan lain-lain yang berkaitan dengannya. Tidak dibenarkan mendirikan apa-apa jua bangunan kekal atau lain-lain binaan kekal. *LMS ini tamat tempohnya pada 31.12.2004.
Pelanggaran Syarat	:	Belum disambung

8. PROJEK : CORAL REDANG ISLAND RESORT SDN. BHD.

Alamat surat-menyurat	:	226, Jalan Bandar 20100 Kuala Terengganu
Alamat perniagaan	:	Lot 8991, Pasir Panjang Besar Pulau Redang, 21090 Kuala Terengganu

8.1. TANAH

8.1.1. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	Lot 89, GM 38
Lokasi	:	Pasir Panjang Besar
Keluasan	:	6677 meter persegi/1.650 ekar.
Pemilik	:	DYMM Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al Marhum Sultan Mahmud Al Muktafi Billah Shah
Tarikh Memperolehi	:	29.10.1990
Kegunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat Nyata	:	Bangunan hotel dan lain-lain yang berkaitan dengannya.
Pelanggaran Syarat	:	Tiada

8.1.2. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	Lot 852L, LMS No. A 78/2001
Lokasi	:	Pasir Panjang Besar
Keluasan	:	887 meter persegi
Pemilik	:	DYMM Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al Marhum Sultan Mahmud Al Muktafi Billah Shah
Tarikh Memperolehi	:	1.1.2001
Kegunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat Nyata	:	Bangunan dan lain-lain bangunan yang berkaitan pelancongan. * LMS ini tamat tempohnya pada 31.12.2004
Pelanggaran Syarat	:	Tiada Telah diluluskan sambungan LMS dan dalam proses pembayaran.

8.1.3. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	Lot 268, Pajakan Negeri 2720.
Lokasi	:	Pasir Panjang Besar
Keluasan	:	2.7340 ha:
Pemilik	:	DYMM Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al Marhum Sultan Mahmud Al Muktafi Billah Shah
Tarikh Memperolehi	:	
Kegunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat Nyata	:	Hotel/Motel
Pelanggaran Syarat	:	Tiada

9. **PROJEK : REDANG HOLIDAY BEACH VILLA**

Alamat surat-menyurat	:	No. 10, Mezzanine Floor, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu
Alamat perniagaan	:	Lot 121, Pasir Panjang Besar Pulau Redang, 21090 Kuala Terengganu

9.1. TANAH

9.1.1. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	Lot 121, GM 48
Lokasi	:	Pasir Panjang Besar
Keluasan	:	0.0150 ha.
Pemilik	:	Mansor bin Yusof
Tarikh Memperolehi	:	10.12.1996
Kegunaan Tanah	:	Tiada
Syarat Nyata	:	Kelapa
Pelanggaran Syarat	:	Tiada
		* Pemilik Projek Bukan Melayu

9.1.2. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	Lot 851, Pajakan No. 1
Lokasi	:	Pasir Panjang Besar
Keluasan	:	9211 meter persegi
Pemilik	:	Redang Island Marine Adventure Sdn. Bhd.
Tarikh Memperolehi	:	
Kegunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat Nyata	:	Bangunan dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengan pelancongan
Pelanggaran Syarat	:	Tiada

9.1.3. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	Lot 864, Pajakan No. 2
Lokasi	:	Pasir Panjang Besar
Keluasan	:	2744 meter persegi
Pemilik	:	Redang Island Marine Adventure Sdn. Bhd.
Tarikh Memperolehi	:	
Kegunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat Nyata	:	Bangunan dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengan pelancongan
Pelanggaran Syarat	:	Tiada

10. PROJEK : REDANG KALONG RESORT TRAVEL & TOURS SDN. BHD.

Alamat surat-menyurat : No. 57, Jalan Sultan Zainal,
20000 Kuala Terengganu.
Alamat perniagaan : Lot 84/85, Telok Bakau,
Pulau Redang,
21090 Kuala Terengganu

10.1. TANAH

10.1.1. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik : Lot 84, GM 33
Lokasi : Telok Bakau
Keluasan : 0.1465 ha. / 0.362 ekar
Pemilik : Ideal Padu Sdn. Bhd.
(Syarikat Pegangan Melayu)
Tarikh Memperolehi : 2.4.1997
Kegunaan Tanah : Tiada
Syarat Nyata : Kelapa
Pelanggaran Syarat :
- Tanah tidak ditukar syarat kepada bangunan.
- Sebahagian bangunan dibina atas tanah kerajaan.
- Pemilik Projek Bukan Melayu.

10.1.2. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik : Lot 85, GM 34
Lokasi : Telok Bakau
Keluasan : 0.0429 ha. / 0.106 ekar
Pemilik : Ideal Padu Sdn. Bhd.
(Syarikat Pegangan Melayu)
Tarikh Memperolehi : 2.4.1997
Kegunaan Tanah : Tiada
Syarat Nyata : Kelapa
Pelanggaran Syarat :
- Tanah tidak ditukar syarat kepada bangunan.
- Sebahagian bangunan dibina atas tanah kerajaan.
- Pemilik Projek Bukan Melayu.

11. PROJEK : MOZANA BEACH CHALET

Alamat surat-menyurat : 167, Taman Permint Jaya,
Jalan Mawar 19, Cenering,
21080 Kuala Terengganu
Alamat perniagaan : Lot 234, Telok Bakau,
Pulau Redang,
21090 Kuala Terengganu.

11.1. TANAH

11.1.1. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik : Lot 234, GM 182
Lokasi : Telok Bakau
Keluasan : 713 meter persegi
Pemilik :)Naina Suraya bt. Ariffin
)Mohd Zaid b. Mohamad
Tarikh Memperolehi : 6.12.1998
Kegunaan Tanah : Bangunan
Syarat Nyata : Bangunan chalet dan lain-lain
bangunan yang berkaitan dengannya.
Pelanggaran Syarat : - Tiada

12. PROJEK : REDANG INN SDN. BHD.

Alamat surat-menyurat : Suite 2.69 1st Floor Wisma Central,
Jalan Ampang, 50450 K.L.
Alamat perniagaan : Lot 83, Telok Bakau
21090 Pulau Redang, K. Tre.

12.1. TANAH

12.1.1. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik : Lot 83, GM 32
Lokasi : Kubur Telok Bakau
Keluasan : 0.3387 ha./0.837 ekar
Pemilik : Md. Rushdi bin Taib
Tarikh Memperolehi : 17.2.1994
Kegunaan Tanah : Tiada
Syarat Nyata : Kelapa
Pelanggaran Syarat : - Tanah tidak ditukar syarat kepada
bangunan.

- Sebahagian bangunan dibina atas tanah kerajaan.

12.1.2. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	Lot 82, GM 31
Lokasi	:	Telok Bakau
Keluasan	:	0.1643 ha./0.406 ekar
Pemilik	:	Ahmad Anwar b. Mohd Nor
Tarikh Memperolehi	:	5.7.1994
Kegunaan Tanah	:	Tiada
Syarat Nyata	:	Kelapa
Pelanggaran Syarat	:	<ul style="list-style-type: none"> - Tanah tidak ditukar syarat kepada bangunan. - Sebahagian bangunan dibina atas tanah kerajaan.

12.1.3. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	Lot 81, GM 30
Lokasi	:	Telok Bakau
Keluasan	:	0.1870 ha./0.462 ekar
Pemilik	:	Ahmad Anwar b. Mohd Nor
Tarikh Memperolehi	:	5.7.1994
Kegunaan Tanah	:	Tiada
Syarat Nyata	:	Kelapa
Pelanggaran Syarat	:	<ul style="list-style-type: none"> - Tanah tidak ditukar syarat kepada bangunan.

12.1.4. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	Lot 79, GM 28
Lokasi	:	Telok Bakau
Keluasan	:	0.0858 ha./0.212 ekar
Pemilik	:	Md. Rushdi bin Taib
Tarikh Memperolehi	:	17.2.1994
Kegunaan Tanah	:	Tiada
Syarat Nyata	:	Kelapa
Pelanggaran Syarat	:	<ul style="list-style-type: none"> - Tanah tidak ditukar syarat kepada bangunan. - Sebahagian bangunan dibina atas tanah kerajaan.

12.1.5. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	Lot 80, GM 29
------------------	---	---------------

Lokasi	:	Telok Bakau
Keluasan	:	0.1518 ha./0.375 ekar
Pemilik	:	Ahmad Anwar b. Mohd Nor
Tarikh Memperolehi	:	14.10.1994
Kegunaan Tanah	:	Tiada
Syarat Nyata	:	Kelapa
Pelanggaran Syarat	:	- Tanah tidak ditukar syarat kepada bangunan. - Sebahagian bangunan dibina atas tanah kerajaan.

13. PROJEK : BERJAYA REDANG BEACH SDN. BHD.

Alamat surat-menyurat	:	Tingkat 11, Menara Berjaya KL Plaza, 179 Jalan Bukit Bintang, 55100 K.L.
Alamat perniagaan	:	Telok Dalam Kecil, 21090 K. Trg.

131. TANAH

131.1. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	Lot 1, GM 247
Lokasi	:	Telok Dalam Kecil
Keluasan	:	2.981 ekar
Pemilik	:	Pelangi Tinggi Sdn. Bhd. (Syarikat Pegangan Melayu)
Tarikh Memperolehi	:	25.9.1991
Kegunaan Tanah	:	Bangunan
Syarat Nyata	:	Bangunan dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengan pelancongan sahaja.
Pelanggaran Syarat	:	Tiada * Pemilik projek Bukan Melayu.

131.2. Keterangan Tanah :

No. Lot/Hakmilik	:	PT 289K, HS(D) 4360
Lokasi	:	Telok Dalam Kecil
Keluasan	:	13.871 hektar
Pemilik	:	Redang Island Resort Sdn. Bhd.
Tarikh Memperolehi	:	
Kegunaan Tanah	:	Bangunan

Syarat Nyata : Bangunan dan lain-lain bangunan yang berkaitan dengan pelancongan sahaja.
Pelanggaran Syarat : Tiada

SOALAN 3 : Apakah usaha dan program Kerajaan Negeri untuk membantu dan membela ibu-ibu tunggal yang miskin di negeri ini.

JAWAPAN : Kerajaan Negeri sentiasa berusaha memastikan golongan ibu tunggal miskin terbela nasib mereka sebagaimana golongan miskin lainnya. Justeru golongan ini telah dibabitkan dalam program yang disediakan oleh kerajaan kepada Ketua Isi Rumah Miskin seperti :-

- a) Program Bantuan Rumah sama ada bina baru atau baik pulih.
- b) Program Makanan Tambahan Seimbang
- c) Program Motivasi
- d) Program Peningkatan Pendapatan
- e) Program Latihan dan Pendidikan



Percetakan Yayasan Islam Terengganu
Gong Badak, 21300 Kuala Terengganu, Terengganu.
Tel: 09-666 4611/4652/3601 Faks: 09-666 2611/1063